



LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM
SERTA AKTIVITI-AKTIVITI KEMENTERIAN,
JABATAN DAN AGENSI
KERAJAAN PERSEKUTUAN
TAHUN 1999



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

	Muka Surat
<u>KATA-KATA PENDAHULUAN</u>	<u>xi</u>
<u>PENJELASAN KEPADA SINGKATAN KATA</u>	<u>xv</u>
<u>INTISARI LAPORAN</u>	<u>xxi</u>
BAHAGIAN I : <u>PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN</u> BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1999	
1. <u>PENDAHULUAN</u>	<u>3</u>
2. <u>PENYEDIAAN PENYATA AKAUN AWAM</u>	<u>3</u>
3. <u>ANALISIS TERHADAP PENYATA AKAUN AWAM</u>	<u>3</u>
3.1. <u>Sumber Dan Penggunaan Dana Kerajaan Persekutuan</u>	
3.2. <u>Hutang Awam</u>	
3.3. <u>Pinjaman Yang Dikeluarkan Oleh Kerajaan Persekutuan</u>	
3.4. <u>Jaminan</u>	
4. <u>RUMUSAN</u>	<u>17</u>
BAHAGIAN II : <u>PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/</u> <u>JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN</u>	
5. <u>PENDAHULUAN</u>	<u>21</u>
6. <u>JABATAN PERDANA MENTERI</u> <u>Parlimen</u>	<u>25</u>
7. <u>KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN</u> <u>DAN PELANCONGAN</u> <i>Jabatan Muzium Dan Antikuiti</i>	<u>31</u>
8. <u>KEMENTERIAN KEWANGAN</u> <i>Bahagian Pinjaman Perumahan</i>	<u>37</u>

9.	<u>KEMENTERIAN TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI</u>	<u>41</u>
10.	<u>RUMUSAN</u>	<u>44</u>
<u>BAHAGIAN III : AKTIVITI-AKTIVITI KEMENTERIAN/ JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN</u>		
11.	<u>PENDAHULUAN</u>	<u>47</u>
12.	<u>KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA <i>Operasi Memadam Kebakaran</i></u>	<u>47</u>
13.	<u>KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN <i>Program Pembangunan Pelancongan</i></u>	<u>69</u>
14.	<u>KEMENTERIAN PERTAHANAN <i>Pembekalan Pakaian Seragam Angkatan Tentera Malaysia</i></u>	<u>89</u>
15.	<u>KEMENTERIAN KEWANGAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI <i>Taksiran Cukai Pendapatan Bagi Syarikat-syarikat Pemaju Perumahan</i></u>	<u>101</u>
16.	<u>KEMENTERIAN KESIHATAN <i>Projek Membangun Semula Hospital</i></u>	<u>109</u>
17.	<u>KEMENTERIAN PENGANGKUTAN <i>Pembelian Alat Kawalan Had Laju</i></u>	<u>123</u>
18.	<u>PELBAGAI KEMENTERIAN/JABATAN <i>PengurusanTanah-tanah Kerajaan Persekutuan Tidak Dibangunkan</i></u>	<u>131</u>
19.	<u>KAJIAN-KAJIAN YANG DILAPORKAN MELALUI SURAT PENGURUSAN</u>	<u>147</u>
<u>JABATAN PERDANA MENTERI</u>		
19.1.	<u><i>Pengurusan Hakmilik Strata Di Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</i></u>	

KEMENTERIAN PERTANIAN

19.2. *Penswastaan Padiberas Nasional Bhd. (BERNAS)*

19.3. *Rancangan Tebatan Banjir Oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran*

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

19.4. *Aktiviti Penguatkuasaan*

KEMENTERIAN PERTAHANAN

19.5. *Projek Pusat Latihan Rekrut Tentera Laut Diraja Malaysia, Tanjung Pengelih, Johor*

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

19.6. *Program Pendidikan Khas*

19.7. *Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh*

KEMENTERIAN KEWANGAN

**19.8. *JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
Kawalan Kastam Terhadap Pengecualian Cukai
Jualan Yang Diberi Kepada Pengilang Tempatan***

**19.9. *LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
Cukai Pegangan Mengikut Peruntukan
Seksyen 107 (A) Akta Cukai Pendapatan***

JABATAN KERJA RAYA

**19.10. *Aktiviti Pengurusan Dan Penyelenggaraan
Bangunan Persekutuan***

KEMENTERIAN KESIHATAN

19.11. *Sistem Maklumat Kesihatan Pergigian*

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

**19.12. *JABATAN POLIS DIRAJA MALAYSIA
Sistem Kompaun Trafik Berkomputer***

**19.13. *JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
Pengurusan Pendaftaran, Pemprosesan Dan
Pengeluaran Kad Pengenalan Bermutu Tinggi***

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR

**19.14. *Pengurusan Hidupan Liar Di Jabatan Perlindungan
Hidupan Liar Dan Taman Negara***

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

19.15. MAJLIS AMANAH RAKYAT

Program Pembiayaan Perniagaan

20.	<u>RUMUSAN</u>	<u>152</u>
------------	-----------------------	-------------------

BAHAGIAN IV :

BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

21.	<u>LATAR BELAKANG</u>	<u>155</u>
------------	------------------------------	-------------------

22.	<u>KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN TAHUNAN</u>	<u>155</u>
------------	---	-------------------

23.	<u>PENGURUSAN KEWANGAN BADAN-BADAN BERKANUN</u>	<u>156</u>
------------	--	-------------------

24.	<u>LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA</u>	
	<i>24.1. Sistem Saraan, Elaun Dan Kemudahan</i>	
	<i>24.2. Penjualan Saham Kepada Individu</i>	<u>163</u>

25.	<u>RUMUSAN</u>	<u>167</u>
------------	-----------------------	-------------------

BAHAGIAN V :

KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN-TAHUN YANG LALU

26.	<u>PENDAHULUAN</u>	<u>171</u>
------------	---------------------------	-------------------

27.	<u>KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN TAHUN 1998</u>	<u>171</u>
------------	--	-------------------

28.	<u>PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN SEBELUM TAHUN 1998 YANG MASIH BELUM SELESAI</u>	<u>179</u>
------------	---	-------------------

29.	<u>RUMUSAN</u>	<u>180</u>
------------	-----------------------	-------------------

BAHAGIAN VI :
PERKARA-PERKARA AM

- 30.** **PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT**
NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM
SERTA AKTIVITI-AKTIVITI KEMENTERIAN,
JABATAN DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN
PERSEKUTUAN 1998 **183**
- 31.** **PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**
TAHUNAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DI PARLIMEN **183**
- 32.** **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA**
WANG NEGARA **183**
- 33.** **PENUTUP** **185**

LAMPIRAN-LAMPIRAN

- A** **PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN**
PERSEKUTUAN YANG DIKEMUKAKAN UNTUK
PENGAUDITAN SELEPAS 30 APRIL 1999 **191**
- B** **PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
DI PARLIMEN **195**

KATA-KATA PENDAHULUAN

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit, 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti-aktiviti Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong yang akan mengarahkan supaya laporan itu dibentangkan di Parlimen. Laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam Serta Aktiviti-aktiviti Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan Tahun 1999 disediakan selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut.

2. Laporan ini adalah disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1999 dan aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan oleh beberapa Kementerian/Jabatan. Pengauditan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan yang dijalankan dengan berpandukan kepada Standard Pengauditan Antarabangsa adalah bertujuan untuk mengesahkan sama ada Penyata itu menggambarkan satu kenyataan yang bersamaan dengan rekod-rekod perakaunan yang disimpan oleh Perbendaharaan Malaysia. Auditan juga dijalankan untuk menentukan sejauh mana pengurusan perbelanjaan, hasil dan aset dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan; serta aktiviti-aktiviti Kementerian/Jabatan diuruskan dengan cekap, berkesan serta berhemah.

3. Laporan ini disediakan dalam 6 Bahagian seperti berikut :-

- Bahagian I* : *Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1999*
- Bahagian II* : *Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan*
- Bahagian III* : *Aktiviti-aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan*
- Bahagian IV* : *Badan-badan Berkanun Persekutuan*
- Bahagian V* : *Kedudukan Masa Kini Perkara-perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun-tahun Yang Lalu*
- Bahagian VI* : *Perkara-perkara Am*

4. Laporan ini adalah mengenai isu-isu ketara yang diperhatikan dari pengauditan yang dijalankan sepanjang tahun 1999 dan melaporkan juga kedudukan masa kini perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 1998. Selain dari itu, isu-isu yang masih belum selesai berhubung dengan perkara-perkara yang dibangkitkan bagi tahun-tahun sebelumnya juga dilaporkan. Tujuan melaporkan kedudukan masa kini perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam Laporan Tahun 1998 ialah untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Kementerian/Jabatan terhadap perkara-perkara berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama untuk menyempurnakan pengauditan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan dan aktiviti-aktiviti Kementerian/Jabatan bagi tahun 1999 dan seterusnya menyiapkan Laporan ini.



(DATUK DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

Kuala Lumpur
6 Julai 2000

PENJELASAN KEPADA SINGKATAN KATA

SINGKATAN KATA	NAMA PENUH
AHB	Affin Holdings Berhad
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BERNAS	Padiberas Nasional Berhad
BHB	Boustead Holdings Berhad
BPP	Bahagian Pinjaman Perumahan
DSSB	Delcom Services Sdn. Berhad
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JBPM	Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
JKK-MPGSA	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Perjawatan Dan Gaji Pekerja-pekerja Sektor Awam
JPK	Jabatan Pembangunan Koperasi
JPKA	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian
JMA	Jabatan Muzium Dan Antikuiti

**SINGKATAN
KATA**

NAMA PENUH

JPPH	Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta
JUPEM	Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KKKP	Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan Malaysia
KLIA	Kuala Lumpur International Airport
KOBENA	Koperasi Belia Nasional Bhd.
KPKT	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LPPM	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia
LTAT	Lembaga Tabung Angkatan Tentera
MARDI	Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MSS	Markas Stesen Staff
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis Diraja Malaysia

**SINGKATAN
KATA**

NAMA PENUH

PTJ	Pusat Tanggungjawab
PTP	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
PPPM	Pejabat Promosi Pelancongan Malaysia
RAMD	Regimen Askar Melayu Diraja
SMKP	Sistem Maklumat Kesihatan Pergigian
SPM	Sistem Perakaunan Mikro
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia
UAD	Unit Audit Dalam
UPE	Unit Perancang Ekonomi
YPM	Yayasan Pelajaran MARA

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1999

1. Analisis yang telah dijalankan terhadap Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1999 mendapati perkara-perkara berikut :-

- o Jumlah penggunaan dana melebihi jumlah sumber dana dengan sebanyak RM9,251.38 juta. Kekurangan dana ini dibiayai melalui wang pinjaman, simpanan wang tunai dan pelaburan. *(Perenggan 3.1)*
- o Baki Hutang Awam Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 1999 berjumlah RM112,118.55 juta iaitu peningkatan sebanyak RM8,997.39 juta jika dibandingkan dengan baki pada akhir tahun 1998. Bagi 3 pinjaman berjumlah RM1,535.20 juta yang ditandatangani pada tahun 1999, sebanyak RM263.72 juta telah dibatalkan dan kos yang ditanggung oleh Kerajaan bagi pinjaman-pinjaman yang dibatalkan itu berjumlah RM4.48 juta. *(Perenggan 3.2)*
- o Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun, Syarikat-syarikat Kerajaan dan pelbagai agensi telah meningkat daripada RM4,366.24 juta pada akhir tahun 1998 kepada RM4,385.02 juta pada akhir tahun 1999. Sebanyak RM1,859.17 juta (42.40%) daripada jumlah tunggakan pada akhir tahun 1999 adalah melibatkan Badan Berkanun manakala sebanyak RM1,297.17 juta (29.58%) melibatkan Syarikat Kerajaan. *(Perenggan 3.3)*
- o Pada akhir tahun 1999, jumlah jaminan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan ke atas pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Syarikat Milik Kerajaan ialah RM48,082.25 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM46,041.95 juta (95.76%) merupakan jaminan yang diberi ke atas pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh 8 syarikat. *(Perenggan 3.4)*

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

2. Pada umumnya, pengurusan kewangan di Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi; Jabatan Muzium Dan Antikuiti; dan Parlimen masih perlu dipertingkatkan. Sungguhpun Kementerian/Jabatan berkenaan mempunyai asas struktur yang baik dalam mewujudkan sistem pengurusan kewangan yang cekap, tetapi dari segi pelaksanaannya masih terdapat beberapa kelemahan dalam penyelenggaraan rekod-rekod perakaunan yang berpunca daripada kurangnya penyeliaan oleh pegawai yang bertanggungjawab. (*Perenggan 5, 6, 7 dan 9*)

3. Semakan Audit mendapati 79 peminjam tidak pernah membuat bayaran balik pinjaman perumahan berjumlah RM1.52 juta. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tunggakan bayaran balik pinjaman keseluruhannya kerana penyata tunggakan mengenainya tidak disediakan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan. (*Perenggan 8*)

BAHAGIAN III - AKTIVITI-AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

4. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia tidak dapat memberi perkhidmatan memadam kebakaran dengan cepat dan berkesan kerana masalah kekurangan balai bomba, jentera, kenderaan dan peralatan. Masalah-masalah yang dihadapi dalam menjalankan aktiviti pemeriksaan pili bomba dan premis serta kekurangan maklumat tentang persekitaran telah menghalang Jabatan meningkatkan tahap kesediaan menghadapi kebakaran. (*Perenggan 12*)

Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan

5. Bagi tempoh 1996 hingga 1999, Kerajaan telah membelanjakan RM343.38 juta bagi pelaksanaan pelbagai aktiviti di bawah program pembangunan pelancongan. Beberapa kelemahan telah dikenal pasti dalam pelaksanaan program ini seperti strategi pemasaran yang tidak bersepadu, kemudahsampaian udara yang terhad, syarat-syarat visa yang ketat, produk pelancongan tidak berkualiti, laporan aktiviti

promosi lewat dikeluarkan dan kurang pemantauan terhadap prestasi aktiviti promosi, perbelanjaan bagi aktiviti promosi termasuk pengiklanan tidak mencukupi dan penempatan pegawai di pejabat-pejabat LPPM yang tidak mempunyai kemahiran dari segi pemasaran dan penguasaan bahasa asing. (*Perenggan 13*)

Kementerian Pertahanan

6. Anggota Tentera Malaysia diberi kemudahan perkhidmatan untuk mengubah pakaian seragam jika didapati pakaian itu tidak sesuai dengan ukuran badan mereka. Kajian Audit mendapati perbezaan harga yang ketara bagi membuat jenis-jenis kerja perubahan yang sama. Berdasarkan sampel yang dipilih untuk auditan, didapati sebanyak RM3.02 juta telah dibelanjakan bagi tempoh 1997 hingga Jun 1999 untuk kerja-kerja perubahan tersebut dan jumlah perbelanjaan itu mungkin lebih tinggi sekiranya kerja-kerja perubahan bagi semua pasukan diambil kira. Kerja-kerja perubahan itu berlaku disebabkan pihak Kementerian tidak menyimpan pangkalan data yang kemas kini mengenai ukuran pakaian bagi anggotanya. Kawalan terhadap bayaran-bayaran yang dibuat kepada kontraktor yang membuat kerja-kerja perubahan juga tidak memuaskan dan keadaan ini boleh membawa kepada berlakunya penyelewengan. (*Perenggan 14*)

Lembaga Hasil Dalam Negeri

7. Pendapatan berjumlah RM1,757.81 juta yang diperolehi oleh 37 buah syarikat pemaju perumahan di 4 negeri dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masih belum diisytiharkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Cukai ke atas pendapatan tersebut dianggarkan berjumlah RM70.30 juta. (*Perenggan 15*)

Kementerian Kesihatan

8. Kementerian Kesihatan telah melaksanakan Program Membangun Semula Hospital mulai tahun 1994. Melalui projek ini, kemudahan dan perkhidmatan yang sedia ada telah dinaikkan taraf dengan membesarkan bangunan, menggunakan peralatan moden dan menambah bilangan perjawatan. Pemeriksaan Audit mendapati projek ini tidak dirancang dengan teliti di mana beberapa kerja yang penting tidak diambil kira semasa perancangan. Beberapa bahagian bangunan hospital yang dibina mengalami kerosakan/kecacatan berpunca dari kelemahan reka bentuk. Didapati juga kes-kes di mana peralatan-peralatan hospital tidak dipesan walaupun bangunan telah

siap dibina. Beberapa peralatan yang dibeli juga didapati telah hilang. (*Perenggan 16*)

Kementerian Pengangkutan

9. Kementerian telah membeli 10,000 unit alat kawalan had laju dengan harga RM10.29 juta untuk dipasang kepada kenderaan berat Kerajaan. Pembelian ini tidak dirancang dengan teliti menyebabkan hanya 4,309 buah kenderaan sahaja yang dapat dipasang dengan alat ini. Bakinya sebanyak 5,691 unit bernilai RM4.94 juta tidak dapat dipasang kerana tiada kenderaan yang sesuai. (*Perenggan 17*)

Pelbagai Kementerian/Jabatan

10. Tanah-tanah di bawah kawalan 8 Kementerian/Jabatan seluas 7,224.12 hektar tidak dibangunkan. Antaranya adalah tanah-tanah yang tidak dibangunkan untuk tempoh 5 hingga 90 tahun. Tanah-tanah ini juga tidak dikawal dan diuruskan dengan sempurna menyebabkan ianya terbiar dan dicerobohi oleh pihak-pihak tertentu. Keadaan ini berlaku kerana tidak ada sistem perancangan dan pemantauan yang berkesan. (*Perenggan 18*)

BAHAGIAN IV - BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

11. Daripada 94 Penyata Kewangan yang telah diaudit pada tahun 1999, 54 Penyata telah diberi sijil tanpa teguran, 39 diberi sijil berteguran dan satu dengan sijil *adverse*. (*Perenggan 22*)

12. Pada umumnya, pengurusan kewangan Badan Berkanun bagi tahun kewangan 1998 tidak menunjukkan kemajuan yang ketara jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut :-

- o Penyata Kewangan Tahunan tidak disediakan mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang ditetapkan dalam Standard Perakaunan Antarabangsa.
- o Penyimpanan dan penyelenggaraan rekod-rekod perakaunan tidak lengkap menjejaskan kesempurnaan penyediaan penyata kewangan.
- o Ketidakpatuhan kepada undang-undang, peraturan dan Pekeliling-pekeling Kerajaan yang berkaitan.

(*Perenggan 23*)

Lembaga Tabung Angkatan Tentera

13. Kerajaan telah meluluskan Sistem Saraan kepada anggota Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang berlainan daripada Sistem Saraan kepada Anggota Perkhidmatan Awam. LTAT telah membuat beberapa bayaran yang tidak diperuntukkan di bawah Sistem Saraan itu seperti bayaran *ex-gratia*, anugerah akademik kepada pegawai dan anak-anak pegawai serta polisi insurans bagi ahli keluarga pegawai tanpa kelulusan Kerajaan. LTAT telah menjual saham kepada individu pada harga tetap. Surat perjanjian untuk jualan ini tidak menetapkan tempoh pegangan saham. (***Perenggan 24***)

BAHAGIAN I

PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1999

1. PENDAHULUAN

Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Persekutuan menyediakan Penyata Akaun Tahunannya secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Akta Audit, 1957 memerlukan penyata tersebut dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan dari tarikh penutupan tahun kewangan untuk pengauditan.

2. PENYEDIAAN PENYATA AKAUN AWAM

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 1999 untuk pengauditan pada 1 Mac 2000. **Auditan mendapati Penyata tersebut menggambarkan satu kenyataan yang bersamaan dengan rekod-rekod perakaunan yang disimpan oleh Perbendaharaan Malaysia.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata berkenaan telah ditandatangani pada 9 Jun 2000 dan ia dikepilkan bersama-sama dengan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan tahun berkenaan yang telah disahkan.

3. ANALISIS TERHADAP PENYATA AKAUN AWAM

3.1. SUMBER DAN PENGGUNAAN DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1999

3.1.1. Sumber dana Kerajaan bagi tahun 1999 berjumlah RM346,845.64 juta adalah terdiri daripada terimaan Hasil, Kumpulan Wang Pembangunan dan Wang Amanah. Bagi tahun yang sama, Kerajaan telah membuat bayaran sebanyak RM356,097.02 juta bagi tujuan perbelanjaan-perbelanjaan mengurus, pembangunan dan wang amanah. **Jumlah penggunaan dana pada tahun 1999 ialah RM356,097.02 juta berbanding dengan RM169,495.09 juta pada tahun 1998 iaitu peningkatan sebanyak RM186,601.93 juta (110.09%).** Peningkatan ini, antara lain disebabkan pertambahan perbelanjaan pembangunan sebanyak

RM4,511.72 juta dan bayaran wang amanah sebanyak RM182,156.04 juta. Dalam pada itu, sumber dana telah meningkat dari RM168,228.90 juta pada tahun 1998 kepada RM346,845.64 juta pada tahun 1999 iaitu peningkatan sebanyak RM178,616.74 juta (106.17%). Pada tahun 1999, lebihan penggunaan dana ialah RM9,251.38 juta berbanding RM1,266.19 juta pada tahun 1998 seperti jadual berikut :-

JADUAL 1
SUMBER DAN PENGGUNAAN DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1998 DAN 1999

(RM Juta)	(RM Juta)	1998	1999
SUMBER DANA			
Hasil		56,709.62	58,674.69
Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan		976.00	1,390.10
Terimaan Wang Amanah Dan Lain-lain		<u>110,543.28</u>	<u>286,780.85</u>
Jumlah Sumber Dana		<u>168,228.90</u>	<u>346,845.64</u>
PENGGUNAAN DANA			
Perbelanjaan Mengurus *		46,764.71	46,698.88
Perbelanjaan Pembangunan		18,103.10	22,614.82
Bayaran Wang Amanah Dan Lain-lain		<u>104,627.28</u>	<u>286,783.32</u>
Jumlah Penggunaan Dana	—	<u>169,495.09</u>	<u>356,097.02</u>
LEBIHAN/(KEKURANGAN) DANA		(1,266.19)	(9,251.38)
PEMBIAYAAN MELALUI:			
Pinjaman Bersih Dalam Dan Luar Negeri		13,030.06	8,523.52
Akaun Kena Bayar		870.08	(2,656.74)
Wang Tunai Dan Pelaburan		<u>(12,633.95)</u>	<u>3,384.60</u>
		<u>1,266.19</u>	<u>9,251.38</u>

*Nota: * Tidak Termasuk Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan*

3.1.2. Mengikut maklum balas yang diterima daripada Perbendaharaan Malaysia, penggunaan dana yang tinggi pada tahun 1999 adalah disebabkan Kerajaan telah melaksanakan dasar fiskal mengembang untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi negara. Bagi memperkukuhkan kedudukan kewangan, Kerajaan bercadang melaksanakan dasar belanjawan seimbang atau lebihan mulai tahun 2001 dan akan hanya membuat pinjaman mengikut keperluan.

3.1.3. Bagi menampung kekurangan dana pada tahun 1999, Kerajaan telah menggunakan simpanan wang tunai dan pelaburan berjumlah RM3,384.60 juta. Oleh itu, baki wang tunai dan pelaburan Kerajaan menurun daripada RM38,991.56 juta pada akhir tahun 1998 kepada RM35,606.96 juta pada akhir tahun 1999. **Penggunaan berterusan wang tunai dan pelaburan ini perlu diawasi dengan teliti** dan langkah-langkah sewajarnya hendaklah diambil untuk memperkukuhkan lagi kedudukan dana Kerajaan. Antara langkah yang boleh diambil ialah mengutip balik jumlah tunggakan hasil sebanyak RM15,080.27 juta dan tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM4,385.02 juta pada akhir tahun 1999. Kerajaan juga boleh mempertimbangkan untuk mengurangkan geran kepada Badan-badan Berkanun dan agensi-agensi Kerajaan yang mempunyai *surplus* terkumpul disebabkan oleh geran-geran yang diberi untuk tahun-tahun sebelumnya tidak dibelanjakan sepenuhnya.

3.2. HUTANG AWAM

3.2.1. Seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 dan Ordinan Pinjaman Dalam Negeri 1959, Kerajaan Persekutuan boleh mendapatkan pinjaman untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dan membayar balik hutang. Kedudukan hutang awam Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 1999 dan bagi 4 tahun sebelumnya adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual berikut :-

JADUAL 2**HUTANG AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA AKHIR TAHUN 1995 - 1999**

TAHUN	HUTANG DALAM NEGERI (RM Juta)	HUTANG LUAR NEGERI (RM Juta)	JUMLAH HUTANG AWAM (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (RM Juta)
1995	78,037.95	13,331.02	91,368.97	(1,709.85)
1996	79,210.81	10,471.10	89,681.91	(1,687.06)
1997	76,967.75	12,951.60	89,919.35	237.44
1998	88,197.13	14,924.03	103,121.16	13,201.81
1999	93,749.63	18,368.92	112,118.55	8,997.39

3.2.2. Jumlah hutang awam Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak RM8,997.39 juta atau 8.73% kepada RM112,118.55 juta pada akhir tahun 1999 berbanding dengan RM103,121.16 juta pada akhir tahun 1998. Kedudukan pinjaman dalam dan luar negeri ditunjukkan dalam Jadual berikut :-

JADUAL 3**KEDUDUKAN PINJAMAN DALAM DAN LUAR NEGERI**

JENIS PINJAMAN	PINJAMAN BARU DIPEROLEHI (RM Juta)	PEMBAYARAN BALIK DAN PENEBUSAN PINJAMAN (RM Juta)	KERUGIAN DALAM MATA WANG ASING (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (RM Juta)
DALAM NEGERI				
Bil Perbendaharaan	6,883.34	6,769.10	-	114.24
Terbitan Pelaburan Kerajaan	2,000.00	2,000.00	-	-
Pinjaman Tempatan	13,526.37	7,973.86	-	5,552.51
Jumlah Dalam Negeri	22,409.71	16,742.96		5,666.75
LUAR NEGERI				
Pinjaman Pasaran	4,163.96	1,107.42	473.86	3,530.40
Pinjaman Projek	599.11	798.87	-	(199.76)
Jumlah Luar Negeri	4,763.07	1,906.29	473.86	3,330.64
JUMLAH PINJAMAN	27,172.78	18,649.25	473.86	8,997.39

3.2.3. Mengikut maklum balas yang diterima daripada Kementerian Kewangan, peningkatan hutang awam berjumlah RM8,997.39 juta

tersebut adalah disebabkan Kerajaan melaksanakan dasar belanjawan defisit yang bertujuan memulihkan kegawatan ekonomi negara dengan cara meluaskan aktiviti ekonomi tanpa menjejaskan kecairan pasaran serta meningkatkan rizab mata wang asing di dalam negara.

3.2.4. Pada 31 Mac 1999, Kerajaan Persekutuan telah menandatangani 3 perjanjian pinjaman berjumlah US\$404.00 juta (RM1,535.20 juta) dengan Bank Dunia untuk Projek Bantuan Teknikal Y2K, Sektor Pelajaran dan Sektor Sosial. Mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam surat-surat perjanjian itu, Kerajaan dikenakan bayaran *front-end fee* pada kadar 1% ke atas jumlah pinjaman yang diluluskan dan caj penyerahan pada kadar 0.75% setiap tahun atas baki pinjaman yang belum dikeluarkan secara harian bermula selepas 60 hari dari tarikh perjanjian pinjaman ditandatangani. Setakat 31 Disember 1999, baki pinjaman yang belum dikeluarkan bagi ketiga-tiga projek tersebut berjumlah US\$377.53 juta (RM1,434.63 juta).

3.2.5. Daripada jumlah tersebut, pihak Perbendaharaan Malaysia telah membatalkan pinjaman sejumlah US\$10.00 juta (RM38.00 juta) bagi Projek Bantuan Teknikal Y2K dan US\$59.40 juta (RM225.72 juta) bagi Projek Bantuan Sektor Sosial. **Kos yang ditanggung oleh Kerajaan bagi pinjaman-pinjaman yang dibatalkan adalah sebanyak RM4.48 juta** yang merupakan bayaran *front-end fee* sebanyak RM2.63 juta dan caj penyerahan sebanyak RM1.85 juta.

3.2.6. Kementerian Kewangan telah membatalkan sebahagian pinjaman untuk Projek Bantuan Teknikal Y2K kerana prosedur perolehan pinjaman Bank Dunia mengambil masa yang panjang sedangkan isu-isu Y2K perlu ditangani dengan segera. **Pembatalan pinjaman untuk Projek Bantuan Sektor Sosial pula disebabkan prestasi perbelanjaan bagi projek ini didapati kurang memuaskan iaitu hanya RM1.65 juta (US\$0.43 juta) dibelanjakan sehingga 31 Januari 2000.** Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada agensi-agensinya pelaksana, perbelanjaan yang kurang memuaskan itu berpunca dari prosedur serta kerumitan pelaksanaan projek-projek yang kebanyakannya terletak di daerah-daerah pedalaman.

3.3. PINJAMAN YANG DIKELUARKAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN

3.3.1. Setiap tahun Kerajaan Persekutuan memberi pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun, Syarikat-syarikat Kerajaan, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, Koperasi dan Pelbagai Agensi untuk tujuan tertentu. Seperti dilaporkan pada tahun-tahun yang lalu, masih terdapat beberapa pinjaman tidak dibayar balik mengikut jadual. **Sehingga 31 Disember 1999, jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman adalah berjumlah RM4,385.02 juta berbanding dengan sebanyak RM4,366.24 juta pada akhir tahun 1998.** Kedudukan baki pinjaman yang belum selesai dan tunggakan bayaran balik pinjaman pada 31 Disember 1999 mengikut kategori peminjam adalah seperti berikut :-

JADUAL 4
BAKI PINJAMAN YANG BELUM SELESAI DAN TUNGGAKAN
BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA 31 DISEMBER 1999

PEMINJAM	BAKI PINJAMAN YANG BELUM SELESAI (RM Juta)	JUMLAH TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN (RM Juta)
Kerajaan Negeri	9,334.40	882.76
Badan Berkanun	7,651.04	1,859.17
Syarikat Kerajaan	16,771.15	1,297.17
Pihak Berkuasa Tempatan	625.09	331.33
Koperasi	59.90	13.12
Pelbagai Agensi	6,616.25	1.47
JUMLAH	41,057.83	4,385.02

3.3.2. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri

Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan-kerajaan Negeri telah meningkat dari RM712.23 juta pada akhir tahun 1998 kepada RM882.76 juta pada akhir tahun 1999. Sungguhpun tunggakan bayaran balik pinjaman bagi semua negeri kecuali Negeri Sembilan dan Pulau Pinang telah di *set-off* dengan geran Kerajaan Persekutuan, namun jumlah tunggakan masih tinggi. Sebanyak 76.51% daripada jumlah tunggakan pada akhir tahun 1999 itu adalah melibatkan Kerajaan-kerajaan Negeri Kedah, Johor dan Sarawak. Berikut adalah kedudukan tunggakan bayaran

balik pinjaman Kerajaan-kerajaan Negeri pada 31 Disember 1999 berbanding dengan kedudukannya pada akhir tahun 1998 :-

JADUAL 5
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KERAJAAN NEGERI
PADA 31 DISEMBER 1998 DAN 1999

KERAJAAN NEGERI	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA 31.12.1998 (RM Juta)	BAYARAN BALIK PINJAMAN DALAM TAHUN 1999			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA 31.12.1999 (RM Juta)
		PINJAMAN YANG SEPATUTNYA DIBAYAR BALIK (RM Juta)	PINJAMAN YANG DIBAYAR BALIK (RM Juta)	BAYARAN BALIK PINJAMAN LEBIH/ (KURANG) DARI YANG SEPATUTNYA (RM Juta)	
Kedah	225.54	76.02	14.82	(61.20)	286.74
Johor	229.78	87.39	32.29	(55.10)	284.88
Sarawak	86.22	86.08	68.52	(17.56)	103.78
Kelantan	47.64	20.32	0.61	(19.71)	67.35
Pahang	44.88	39.20	31.00	(8.20)	53.08
Terengganu	27.34	41.61	45.41	3.80	23.54
Selangor	1.12	98.85	79.06	(19.79)	20.91
Sabah	24.53	17.51	25.68	8.17	16.36
Perlis	5.18	11.33	3.99	(7.34)	12.52
Negeri Sembilan	8.24	44.90	43.17	(1.73)	9.97
Perak	5.68	22.11	24.66	2.55	3.13
Melaka	0.74	23.49	23.73	0.24	0.50
Pulau Pinang	5.34	19.50	24.84	5.34	-
JUMLAH	712.23	588.31	417.78	(170.53)	882.76

3.3.3. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Badan-badan Berkanun

Jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman Badan-badan Berkanun pada 31 Disember 1999 ialah RM1,859.17 juta berbanding dengan RM1,423.34 juta pada 31 Disember 1998. Daripada jumlah tunggakan itu, 90% atau RM1,680.32 juta adalah hutang Perbadanan Aset Keretapi, Bank Pertanian Malaysia, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Lembaga Letrik Sabah dan Lembaga Air Perak. Kedudukan tunggakan

bayaran balik pinjaman Badan-badan Berkanun pada akhir tahun 1999 berbanding dengan akhir tahun 1998 adalah seperti di Jadual berikut:-

JADUAL 6
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
BADAN-BADAN BERKANUN PADA 31 DISEMBER 1998 DAN 1999

BADAN BERKANUN	1998 (RM Juta)	1999 (RM Juta)
Perbadanan Aset Keretapi	504.06	692.13
Bank Pertanian Malaysia	324.83	374.43
Lembaga Lebuhraya Malaysia	160.32	320.64
Lembaga Letrik Sabah	140.37	170.61
Lembaga Air Perak	122.69	122.51
Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara	38.68	53.03
Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara	61.46	38.99
Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah	35.70	26.25
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan	15.46	25.39
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah	1.01	11.94
Lembaga Pembangunan Langkawi	6.63	9.95
Lembaga Pelabuhan Kuantan	2.68	5.37
Perbadanan Air Melaka	5.29	5.29
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah	4.01	2.64
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan	0.15	-
JUMLAH	1,423.34	1,859.17

3.4. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Syarikat-syarikat Kerajaan

Pada akhir tahun 1999, tunggakan bayaran balik pinjaman Syarikat-syarikat Kerajaan berjumlah RM1,297.17 juta berbanding RM1,133.19 juta pada tahun 1998. Butir-butirnya adalah seperti di Jadual berikut :-

JADUAL 7
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SYARIKAT-SYARIKAT KERAJAAN PADA 31
DISEMBER 1998 DAN 1999

SYARIKAT KERAJAAN	1998 (RM Juta)	1999 (RM Juta)
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	893.46	1,260.08
Malaysia Building Society Bhd.	-	22.12
Sukom 98 Bhd.	-	10.80
JKP Sdn. Bhd.	3.64	3.64
Syarikat Telekom Malaysia Bhd.	0.24	0.53
Equal Concept Sdn. Bhd.	105.35	-
Bank Pembangunan Malaysia Bhd.	47.71	-
Syarikat Indah Water Konsortium Bhd.	42.02	-
Syarikat Tenaga Nasional Sdn. Bhd.	17.39	-
Syarikat Padi Beras Nasional Bhd.	12.22	-
UDA Holdings Sdn. Bhd.	11.16	-
JUMLAH	1,133.19	1,297.17

3.3.5. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan

Terdapat 5 Pihak Berkuasa Tempatan yang gagal menjelaskan tunggakan bayaran balik pinjaman mereka. **Jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan itu telah meningkat dari RM252.47 juta pada akhir tahun 1998 menjadi RM331.33 juta pada akhir tahun 1999.** Majlis Perbandaran Seberang Perai mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman yang terbesar iaitu RM152.73 juta dan diikuti pula oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebanyak RM105.73 juta. Peningkatan jumlah tunggakan bayaran balik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur antara lain disebabkan oleh pengambilan alih tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM42.02 juta bagi projek pembetulan yang dahulunya dikendalikan oleh Indah Water Konsortium Bhd. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di Jadual berikut :-

JADUAL 8
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN PADA 31
DISEMBER 1998 DAN 1999

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	1998 (RM Juta)	1999 (RM Juta)
Majlis Perbandaran Seberang Perai	141.19	152.73
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	52.01	105.73
Majlis Perbandaran Seremban	38.98	45.43
Majlis Perbandaran Pulau Pinang	15.49	17.83
Majlis Perbandaran Labuan	4.80	9.61
JUMLAH	252.47	331.33

3.3.6. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Koperasi

Tunggakan bayaran balik pinjaman 4 buah koperasi pada akhir tahun 1999 berjumlah RM13.12 juta. Sebanyak RM9.69 juta adalah tunggakan hutang Koperasi Belia Nasional Bhd. (KOBENA). Berikut adalah kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman koperasi-koperasi berkenaan :-

JADUAL 9
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KOPERASI
PADA 31 DISEMBER 1998 DAN 1999

KOPERASI	1998 (RM Juta)	1999 (RM Juta)
Koperasi Belia Nasional Bhd.	9.69	9.69
Koperasi Pembangunan Belia Negara	2.15	3.22
Syarikat Kerjasama Pinjaman Dan Pemasaran Nelayan Tanjung Piandang	0.12	0.12
Syarikat Kerjasama Penjaja dan Peniaga Kecil Selangor Bhd.	0.09	0.09
JUMLAH	12.05	13.12

3.3.7. Kedudukan Semasa Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

Mengikut maklum balas yang diterima daripada Perbendaharaan Malaysia, beberapa langkah sedang dilaksanakan untuk mengurangkan tunggakan bayaran balik pinjaman. Antara langkah yang diambil ialah memotong sebahagian daripada geran yang diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri; menjadualkan semula bayaran balik pinjaman dan bagi syarikat-syarikat yang tidak berupaya membayar balik pinjaman, pinjaman-pinjaman lapuk akan ditukarkan kepada ekuiti Kerajaan dalam syarikat-syarikat berkenaan. Bagaimanapun, semakan yang dijalankan mendapati Perbendaharaan Malaysia masih belum membuat keputusan terhadap perkara-perkara berikut :-

- 3.3.7.1. Permohonan daripada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah agar bayaran balik pinjamannya ditangguhkan buat sementara waktu memandangkan kejatuhan harga getah.
- 3.3.7.2. Permohonan pihak KOBENA supaya hutangnya berjumlah RM9.69 juta ditukarkan kepada geran.

3.3.8. Syor

Untuk mengatasi masalah tunggakan bayaran balik pinjaman yang bukan sahaja berada di tahap yang tinggi tetapi juga menunjukkan *trend* yang meningkat, pihak Perbendaharaan Malaysia diminta memberi pertimbangan terhadap syor-syor berikut :-

- o Mengkaji daya maju projek-projek yang dibiayai melalui pinjaman dan jika projek-projek itu tidak berupaya menjanakan pulangan yang memuaskan, pembiayaannya dibuat melalui peruntukan Kerajaan.
- o Memantau pelaksanaan projek-projek yang dibiayai melalui pinjaman dengan lebih berkesan.
- o Mengambil kira keupayaan pihak-pihak yang berkenaan untuk membayar balik pinjaman semasa menimbang permohonan pinjaman tambahan atau pinjaman baru daripada mereka.

- o Mencari jalan untuk meningkatkan hasil Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membolehkan mereka meningkatkan keupayaan membayar hutang mengikut jadual.
- o Menghapus kira tunggakan-tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang melibatkan pinjaman-pinjaman untuk membiayai projek-projek/aktiviti-aktiviti yang tidak menjana hasil seperti pinjaman untuk projek bekalan air luar bandar, bayaran gaji dan pembinaan Dewan Mesyuarat Negeri.


3.4. JAMINAN

3.4.1. Mengikut Akta Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965, Kerajaan Persekutuan boleh memberi jaminan terhadap pinjaman-pinjaman yang diperolehi oleh Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Syarikat Milik Kerajaan dari pelbagai institusi kewangan dalam dan luar negeri. Kedudukan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 1999 dan 4 tahun sebelumnya adalah seperti di Jadual dan Carta berikut :-

JADUAL 10
PINJAMAN YANG DIJAMIN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 1995 - 1999

TAHUN	PINJAMAN DALAM NEGERI (RM Juta)	PINJAMAN LUAR NEGERI (RM Juta)	JUMLAH PINJAMAN YANG DIJAMIN (RM Juta)	PENINGKATAN (RM Juta)
1995	3,456.72	8,861.32	12,318.04	1,506.66
1996	6,552.32	6,547.45	13,099.77	781.73
1997	14,203.90	9,103.57	23,307.47	10,207.70
1998	22,733.10	9,530.43	32,263.53	8,956.06
1999	37,184.01	10,898.24	48,082.25	15,818.72

CARTA 1
PINJAMAN YANG DIJAMIN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 1995 - 1999



3.4.2. Peningkatan jumlah jaminan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi pinjaman sebanyak RM15,818.72 juta pada akhir tahun 1999 berbanding dengan tahun 1998 adalah disebabkan pertambahan pinjaman dalam dan luar negeri yang dibuat oleh agensi-agensinya seperti yang ditunjukkan di Jadual berikut :-

JADUAL 11
PINJAMAN YANG DIJAMIN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 1999

PEMINJAM	PINJAMAN BARU YANG DIJAMIN (RM Juta)	PEMBAYARAN BALIK DAN PENEBUSAN PINJAMAN (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) BERSIH PINJAMAN YANG DIJAMIN (RM Juta)
BADAN BERKANUN			
Lembaga Lebuhraya Malaysia	-	198.76	(198.76)
Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak	-	50.62	(50.62)
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia	-	3.00	(3.00)
Perbadanan Aset Keretapi	-	1.45	(1.45)
Bank Pertanian Malaysia	15.23	-	15.23
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	1.79	-	1.79
SYARIKAT			
Pengurusan Danaharta Nasional Bhd.	7,743.00	-	7,743.00
Khazanah Nasional Bhd.	4,130.00	-	4,130.00
Permodalan Nasional Bhd.	2,000.00	-	2,000.00
Bank Pembangunan Malaysia Bhd.	1,082.96	-	1,082.96
Bank Industri Malaysia Bhd.	962.74	3.84	958.90
Tenaga Nasional Bhd.	200.31	158.08	42.23
KL International Airport Bhd.	186.83	-	186.83
1st Silicon Sdn. Bhd.	110.73	-	110.73
Syarikat Permodalan Perusahaan Malaysia	26.98	0.34	26.64
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	15.25	20.34	(5.09)
Telekom Malaysia Bhd.	0.52	2.95	(2.43)
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	-	166.44	(166.44)
Petroleum Nasional Bhd.	-	37.44	(37.44)
Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn. Bhd.	-	10.14	(10.14)
Sabah Development Bank Bhd.	-	4.22	(4.22)
JUMLAH	16,476.34	657.62	15,818.72

3.4.3. Daripada jaminan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi pinjaman berjumlah RM48,082.25 juta pada akhir tahun 1999, **sebanyak RM46,041.95 juta (95.76%) merupakan jaminan bagi pinjaman yang dibuat oleh 8 syarikat** seperti di Jadual berikut :-

JADUAL 12
SYARIKAT YANG MENDAPAT JAMINAN TERBESAR
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 1999

SYARIKAT	PINJAMAN YANG DIJAMIN (RM Juta)
Kuala Lumpur International Airport Bhd.	11,690.03
Khazanah Nasional Bhd.	10,980.00
Dana Harta Nasional Bhd.	10,344.40
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	4,956.29
Tenaga Nasional Bhd.	3,119.60

Permodalan Nasional Bhd.	2,000.00
Bank Pembangunan Malaysia Bhd.	1,518.69
Bank Industri Malaysia Bhd.	1,432.94
JUMLAH	46,041.95

3.4.4. Kerajaan memberi jaminan bagi pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh Badan-badan Berkanun Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Syarikat-syarikat milik Kerajaan untuk membolehkan mereka melaksanakan projek-projek besar yang boleh merangsangkan pembangunan ekonomi negara. Sungguhpun demikian, Perbendaharaan Malaysia perlu berhati-hati dalam memberikan jaminan terhadap sesuatu pinjaman memandangkan ia boleh mendedahkan Kerajaan kepada risiko yang tinggi seandainya pihak-pihak berkenaan gagal menjelaskan hutang mereka dalam tempoh yang ditetapkan.

4. RUMUSAN

4.1. JANM bukan sahaja berupaya mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 1999 untuk pengauditan 5 bulan lebih awal dari tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang malahan mutu penyata tersebut bertambah baik jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu. Kesilapan/ketinggalan dalam perakaunan dan ketidaksempurnaan dokumen sokongan telah berkurangan. Penyata berkenaan dapat disediakan dengan awal kerana JANM telah mengambil langkah-langkah berikut:-

4.1.1. Mengeluarkan dengan awal Surat Pekeliling berhubung dengan penutupan Akaun Awam Kerajaan Persekutuan kepada semua Kementerian/Jabatan dan juga Pejabat-pejabat Perakaunan. Ini membolehkan pihak-pihak berkenaan menyerahkan kertas-kertas kerja sokongan Penyata Akaun Awam dalam tempoh yang ditetapkan.

4.1.2. Mempertingkatkan penggunaan komputer dalam sistem perakaunan dan penyelenggaraan rekod-rekod yang berkaitan di Ibu Pejabat JANM dan cawangan-cawangannya.

4.2. JANM juga sedang mengkaji kemungkinan melaksanakan dasar perakaunan secara akrual selaras dengan *trend* globalisasi yang menjurus ke arah dasar perakaunan tersebut.

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

5. PENDAHULUAN

5.1. Seksyen 15(A) Akta Acara Kewangan, 1957 dan Arah-an arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, seseorang Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber- sumber lain yang secukupnya diperolehi, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan-peraturan kewangan.

5.2. Pada tahun 1999, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan terhadap beberapa Kementerian/Jabatan Persekutuan yang dipilih secara giliran. Kesemua perkara yang diperhatikan telah dilaporkan kepada pihak pengurusan Kementerian/Jabatan berkenaan melalui surat pemerhatian Audit. Berikut adalah hasil pengauditan yang telah dijalankan :-

JABATAN PERDANA MENTERI

6. PARLIMEN

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Parlimen Malaysia adalah lambang kepada negara Malaysia yang mengamalkan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Parlimen Malaysia terdiri dari dua dewan iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Semua urusan pentadbiran bagi perjalanan kedua-dua Dewan dikendalikan oleh Bahagian Pentadbiran, Parlimen.

6.1.2. Jumlah peruntukan mengurus dan perbelanjaan sebenar Parlimen pada tahun 1997, 1998 dan 1999 adalah seperti berikut :-

JADUAL 13
JUMLAH PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SEBENAR
UNTUK MENGURUS BAGI TAHUN 1997 – 1999

TAHUN	PERUNTUKAN MENGURUS (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN %
1997	43.12	41.79	97.92
1998	36.72	33.13	90.22
1999	38.24	31.91	83.45

6.2. PENEMUAN AUDIT

Satu pengauditan telah dijalankan di Bahagian Pentadbiran, Parlimen untuk menentukan sama ada pengurusan kewangannya dibuat mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Pengauditan juga telah dibuat untuk menentukan sejauh mana pihak pengurusan telah memberi komitmen terhadap tanggungjawab bagi mewujudkan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah. Fail-fail dan dokumen-dokumen yang berkaitan untuk tahun 1997

hingga Julai 1999 telah diperiksa. Hasil daripada auditan itu mendapati perkara-perkara berikut :-

6.2.1. Struktur Organisasi

Adalah diperhatikan Parlimen telah mewujudkan satu struktur organisasi yang jelas membahagikan tugas-tugas pentadbiran dan kewangan, pengurusan Dewan dan tugas-tugas lain. Pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan telah diberi kuasa secara bertulis dan tugas-tugas mereka telah dijelaskan dengan terperinci.

6.2.2. Penyediaan Proses Aliran Kerja

Semakan yang dijalankan terhadap urusan kutipan hasil dan pembayaran mendapati proses aliran kerja yang disediakan adalah teratur. Bagaimanapun, berhubung dengan pelaksanaannya terdapat beberapa kelemahan. Sebagai contoh, **dokumen-dokumen berkaitan pendahuluan pinjaman kenderaan dan komputer tidak difailkan dengan sempurna dan ada maklumat mengenainya tidak direkodkan dalam Buku Perkhidmatan peminjam.**

6.2.3. Penyediaan Laporan Pengurusan Kewangan

6.2.3.1. Pengauditan yang dijalankan mendapati **tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa pemeriksaan dijalankan oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab ke atas rekod-rekod kewangan** seperti Daftar Bil, Daftar Harta Modal dan Inventori, Daftar Stok Bekalan Pejabat dan Buku Log. Semakan selanjutnya mendapati rekod-rekod berkenaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Sebanyak 12 bil bernilai RM37,772 telah lewat dibayar.

6.2.3.2. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996, setiap Ketua Jabatan dikehendaki mengemukakan Laporan Suku Tahun Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) kepada Perbendaharaan Malaysia. Bagaimanapun, didapati Laporan ini lewat disediakan. Semasa pengauditan dijalankan pada bulan Oktober 1999, pihak **Parlimen hanya mengemukakan Laporrannya kepada Perbendaharaan Malaysia setakat 31 Mac 1999.**

6.2.4. Langkah-Langkah Untuk Mengatasi Masalah Pengurusan Kewangan

Sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah pengurusan kewangan, Kerajaan menghendaki semua Jabatan menubuhkan JPKA. Sehubungan itu, Parlimen telah menubuhkan Jawatankuasa ini pada 8 Oktober 1996. Bagaimanapun, **JPKA ini hanya bermesyuarat sekali dalam tahun 1997, 4 kali dalam tahun 1998 dan sekali dalam tahun 1999. Ini adalah bertentangan dengan kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996** supaya mesyuarat JPKA diadakan sekali dalam tempoh 2 bulan. Jika keadaan ini tidak diperbaiki, tugas JPKA untuk membantu Pegawai Pengawal mengesan dan mengawasi urusan kewangan dan perakaunan dengan lebih berkesan tidak akan tercapai.

6.2.5. Pengauditan Dalaman

Unit Audit Dalam (UAD), Jabatan Perdana Menteri dipertanggungjawabkan untuk menjalankan pengauditan dalaman di Parlimen. Sungguhpun demikian, UAD belum pernah membuat pengauditan di pejabat ini. **Tidak ada bukti yang menunjukkan pihak pengurusan Parlimen telah menjalankan pemeriksaan ke atas semua rekod kewangan dan dokumen-dokumen berkaitan sekurang-kurangnya 2 kali setahun seperti yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan 309.**

6.2.6. Pembaharuan Dalam Sistem Pengurusan Kewangan

Antara pembaharuan yang telah diperkenalkan di sektor awam ialah pelaksanaan Sistem Perakaunan Mikro, Sistem Buku Vot Berkomputer dan penggunaan komputer dalam urusan-urusan kewangan. Didapati **Parlimen belum melaksanakan Sistem Buku Vot Berkomputer.** Sistem Perakaunan Mikro pula sedang dalam peringkat percubaan. Namun begitu satu perancangan sedang dibuat untuk membangunkan Sistem Pengurusan Kewangan secara *on-line* dengan JANM.

6.3. SYOR

Pengurusan kewangan Parlimen perlu dipertingkatkan. Pihak pengurusan perlu menyelia kerja-kerja yang dijalankan oleh pegawai bawahannya dari semasa ke semasa. Pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan juga perlu diberi latihan yang mencukupi supaya dapat menjalankan tanggungjawab dengan lebih cekap.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN

7. JABATAN MUZIUM DAN ANTIKUITI

7.1. LATAR BELAKANG

Jabatan Muzium Dan Antikuiti (JMA) adalah bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja konservasi, pengekalan dan penyebaran pengetahuan mengenai warisan sejarah dan kebudayaan bagi memupuk kesedaran masyarakat terhadap kekayaan warisan sejarah dan budaya berbagai kaum dan membantu untuk memajukan perkembangan industri pelancongan. Bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut, sebanyak RM15.31 juta telah diperuntukkan untuk tujuan mengurus dan pembangunan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM5.76 juta telah dibelanjakan untuk mengurus dan RM9.14 juta untuk pembangunan pada akhir tahun 1999.

7.2. PENEMUAN AUDIT

Satu pengauditan telah dijalankan di JMA untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Pengauditan juga telah dibuat untuk menentukan sejauh mana pihak pengurusan Jabatan telah memberi komitmen terhadap tanggungjawab bagi mewujudkan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah. Semakan terhadap rekod-rekod kewangan, fail-fail dan dokumen-dokumen yang berkaitan untuk tahun 1997 hingga Oktober 1999 telah dijalankan. Hasil daripada pengauditan itu mendapati perkara-perkara berikut :-

7.2.1. Struktur Organisasi

JMA telah mewujudkan satu struktur organisasi dengan jelas membahagikan tugas-tugas dan tanggungjawab yang khusus di setiap bahagian. Pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan telah diberi kuasa secara bertulis. Bagaimanapun, **di Bahagian**

Pentadbiran dan Kewangan hanya satu fail meja disediakan untuk semua pegawainya dan ini bertentangan dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 di mana setiap anggota perlu mempunyai fail meja masing-masing.

7.2.2. Penyediaan Proses Aliran Kerja

Sungguhpun proses aliran kerja mengenai urusan hasil dan pembayaran disediakan, ia tidak menyatakan elemen-elemen berhubung dengan unsur-unsur kawalan dalaman seperti menyemak bil-bil bayaran pukat dan rekod-rekod kewangan. Sehubungan ini, didapati **tidak ada bukti yang menunjukkan pemeriksaan dari semasa ke semasa dijalankan terhadap rekod-rekod perakaunan yang diselenggarakan oleh pegawai-pegawai bawahan.** Oleh itu, diperhatikan rekod dan daftar-daftar tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Berikut ini diberikan contoh-contohnya :-

- o 71 Pesanan Tempatan dan Waran Perjalanan Udara bernilai RM1.24 juta yang dikeluarkan pada tahun 1997 hingga 1999 tidak direkodkan dalam Buku Vot.
- o Penyata Penyesuaian Akaun Hasil dan Wang Amanah sama ada bulanan atau tahunan tidak disediakan pada tahun 1998 dan 1999.
- o Sebanyak 37 bil bagi tahun 1998 bernilai RM1.23 juta masih belum dijelaskan.
- o Seramai 17 pegawai yang mengambil pendahuluan diri berjumlah RM23,104 semenjak 4 hingga 102 bulan yang lalu masih belum menjelaskan hutang mereka.

7.2.3. Langkah-langkah Untuk Mengatasi Masalah Pengurusan Kewangan

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 menetapkan supaya mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun diadakan sekurang-kurangnya 2 bulan sekali. Bagaimanapun, terdapat kes di mana **Jawatankuasa ini bermesyuarat 4 bulan sekali.**

7.2.4. Pengauditan Dalaman

Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan bertanggungjawab untuk menjalankan pengauditan di Jabatan ini. **UAD berkenaan pernah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan tetapi tiada pemerhatian Audit dikeluarkan.**

7.2.5. Pembaharuan Dalam Sistem Pengurusan Kewangan

Kerajaan telah memperkenalkan Sistem Buku Vot Berkomputer dan Sistem Perakaunan Mikro pada tahun 1992. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **JMA masih menyelenggarakan Buku Vot secara manual dan belum melaksanakan Sistem Perakaunan Mikro.**

7.2.6. Usaha Untuk Mempertingkatkan Kecekapan Pegawai-pegawai Bawahan

JMA mempunyai program latihan tahunan untuk melatih pegawai-pegawai agar dapat mempertingkatkan lagi kecekapan mereka. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **kesemua program latihan yang dilaksanakan atau dirancang adalah berkaitan dengan aktiviti muzium dan antikuiti. Tiada program latihan disediakan untuk melatih pegawai-pegawai dalam bidang pengurusan kewangan.**

7.2.7. Anugerah Yang Diterima Oleh Jabatan

Pada tahun 1998, JMA telah menerima *Malaysian Tourism Gold Award* dan Ketua Pengarahnya menerima anugerah *Raymond Magsaysay 1998*. Ini menunjukkan kecemerlangan JMA dalam usaha mempertingkatkan aktiviti muzium dan antikuiti. Usaha cemerlang ini harus diperkembangkan kepada aktiviti pengurusan kewangan.

7.3. SYOR

Pengurusan kewangan di JMA perlu dipertingkatkan bagi memastikan kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan oleh pihak Audit tidak berulang. Sehubungan ini, kawalan dalaman boleh diperkembangkan terutamanya dari segi pengawasan dan penyeliaan oleh pegawai-pegawai kanan bagi menentukan pengurusan kewangan berfungsi dengan baik. Pihak pengurusan perlu membuat semakan dan penyeliaan dari semasa ke semasa bagi menentukan peraturan kewangan dipatuhi dan rekod-rekod perakaunan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

KEMENTERIAN KEWANGAN

8. BAHAGIAN PINJAMAN PERUMAHAN

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP) salah satu bahagian di bawah Perbendaharaan Malaysia adalah bertanggungjawab menguruskan Skim Pinjaman Perumahan untuk anggota-anggota Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Ahli-ahli Parlimen, Perundangan dan Kehakiman.

8.1.2. Skim ini dibiayai daripada Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan yang ditubuhkan melalui Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Pada akhir tahun 1999, jumlah dana Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan adalah RM16,681.76 juta. Setelah mengambil kira jumlah pinjaman sebanyak RM16,774.02 juta yang dihutang oleh 490,000 orang peminjam, Kumpulan Wang ini pada 31 Disember 1999 berbaki defisit sebanyak RM92.26 juta.

8.2. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan BPP bagi tahun 1999 hanya ditumpukan terhadap masalah tunggakan bayaran balik pinjaman dan perkara-perkara yang telah diperhatikan adalah seperti berikut :-

8.2.1. Sebanyak 207 kes pinjaman yang diluluskan antara tahun 1993 hingga 1995 mempunyai baki yang tidak bergerak. Bagaimanapun, pemeriksaan lanjut hanya dapat dibuat terhadap 145 kes kerana 62 fail peminjam tidak dikemukakan untuk pengauditan. Semakan Audit mendapati **79 peminjam tidak pernah membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM1.52 juta sejak diluluskan.** Bilangan ansuran bulanan bayaran balik pinjaman yang tertunggak adalah antara 7 hingga 57 ansuran. **Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman keseluruhannya kerana pihak BPP tidak menyediakan penyata mengenainya.**

8.2.2. Dalam jawapannya kepada surat pemerhatian Audit, pihak BPP telah mengesahkan peminjam-peminjam berkenaan sememangnya tidak menjelaskan bayaran balik pinjaman mereka dan memaklumkan bahawa

beberapa tindakan telah pun diambil untuk mendapatkan jumlah yang tertunggak itu. BPP juga telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan peminjam-peminjam menjelaskan hutang mereka mengikut jadual. Antaranya, ialah dengan mengeluarkan notis tuntutan/arahan bayaran balik bagi amaun yang tertunggak, pengeluaran arahan potongan gaji/pencen dan juga mengambil tindakan undang-undang. Perbendaharaan Malaysia juga telah mengeluarkan Surat Pekeliling pada bulan Mac 2000 kepada semua Pegawai Pengawal Kementerian/Jabatan untuk meminta mereka melaporkan dengan segera kepada BPP semua kes peminjam yang tidak lagi berkhidmat dengan Kerajaan kerana bersara, meninggal dunia, meletak jawatan, dibuang kerja atau bertugas di agensi yang telah diswastakan.

8.3. SYOR

Sungguhpun pihak BPP memaklumkan bahawa tindakan-tindakan telah diambil untuk mendapatkan balik pinjaman yang tertunggak, namun sehingga tarikh Laporan ini, pihak BPP masih belum dapat mengesahkan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman secara keseluruhan. Sehubungan ini, adalah disyorkan BPP meningkatkan lagi usahanya untuk menentukan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman dan mengenalpasti peminjam-peminjam yang gagal membayar balik pinjaman mereka mengikut jadual dan seterusnya mengambil tindakan tegas terhadap mereka.

KEMENTERIAN TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI

9. KEMENTERIAN TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI

9.1. LATAR BELAKANG

Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi mempunyai 52 Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang juga merangkumi Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK). Jumlah hasil yang dipungut bagi tahun 1999 ialah RM116.60 juta manakala perbelanjaan sebenar untuk mengurus ialah RM212.38 juta daripada peruntukannya berjumlah RM263.32 juta.

9.2. PENEMUAN AUDIT

Pada tahun 1999, pengauditan telah dijalankan di peringkat Kementerian dan 31 PTJ untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan adalah teratur dan pihak pengurusan telah memberi komitmen yang sewajarnya. Skop pengauditan meliputi rekod-rekod kewangan, fail-fail serta dokumen-dokumen yang berkaitan bagi tempoh tahun 1997 hingga bulan Jun 1999. Perkara-perkara yang diperhatikan daripada pengauditan yang dijalankan adalah seperti berikut :-

9.2.1. Struktur Organisasi

Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi mempunyai struktur organisasi yang jelas membahagikan tugas-tugas pentadbiran, kewangan dan aktivitinya. Tiap-tiap bahagian mempunyai tugas dan tanggungjawab yang khusus. **Pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan hasil telah diberi kuasa secara bertulis kecuali di 2 PTJ iaitu di JUPEM Perlis dan JUPEM Kedah.**

9.2.2. Penyediaan Proses Aliran Kerja

Semakan yang dijalankan terhadap urusan kutipan hasil dan pembayaran mendapati proses aliran kerja yang teratur telah diwujudkan. Bagaimanapun, pelaksanaannya masih kurang memuaskan. **Kelemahan-kelemahan dalam proses kutipan hasil seperti pengendalian resit dan perakaunan hasil masih berlaku di 18 PTJ.**

Tatacara dan peraturan mengenai pembayaran masih tidak dipatuhi sepenuhnya di 13 PTJ. Kelemahan yang berbangkit dalam urusan kutipan hasil dan pembayaran adalah seperti berikut :-

JADUAL 14
JENIS KELEMAHAN KUTIPAN HASIL DAN PEMBAYARAN

JENIS KELEMAHAN KUTIPAN HASIL	JENIS KELEMAHAN PEMBAYARAN
<ul style="list-style-type: none"> •Resit tidak /lewat direkod •Resit tidak/lewat dikeluarkan •Buku resit tidak diakui sebelum diguna •Daftar Mel tidak lengkap/diselenggara •Resit terimaan mel tidak/lewat dikeluarkan •Pungutan lewat dibankkan •Slip bank tidak disemak dengan Buku Tunai •Resit JANM tidak dicatat dalam Buku Tunai • 	<ul style="list-style-type: none"> •Pesanan Tempatan dikeluarkan selepas bekalan diterima •Tanggungan lewat/tidak direkod •Bil tidak dicop tarikh terima •Bil lewat dijelaskan •Daftar Bil tidak lengkap atau tidak diselenggara

9.2.3. Penyediaan Laporan Pengurusan Kewangan

Untuk memastikan laporan-laporan pengurusan kewangan disediakan dengan tepat dan kemas kini serta menepati undang-undang dan peraturan kewangan, penyeliaan yang rapi haruslah dilaksanakan secara berterusan. Walaupun terdapat bukti bahawa pemantauan dibuat tetapi ianya tidak menyeluruh. Ini adalah kerana masih terdapat kelemahan dalam penyelenggaraan rekod-rekod perakaunan seperti **Penyata Pemungut, Penyata Akaun Belum Terima, Penyata Penyesuaian bagi Hasil dan Perbelanjaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Didapati juga tidak ada semakan dibuat terhadap Buku Tunai, Daftar Mel, Daftar Bil dan Buku Log.** Keadaan ini boleh memberi kesan sampingan terhadap ketepatan laporan kewangan yang disediakan. Kelemahan-kelemahan di atas berlaku di 18 PTJ.

9.2.4. Pengauditan Dalaman

Unit Audit Dalam (UAD) telah ditubuhkan pada tahun 1988 dan telah membuat pemeriksaan terhadap aktiviti pengurusan kewangan di peringkat Ibu Pejabat Kementerian dan PTJ-PTJ di negeri-negeri. Pada tahun 1999, UAD telah juga menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di Unit Khas Bergerak, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Kuantan, Seremban dan Selangor, Maktab Kerjasama Malaysia, Institut Tanah Dan Ukur Negara serta Pusat Pemetaan Berkomputer, JUPEM.

9.2.5. Langkah-langkah Untuk Mengatasi Masalah Pengurusan Kewangan

Pada tahun 1995, satu pemeriksaan Audit telah dibuat di peringkat Kementerian. Perkara-perkara yang dibangkitkan telah pun diambil tindakan. Bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) telah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan. Bagaimanapun, **JPKA di peringkat Kementerian dan 3 PTJ iaitu JUPEM Wilayah Persekutuan Labuan serta JPK Kedah dan Johor tidak bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan oleh Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996.** Perkara-perkara yang dibincang di dalam mesyuarat adalah mengenai pengurusan perbelanjaan, perakaunan, pungutan hasil, latihan dan laporan UAD.

9.2.6. Pembaharuan Dalam Sistem Pengurusan Kewangan

Kementerian adalah dalam peringkat perancangan untuk melaksanakan MS ISO 9002. Sehubungan itu, langkah-langkah awal sedang diambil untuk mengemaskini dan memperbaharui sistem pentadbiran, kewangan dan operasinya.

9.2.7. Usaha Untuk Mempertingkatkan Kecekapan Pegawai-pegawai Bawah

Kementerian telah menganjurkan beberapa kursus berhubung dengan penggunaan komputer dan pengurusan kewangan sebagai usahanya untuk meningkatkan kecekapan pegawainya.

9.3. SYOR

Secara umumnya, Kementerian telah mempunyai asas struktur yang baik dalam mewujudkan pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan. Bagaimanapun, pelaksanaannya boleh dimantapkan lagi dengan adanya penyeliaan yang rapi daripada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab.

10. RUMUSAN

Hasil pengauditan terhadap Kementerian/Jabatan seperti dinyatakan di perenggan 6 hingga 9 Laporan ini mendapati pada umumnya masih terdapat kelemahan-kelemahan dalam kawalan perbelanjaan, pengurusan hasil dan penyelenggaraan rekod-rekod kewangan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah Buku Vot, Buku Tunai dan Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini, penyata-penyata penyesuaian antara Buku Vot dan laporan perbelanjaan JANM tidak disediakan dan pemeriksaan terhadap rekod-rekod perakaunan oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab tidak dijalankan.

BAHAGIAN III

AKTIVITI-AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

11. PENDAHULUAN

11.1. Seksyen 6, Akta Audit 1957 menghendaki Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap beberapa program/aktiviti Kerajaan Persekutuan untuk menentukan sama ada ianya dilaksanakan dengan cekap dan berhemah.

11.2. Sepanjang tahun 1999, 22 kajian telah dijalankan di beberapa Kementerian/Jabatan Persekutuan untuk menilai sama ada aktiviti-aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemah dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Hasil kajian-kajian tersebut telah dibangkitkan dengan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan berkenaan sebaik sahaja auditan siap dijalankan. Kajian yang mengandungi isu yang lebih *significant* dilaporkan secara terperinci dalam Laporan ini, manakala bagi kajian-kajian yang lain, ringkasan isu sahaja dilaporkan.

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

12. JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA OPERASI MEMADAM KEBAKARAN

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bertanggungjawab untuk memberi khidmat mencegah dan memadam kebakaran, menguatkuasakan undang-undang berkaitan serta memberi khidmat bantuan lain dengan cekap dan berkesan. Tanggungjawab JBPM telah meningkat selaras dengan kemajuan pesat pembangunan negara. Statistik kes kebakaran, kematian dan kerugian harta benda bagi tahun 1996 hingga 1999 adalah seperti berikut :

JADUAL 15
KES KEBAKARAN, KEMATIAN DAN KERUGIAN HARTA BENDA
BAGI TAHUN 1996 HINGGA 1999

PERKARA	TAHUN			
	1996	1997	1998	1999
Bilangan Kebakaran (kes)	15,528	15,134	26,800	13,690
Bilangan Kematian	32	42	62	69
Bilangan Kecederaan	79	77	135	73
Kerugian (RM Juta)	393.92	412.61	681.31	506.68
Bilangan Balai Bomba	180	183	188	194

Sumber : Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

12.1.2. Mengikut Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 1999, JBPM telah membelanjakan sebanyak RM150.04 juta untuk tujuan mengurus dan sebanyak RM144.02 juta untuk pembangunan. Berikut ini diberikan peruntukan dan perbelanjaan JBPM untuk tahun 1999 dibandingkan dengan tahun 1998 :-

JADUAL 16
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 1998 DAN 1999

BUTIRAN PERBELANJAAN	TAHUN	PERUNTUKAN TAHUN SEMASA (RM Juta)	PERBELANJAAN	PERATUS
			SEBENAR (RM Juta)	PERBELANJAAN (%)
Mengurus	1998	142.83	141.10	98.79
	1999	151.93	150.04	98.75
Pembangunan	1998	141.55	95.96	67.79
	1999	150.37	144.02	95.78

Sumber : Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 1998 Dan 1999

12.2. OBJEKTIF AUDIT

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan keberkesanan operasi memadam kebakaran dan tahap kesediaan menghadapi kebakaran.

12.3. SKOP DAN METODOLOGI AUDIT

12.3.1. Tumpuan kajian ini adalah kepada perkhidmatan memadam kebakaran serta penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 bagi tahun 1998 dan 1999.

12.3.2. Kajian ini telah dijalankan dengan memeriksa rekod-rekod yang berkaitan dan menemubual pegawai-pegawai di JBPM, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa dan Pihak Berkuasa Tempatan. Maklumat juga diperolehi melalui soal selidik yang dikemukakan kepada 180 daripada 194 buah balai bomba di seluruh Malaysia.

12.3.3. Lawatan Audit dibuat di Negeri Selangor, Johor, Sarawak, Kelantan, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Rekod bagi 25 (13%) daripada 194 balai bomba telah diperiksa.

12.4. PENEMUAN AUDIT

Penemuan Audit dibahagikan kepada 2 aspek utama iaitu **keberkesanan operasi memadam dan tahap kesediaan menghadapi kebakaran**.

12.4.1. Keberkesanan Operasi Memadam Kebakaran

JBPM telah mengklasifikasikan lokasi balai bomba kepada 3 kategori mengikut risiko kebakaran seperti berikut :-

JADUAL 17

KATEGORI BALAI BOMBA

KATEGORI BALAI BOMBA	KETERANGAN
Kategori A - Bandar	Bandar utama, ibu negeri, bandar besar, kawasan perindustrian, bandar pusat perdagangan dan perniagaan.
Kategori B - Pinggir Bandar	Kawasan bandar sederhana, kawasan perumahan, pekan-pekan utama.
Kategori C - Luar Bandar	Pekan-pekan kecil dan kawasan luar bandar

*Sumber : "Siri Asas Kebomgaan - Pengurusan Kebomgaan"
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia*

Bagi membolehkan JBPM memberi perkhidmatan memadam kebakaran yang cekap dan berkesan di kawasan-kawasan berkenaan, pasukan bomba perlu sampai di tempat kebakaran dalam tempoh yang ditetapkan, dilengkapi dengan peralatan dan kenderaan yang mencukupi dan anggotanya dilatih dengan secukupnya. Auditan mendapati antara faktor yang menjejaskan keberkesanan operasi memadam kebakaran adalah seperti berikut :-

Masa Kehadiran

12.4.1.1. Masa kehadiran ialah tempoh yang diambil oleh pasukan bomba untuk sampai ke tempat kebakaran selepas menerima panggilan. Bagi tujuan ini, JBPM telah menerima pakai piawaian masa kehadiran antarabangsa seperti berikut :-

JADUAL 18
NORMA MASA KEHADIRAN MENGIKUT KATEGORI BALAI

KATEGORI BALAI BOMBA	MASA KEHADIRAN (Minit)
Kategori A	5
Kategori B	5 - 8
Kategori C	8 - 10

*Sumber : "Siri Asas Kebomgaan - Pengurusan Kebomgaan"
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia*

12.4.1.2. Hasil auditan terhadap 12 buah balai bomba kategori A, 5 balai bomba kategori B dan 8 balai bomba kategori C mendapati pada umumnya kebanyakan jentera bomba bagi semua kategori balai bomba tidak dapat sampai ke tempat kebakaran dalam tempoh masa yang ditetapkan. **Bilangan kes di mana jentera bomba tidak dapat mencapai norma masa berkenaan adalah antara 50% hingga 86%.** Butir-butirnya adalah seperti berikut :-

JADUAL 19
PERATUS PENCAPAIAN NORMA MASA KEHADIRAN


KATEGORI BALAI BOMBA	NORMA MASA KEHADIRAN YANG DITETAPKAN (Minit)	JUMLAH KES KEBAKARAN TAHUN 1999	BILANGAN KES			
			CAPAI NORMA	%	TIDAK CAPAI NORMA	%
A	5	2,097	293	14	1,804	86
B	5 hingga 8	726	346	48	380	52
C	8 hingga 10	698	349	50	349	50

Sumber : Laporan Kebakaran Tahun 1999

12.4.1.3. Antara faktor yang menyebabkan pasukan bomba tidak dapat mencapai norma yang ditetapkan adalah kerana kawasan jagaan balai-balai bomba terlalu luas, kesesakan lalu lintas di kawasan yang sedang pesat membangun, jalan perhubungan yang sempit, berliku-liku dan keadaan jalan yang tidak dapat menampung beban berat jentera bomba di sesetengah tempat seperti di kawasan-kawasan luar bandar. Kekurangan balai bomba telah menyebabkan kawasan jagaan sesuatu balai bomba terlalu luas. Bagi Rancangan Malaysia Ke Tujuh, permohonan bagi 239 projek pembinaan balai baru telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE) tetapi hanya 57 projek (23.9%) yang diluluskan.

12.4.1.4. Analisis lanjut terhadap statistik kebakaran mendapati jarak tempat kebakaran telah mempengaruhi masa kehadiran. Carta berikut menunjukkan purata masa kehadiran berbanding jarak ke tempat berkenaan.

CARTA II
PURATA MASA KEHADIRAN MENGIKUT JARAK
BAGI SEMUA KATEGORI BALAI



12.4.1.5. Seperti yang ditunjukkan dalam carta di atas, bagi balai bomba kategori A, walaupun jarak ke tempat kebakaran kurang daripada 5 km., namun jentera bomba masih tidak dapat sampai di tempat kebakaran dalam masa 5 minit. Ini bermakna bagi balai-balai kategori A di samping faktor jarak, faktor lain seperti kesesakan lalulintas juga menyebabkan kelewatan jentera bomba sampai di tempat kebakaran. Bagi kategori B dan C pula, jentera bomba dapat sampai ke tempat kebakaran dalam norma masa yang ditetapkan untuk jarak 5 km. atau kurang daripada balai bomba. Kegagalan jentera bomba untuk tiba di tempat kebakaran dalam masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan peningkatan kerugian harta benda dan kehilangan nyawa.

Jentera Bomba Untuk Operasi Memadam Kebakaran

12.4.1.6. Penempatan jenis jentera yang sesuai, bilangan yang mencukupi dan keadaan jentera yang berfungsi dengan baik

adalah penting bagi setiap balai bomba. Semasa merancang keperluan jentera memadam kebakaran, JBPM telah menetapkan norma bilangan dan jenis jentera bagi setiap kategori balai bomba seperti berikut :-

JADUAL 20
NORMA BILANGAN DAN JENIS JENTERA BOMBA
MENGIKUT KATEGORI BALAI BOMBA

KATEGORI BALAI BOMBA	JUMLAH JENTERA		
	JENTERA BERTANGKI AIR	JENTERA BERTANGGA	JENTERA KHAS
A	6	2	3
B	3	1	1
C	2	-	-

Sumber : Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

12.4.1.7. Berdasarkan kepada pemeriksaan di semua balai bomba yang dilawati dan maklum balas yang diterima daripada 160 balai bomba, **146 daripadanya tidak mempunyai jentera yang mengikut norma yang ditetapkan** seperti jadual berikut :-

JADUAL 21
PEMATUHAN NORMA JENTERA MENGIKUT
KATEGORI BALAI BOMBA

KATEGORI BALAI	JUMLAH BALAI BOMBA	MEMATUHI NORMA	%	TIDAK MEMATUHI NORMA	%
A	37	1	2.70	36	97.30
B	36	1	2.78	35	97.22
C	87	12	13.79	75	86.21

Sumber : Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

12.4.1.8. Jadual di atas menunjukkan bahawa **97.30% daripada balai bomba Kategori A, 97.22% daripada balai bomba Kategori B dan 86.21% daripada balai bomba Kategori C tidak mempunyai jentera bomba mengikut norma yang ditetapkan.** Hanya Balai Bomba Jalan Perak, Georgetown bagi kategori A dan Balai Bomba Tawau bagi kategori B memenuhi norma jentera yang ditetapkan. Semakan Audit juga mendapati **104 (65%) daripada 160 balai hanya dilengkapi dengan sebuah jentera bomba bagi setiap balai bomba.**

12.4.1.9. Semakan selanjutnya mendapati keadaan ini berlaku kerana peruntukan yang diluluskan bagi perolehan kereta bomba dan kelengkapannya tidak memenuhi keperluan sebenar Jabatan. **Peruntukan yang diluluskan untuk perolehan "Kereta Bomba dan Kelengkapan" bagi Rancangan Malaysia Ke Tujuh hanya berjumlah RM110 juta (23.83%) manakala jumlah yang dipohon RM461.55 juta.** Peruntukan ini juga untuk menggantikan jentera yang Tidak Ekonomi Dibaiki. Kekurangan jentera di balai bomba menyukarkan tugas-tugas menyelamatkan dan memadam kebakaran terutama bila berlaku 2 kebakaran pada masa yang sama. Mengikut rekod senarai jentera bomba sehingga 15 Mei 1999, jumlah jentera bomba di JBPM di seluruh Malaysia adalah sebanyak 409 buah. Jumlah jentera bomba mengikut usia pula adalah seperti berikut :-

JADUAL 22
USIA JENTERA BOMBA

USIA JENTERA BOMBA (Tahun)	JUMLAH JENTERA BOMBA	PERATUS (%)
Kurang dari 10	145	35.45
10 hingga 20	177	43.28
Melebihi 20	87	21.27
JUMLAH	409	100

Sumber : Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

12.4.1.10. **Analisis menunjukkan bahawa daripada 409 jentera bomba, 264 buah (64.55%) berusia melebihi 10 tahun.** Pemeriksaan Audit mendapati tempoh pembaikan bagi jentera yang berusia melebihi 10 tahun adalah antara 1 hingga 13 bulan. Kerja -kerja pembaikan ini tertanggung akibat kekurangan peruntukan dan pakar dari luar negara serta kesukaran memperolehi alat ganti.

Peralatan - Alat Perhubungan

12.4.1.11. Komunikasi adalah satu elemen yang penting dalam kerja-kerja memadam kebakaran dan juga menyelamatkan. Bagi memastikan sistem komunikasi yang berkesan, setiap balai hendaklah dibekalkan dengan kemudahan sistem komunikasi yang berupaya untuk mengirim, menerima dan memproses

maklumat dengan cepat dan tepat pada semua peringkat. Pada amnya, 2 jenis alat perhubungan iaitu *walkie-talkie* dan *master mobile* untuk operasi memadam kebakaran digunakan.

12.4.1.12. *Walkie-talkie* merupakan alat komunikasi yang dapat menghubungkan satu *point* ke satu *point* yang lain terutamanya semasa memadam kebakaran. Norma keperluan *walkie-talkie* adalah 5 unit bagi setiap jentera bomba. Berasaskan norma tersebut didapati daripada kesemua 111 balai bomba di 5 negeri dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang diaudit, 105 daripadanya tidak dilengkapi dengan *walkie-talkie* yang mencukupi dan 6 (5.4%) langsung tidak dilengkapi dengan alat ini. Di samping itu *walkie-talkie* yang dibekalkan mempunyai peratus kerosakan yang tinggi. Analisis mendapati 42.70% daripada *walkie-talkie* di Negeri Johor, 32.08% di Selangor dan 28.30% di Kelantan telah rosak. Akibat kerosakan ini, 21 balai bomba menjalankan operasi tanpa *walkie-talkie* iaitu 8 balai di Negeri Johor, 8 di Sarawak, 4 di Selangor dan sebuah di Kelantan. Jadual berikut menunjukkan kedudukan *walkie-talkie* di negeri-negeri tersebut :-.

JADUAL 23
KEDUDUKAN WALKIE-TALKIE MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JUMLAH WALKIE-TALKIE SEPATUTNYA	JUMLAH WALKIE-TALKIE YANG ADA	PERATUS (%)	KEADAAN		PERATUS ROSAK (%)
				BAIK	ROSAK	
Johor	160	89	55.62	51	38	42.70
Wilayah Persekutuan KL	85	63	74.12	57	6	9.52
Sarawak	155	36	23.23	29	7	19.44
Perak	165	124	75.15	122	2	1.61
Selangor	155	106	68.39	72	34	32.08
Kelantan	85	53	62.35	38	15	28.30

Sumber : Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

12.4.1.13. Alat *master mobile* adalah penting bagi menghubungkan penerima dan penghantar maklumat sama ada di

tempat kebakaran atau pun antara tempat kebakaran dengan Bilik Kawalan di balai bomba. Bagaimanapun, **sebanyak 8 balai bomba tidak dilengkapi dengan alat *master mobile* ini.** Semakan Audit seterusnya mendapati kerosakan *master mobile* mencapai sehingga 30% di Negeri Johor, Sarawak dan Selangor. Kerosakan alat perhubungan ini menjejaskan perhubungan antara pegawai-pegawai yang terlibat dalam operasi memadam kebakaran. Jadual berikut menunjukkan kedudukan *master mobile* mengikut negeri :-

JADUAL 24
KEDUDUKAN MASTER MOBILE MENGIKUT NEGERI

NEGERI	BILANGAN BALAI BOMBA	KEADAAN MASTER MOBILE		JUMLAH MASTER MOBILE	PERATUS ROSAK (%)
		BAIK	ROSAK		
Johor	18	11	5	16	31.25
Wilayah Persekutuan KL	15	9	0	9	0
Sarawak	18	7	3	10	30.00
Perak	26	26	0	26	0
Selangor	23	12	6	18	33.33
Kelantan	11	30	5	35	14.29
JUMLAH	111	95	19	114	

Sumber: Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

12.4.1.14. Mengikut maklum balas yang diterima daripada pegawai Bomba, antara sebab utama kerosakan alat perhubungan ini adalah kerana anggota bomba tidak cukup mahir untuk mengendali dan menyelenggara peralatan tersebut. Di samping itu, tiada tindakan untuk menggantikan *rechargeable battery* yang telah tamat tempoh jangka hayatnya atau rosak.

12.4.2. Tahap Kesediaan Menghadapi Kebakaran

Antara elemen yang boleh mempengaruhi tahap kesediaan menghadapi kebakaran ialah pengetahuan anggota bomba mengenai persekitaran, punca air yang mencukupi dan tindakan penguatkuasaan yang berkesan.

Penyelenggaraan Kad Operasi

12.4.2.1. Anggota bomba perlu sentiasa bersedia untuk bertindak dalam jangka masa yang singkat. Untuk mencapai matlamat tersebut di atas, anggota bomba perlu mempunyai maklumat yang terkini berhubung dengan kawasan di bawah jagaan balai mereka dan ini termasuk kedudukan *layout* bangunan dan persekitarannya serta taburan pili bomba. Bagi tujuan ini, Perintah Tetap Operasi Bil. 5 Tahun 1980 Jabatan Bomba Dan Penyelamat menetapkan supaya setiap balai bomba menyelenggarakan Kad Operasi yang mengandungi maklumat premis dan persekitaran.

12.4.2.2. **Pengauditan mendapati tidak semua balai bomba menyelenggara Kad Operasi Bomba.** Sebagai contoh, Balai-balai Bomba Pasir Mas, Ipoh, Taiping dan Klang Utara tidak menyelenggara kad operasi ini. Bagi balai yang menyelenggara kad-kad operasi, ia hanya diadakan bagi premis yang mempunyai risiko tinggi. Di samping itu, kad ini disimpan di bilik Pegawai Operasi dan bukannya di Bilik Kawalan seperti yang ditetapkan. Kad-kad operasi ini juga didapati tidak dikemaskinikan dan ini boleh menyusahkan anggota bomba terutama yang baru bertugas di sesuatu kawasan untuk mengenalpasti persekitaran dan jenis peralatan memadam kebakaran yang terdapat di premis tersebut, justeru melewatkan kerja-kerja memadam dan menyelamatkan.

Pemeriksaan Pili Bomba

12.4.2.3. Pili bomba merupakan punca air terpenting semasa operasi memadam kebakaran. Oleh yang demikian, adalah penting dipastikan wujudnya taburan pili bomba yang mencukupi dan sentiasa boleh digunakan dengan kemampuan untuk mengeluarkan air pada tekanan yang bersesuaian.

12.4.2.4. Perintah Tetap Operasi Bil. 1 Tahun 1980 yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Bomba telah menetapkan norma pemeriksaan sesebuah pili bomba ialah 3 kali setahun. Di samping itu, Pegawai Penjaga Balai juga perlu menyelenggara buku jadual pengujian pili bomba, Buku Rekod Khas Pili Bomba dan peta kawasan yang menunjukkan kedudukan pili-pili bomba.

12.4.2.5. Pemeriksaan Audit di 14 balai bomba di seluruh Malaysia mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan pili

bomba. **Anggota bomba tidak mampu membuat pemeriksaan 3 kali setahun bagi setiap pili bomba sepertimana norma yang ditetapkan.** Masalah ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut :-

- o **Perancangan dan pemantauan yang teratur tidak dibuat** bagi memastikan pemeriksaan mencapai norma yang ditetapkan. Rekod-rekod mengenai pili bomba tidak diselenggarakan dengan kemas kini bagi membolehkan proses perancangan dan pemantauan dilaksanakan dengan berkesan.
- o **Unit khas tidak ditubuhkan di balai-balai bomba bagi pemeriksaan pili bomba.** Pemeriksaan Audit menunjukkan 7 balai bomba tidak menubuhkan unit khas untuk memeriksa pili bomba. Tugas ini hanya dijalankan oleh pegawai-pegawai Unit Operasi.
- o **Balai Bomba tidak mempunyai kenderaan khas untuk pemeriksaan pili bomba, sebaliknya menggunakan kenderaan gunasama.** Kenderaan gunasama ini digunakan untuk tugas operasi, pengurusan balai, latihan dan penguatkuasaan.

12.4.2.6. Akibat daripada itu, terdapat pili bomba yang rosak, terbenam dan terbiar. Lawatan Audit ke tapak pili bomba dalam kawasan jagaan balai bomba di Klang Utara, Selangor; Kuching, Sarawak dan Lahat, Perak mendapati pili bomba terbiar dan rosak seperti gambar-gambar berikut :-

KEADAAN PILI-PILI BOMBA



Tarikh Lawatan : 10.12.1999
Lokasi : Kampung Sementa, Klang Utara, Selangor
Keadaan : Pili bomba terbiar



Tarikh Lawatan : 22.10.1999
Lokasi : No. 26, Lorong Pasir, Rock Road, Kuching, Sarawak
Keadaan : Pili bomba hampir ditimbus. 'Chamber' telah diturap dan pili bomba telah dihalang oleh timbunan tanah



Tarikh Lawatan : 26.11.1999
Lokasi : No.25, Kawasan Perindustrian, Pengakalan II, Lahat, Perak
Keadaan : Pili bomba tidak berfungsi kerana 'thread' hilang

12.4.2.7. Sungguhpun pemeriksaan ada dijalankan oleh JBPM terhadap pili-pili bomba namun sebanyak **1,541 pili bomba di 14 balai masih berada dalam keadaan rosak kerana tiada tindakan diambil untuk memperbaiki pili-pili tersebut akibat ketiadaan peruntukan untuk tujuan ini.**

Pemeriksaan Premis

12.4.2.8. Setiap premis perlu sentiasa bersedia untuk menghadapi sebarang bahaya kebakaran. Mengikut Seksyen 8 hingga 13 Akta Perkhidmatan Bomba 1980 (Akta 341), Ketua Pengarah Jabatan Bomba Dan Penyelamat perlu memeriksa premis dengan tujuan untuk menghapuskan bahaya kebakaran.

Sementara itu, mengikut Seksyen 28, premis-premis tertentu dikehendaki mendapat perakuan bomba mengenai keselamatan bangunan daripada risiko kebakaran. Perakuan ini hendaklah diperbaharui setiap tahun.

Pemeriksaan Premis Menghapuskan Bahaya Kebakaran

12.4.2.9. Penghapusan bahaya kebakaran bertujuan untuk menentukan bahawa setiap premis adalah :-

- o Sentiasa bebas daripada sebarang keadaan yang boleh menyukarkan pelepasan diri dan mengganggu tugas memadam kebakaran oleh anggota bomba.
- o Bebas daripada sebarang punca yang meningkatkan kemungkinan berlaku kebakaran.
- o Dilengkapi dengan alat kelengkapan menangani kebakaran yang sentiasa boleh diguna.

12.4.2.10. Mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Bomba, setiap bangunan hendaklah diperiksa setahun sekali. Hasil semakan Audit terhadap tugas pemeriksaan premis ini mendapati beberapa kelemahan seperti berikut :-

- o **Senarai premis di bawah jagaan sesuatu balai tidak lengkap dan kemas kini.** Pemeriksaan Audit mendapati hanya Negeri Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menyelenggara daftar senarai premis yang kemas kini.
- o **Pemeriksaan premis tidak dirancang dengan sistematik dan tidak seragam.** Perancangan tidak dibuat berasaskan keperluan bahawa setiap premis perlu diperiksa setahun sekali sebaliknya ia dibuat berdasarkan kemampuan tenaga yang ada dan mengikut musim perayaan. Ini mengakibatkan tidak semua premis dapat diperiksa dalam setahun.

12.4.2.11. Pemeriksaan premis bagi menghapuskan bahaya kebakaran tidak dijalankan dengan sewajarnya kerana kekurangan pegawai dan anggota serta tiada kenderaan khas untuk tujuan ini. Lawatan Audit ke 5 negeri dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati hanya 56.45% jawatan Pegawai Penguatkuasa diisi seperti jadual berikut :-

JADUAL 25
KEDUDUKAN PERJAWATAN PEGAWAI PENGUATKUASA

NEGERI	LULUS	ISI
Selangor	15	7
Johor	14	7
Kelantan	7	4
Sarawak	6	3
Wilayah Persekutuan KL	10	8
Perak	10	6
JUMLAH	62	35

Sumber : Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

12.4.2.12. Setiap balai yang dilawati tidak menubuhkan Bahagian Penguatkuasaan. Anggota bomba daripada Bahagian Operasi ditugaskan untuk memeriksa premis mengikut giliran sekiranya tidak ada operasi atau kebakaran ketika itu. Hasil temu bual dengan pegawai-pegawai Bomba mendapati kebanyakan mereka tidak mempunyai keyakinan untuk menjalankan tugas penguatkuasaan.

Pemeriksaan Bagi Tujuan Penguatkuasaan Perakuan Bomba

12.4.2.13. Perakuan bomba yang dikeluarkan di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 kepada premis tertentu adalah untuk memastikan bahawa semua kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menangani kebakaran mencukupi. Jabatan perlu menjalankan pemeriksaan premis setelah menerima permohonan untuk mendapatkan perakuan bomba. Sungguhpun Akta Perkhidmatan Bomba 1988 mula dikuatkuasakan pada awal tahun 1989, penguatkuasaan

peruntukan ini masih belum dilaksanakan kerana peraturan mengenainya belum diluluskan.

12.5. RUMUSAN

12.5.1. Sungguhpun JBPM telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan mutu perkhidmatannya namun masih banyak halangan yang perlu diatasi bagi membolehkannya memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Dari aspek peruntukan kewangan, JBPM yang terlibat secara khusus dalam perkhidmatan kecemasan tidak diberi keutamaan bagi mendapatkan peruntukan yang mencukupi. JBPM juga menghadapi kesukaran dalam memperolehi lokasi untuk menempatkan balai-balai bomba di tempat yang strategik. Berhubung dengan pengurusan maklumat, Jabatan masih mengendalikannya secara manual. Terdapat kes di mana maklumat yang diselenggarakan tidak lengkap dan kemas kini dan ini boleh menjejaskan tugas-tugas pemantauan.

12.5.2. Dalam usaha untuk menangani masalah-masalah yang berbangkit pihak Audit mengesyorkan :-

- o Agensi-agensi pusat seperti Perbendaharaan Malaysia dan UPE mempertimbangkan untuk memberi peruntukan yang mencukupi bagi membina balai-balai bomba serta membeli jentera bomba, kenderaan dan peralatan yang berkaitan. Jabatan Perkhidmatan Awam perlu juga mengkaji semula struktur organisasi Jabatan ini dan seterusnya menimbangkan jawatan-jawatan yang dipohon untuk disesuaikan dengan keperluan Jabatan.
- o Penyelenggaraan pili bomba diletakkan di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan bagi memastikan ia sentiasa dalam keadaan yang boleh digunakan.
- o JBPM boleh mempertimbangkan untuk menswastakan tugas pemeriksaan premis dengan pengawasan Jabatan.
- o Rekod-rekod yang berkaitan dengan operasi bomba perlu diselenggarakan secara berkomputer. Ini membolehkan pemantauan yang berterusan dapat dilakukan secara *on-line*.

12.5.3. Pihak JBPM masih belum memberi sebarang ulasan berhubung dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN

13. PROGRAM PEMBANGUNAN PELANCONGAN

13.1. LATAR BELAKANG

13.1.1. Di bawah Rancangan Malaysia Ke Tujuh (1996-2000), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM598.09 juta bagi membangun industri pelancongan sebagai salah satu industri penting ekonomi negara. Sehingga tahun 1999, perbelanjaan yang telah dilakukan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah program pembangunan pelancongan adalah sebanyak RM343.38 juta.

13.1.2. Objektif program ini antara lain adalah untuk meningkatkan bilangan ketibaan pelancong dari negara-negara asing dan juga meningkatkan jumlah pendapatan yang dapat dijana oleh industri pelancongan. Agensi-agensi utama yang terlibat dalam pelaksanaan program ini adalah Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan Malaysia (KKKP) dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM).

13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai prestasi program pembangunan pelancongan dari segi meningkatkan bilangan ketibaan pelancong dan sumber pendapatan yang diperolehi daripadanya.

13.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

13.3.1. Pengauditan ini meliputi prestasi program pembangunan pelancongan bagi tempoh 1997 hingga 1999 dengan tumpuan diberi kepada perkara-perkara berikut:-

- o Pemasaran dan promosi pelancongan di peringkat antarabangsa.
- o Produk pelancongan yang dibangunkan seperti pusat-pusat membeli belah; rekreasi; peranginan; tempat-tempat bersejarah dan lain-lain.
- o Kemudahsampaian udara.
- o Peraturan-peraturan perjalanan.

13.3.2. Bagi tujuan pengauditan ini, pegawai-pegawai Audit telah memeriksa fail-fail, dokumen-dokumen dan rekod-rekod berkenaan di KKKP, LPPM dan Ibu pejabat Jabatan Imigresen Malaysia di samping mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai yang berkenaan. Selain dari itu, lawatan juga telah dibuat ke beberapa produk pelancongan.

13.4. PENEMUAN AUDIT



13.4.1. Prestasi Industri Pelancongan


13.4.1.1. Pada umumnya bilangan pelancong yang datang ke Malaysia untuk tempoh 1995 hingga 1999 melebihi 7 juta orang kecuali tahun 1997 dan 1998. Kemerosotan ketibaan pelancong adalah disebabkan oleh masalah jerebu, wabak penyakit taun dan *coxsakie* serta krisis mata wang. Bagi tahun 1999, jumlah ketibaan pelancong adalah seramai 7.93 juta orang iaitu pertambahan sebanyak 44.18% jika dibandingkan dengan tahun 1998 dan juga melebihi sasaran yang telah ditetapkan seramai 7.25 juta orang. Jumlah pendapatan bagi tahun 1999 ialah RM12,321.30 juta iaitu meningkat 34.29% jika dibandingkan dengan tahun 1995. Butir-butirnya adalah seperti di Jadual dan Carta berikut :-

JADUAL 26
JUMLAH KETIBAAN DAN PENDAPATAN INDUSTRI PELANCONGAN
SERTA PURATA KADAR PENGINAPAN HOTEL BAGI TAHUN 1995 HINGGA 1999

PETUNJUK PRESTASI	TAHUN				
	1995	1996	1997	1998	1999
Bilangan Ketibaan Pelancong (Juta)	7.50	7.10	6.20	5.50	7.93
Jumlah Pendapatan Daripada Industri Pelancongan (RM Juta)	9,174.90	10,354.10	9,699.60	8,600.00	12,321.30
Purata Kadar Penginapan Hotel (%)	65.50	62.30	58.00	49.00	51.70
Purata Tempoh Penginapan Hotel (Hari)	4.8	5.4	5.3	5.5	5.5

CARTA III
JUMLAH KETIBAAN DAN PENDAPATAN INDUSTRI PELANCONGAN SERTA PURATA KADAR
PENGINAPAN HOTEL BAGI TAHUN 1995 HINGGA 1999





13.4.1.2. Untuk meningkatkan prestasi program pembangunan pelancongan, pihak KKKP dan LPPM perlu memberi perhatian dan mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mengatasi beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti sebagaimana dihuraikan dengan lebih mendalam di perenggan-perenggan seterusnya.

13.4.2. Strategi Pemasaran

13.4.2.1. Daripada semakan Audit terhadap kaedah pemasaran yang diamalkan sekarang, adalah didapati bahawa agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta mempunyai pelan pemasaran pelancongan masing-masing dan tidak diselaraskan. Berikut dikemukakan beberapa contoh :-

- o Lembaga Pembangunan Langkawi secara tersendiri telah mengadakan satu misi jualan pelancongan tersendiri ke Sydney, Melbourne dan Perth, Australia pada bulan Oktober 1999 untuk mempromosikan Pulau Langkawi sebagai suatu destinasi pelancongan antarabangsa.
- o Penyertaan Malaysia dalam *International Tourism Exhibition Berlin 1999* telah dilakukan di bawah 4 *Banners/Booth* yang berlainan iaitu LPPM, Pihak Berkuasa Pelancongan Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, Persatuan Perhotelan Antarabangsa Pulau Pinang dan Sistem Penerbangan Malaysia Berhad.

13.4.2.2. LPPM sebagai agensi utama yang bertanggungjawab untuk memajukan industri pelancongan di negara ini, perlu menyelaraskan program-program promosi di luar negara supaya program tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, berkesan dan berhemah.

13.4.3. Pembiayaan Aktiviti Promosi Pelancongan

13.4.3.1. Usaha-usaha untuk menarik pelancong dari negara-negara asing ke Malaysia hanya dapat dilakukan dengan promosi yang meluas dan menggunakan pelbagai media. Untuk tujuan ini, peruntukan yang mencukupi adalah diperlukan. Bagaimanapun, daripada kajian yang dibuat didapati perbelanjaan bagi aktiviti promosi adalah terlalu rendah berbanding dengan negara-negara jiran seperti di Jadual berikut :-

JADUAL 27
PERBANDINGAN PERBELANJAAN PROMOSI DAN PENDAPATAN DARI
INDUSTRI PELANCONGAN MALAYSIA DENGAN NEGARA-NEGARA JIRAN

NEGARA	TAHUN 1997		TAHUN 1998	
	PERBELANJAAN PROMOSI (RM Juta)	PENDAPATAN PELANCONGAN (RM Juta)	PERBELANJAAN PROMOSI (RM Juta)	PENDAPATAN PELANCONGAN (RM Juta)
Malaysia	68.4	9,699	73.6	8,600
Thailand	226.9	26,782	232.7	24,289
Singapura	176	26,003	204.6	24,703

Sumber : Bahagian Penyelidikan LPPM

13.4.3.2. Kos promosi bagi membawa seorang pelancong ke Malaysia adalah paling rendah iaitu RM13.38 dibandingkan dengan RM30.14 bagi Negara Thailand dan RM36.34 bagi Negara Singapura. Pendapatan pelancongan yang dapat dijana oleh setiap pelancong ke Malaysia ialah RM1,550.26 berbanding dengan negara-negara jiran iaitu RM3,146.24 bagi Thailand dan RM4,387.74 bagi Singapura. Berdasarkan kepada fenomena ini, Kerajaan boleh meningkatkan pendapatan sektor pelancongan sekiranya peruntukan untuk promosi ditambah. Malaysia berada di tempat ke 27 dalam senarai 40 negara terutama dari segi

destinasi pelancongan dan tidak disenaraikan dalam senarai tersebut dari segi pendapatan sumber pelancongan kerana jumlah pendapatan yang diperolehi adalah terlalu rendah dibandingkan dengan negara-negara lain.

13.4.4. Kaedah Promosi

13.4.4.1. Dalam mempromosikan Malaysia di peringkat antarabangsa sebagai sebuah destinasi pelancongan yang utama dan menarik, pihak LPPM menggunakan beberapa kaedah promosi. Antaranya ialah penyertaan dalam pameran, misi jualan dan lawatan suaikenal bagi wakil media dan agen pelancongan. Bagi tahun 1999, sebanyak 91 aktiviti promosi seumpama ini telah dilaksanakan oleh Ibu Pejabat LPPM yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM5.85 juta.

13.4.4.2. Pemantauan terhadap prestasi dan keberkesanan aktiviti-aktiviti promosi tersebut dalam meningkatkan ketibaan pelancong, kesedaran dan publisiti di kalangan masyarakat asing dan juga penjualan pakej-pakej percutian bagi destinasi-destinasi pelancongan di Malaysia adalah perlu bagi memastikan Kerajaan mendapat manfaat daripada wang yang telah dibelanjakan. Bagaimanapun, hasil daripada kajian terhadap 39 aktiviti promosi tersebut menunjukkan bahawa pemantauan yang dijalankan terhadap prestasi aktiviti-aktiviti itu oleh LPPM tidak memuaskan.

13.4.4.3. Mengikut prosedur yang ditetapkan, satu laporan hendaklah disediakan bagi setiap jenis aktiviti promosi itu yang telah selesai dijalankan. Bagaimanapun, bagi 4 aktiviti promosi, didapati laporan tersebut lewat dikeluarkan manakala bagi 25 aktiviti promosi yang lain pula, laporannya tidak dapat dikemukakan untuk pengauditan. Tanpa laporan aktiviti tersebut, adalah sukar bagi pihak Audit untuk menentukan sejauh mana aktiviti promosi yang dijalankan itu mencapai objektifnya.

13.4.5. Penempatan Pejabat-pejabat Promosi Pelancongan Malaysia Di Luar Negara

13.4.5.1. LPPM telah membuka Pejabat-pejabat Promosi Pelancongan Malaysia (PPPM) di 18 buah bandar raya utama di 11 buah negara seperti di Jadual berikut:-

JADUAL 28
PERBELANJAAN PELANCONGAN BAGI NEGARA-NEGARA UTAMA DAN BILANGAN PEJABAT PROMOSI PELANCONGAN MALAYSIA

KEDUDUKAN TANGGA	NEGARA	PERBELANJAAN PELANCONGAN OLEH RAKYAT NEGARA BERKENAAN US\$ (Juta)	BILANGAN PEJABAT PROMOSI PELANCONGAN MALAYSIA YANG ADA DI NEGARA TERSEBUT
1	USA	51,220	2
2	Germany	46,200	1
3	Japan	33,041	2
4	United Kingdom	27,710	1
5	Italy	16,631	1
6	France	16,576	1
7	Canada	11,268	1
8	Netherlands	10,232	Tiada
9	China	10,166	Tiada
10	Austria	10,124	Tiada
11	Russia	10,113	Tiada
12	Belgium	8,275	Tiada
13	Switzerland	6,904	Tiada
14	Poland	6,900	Tiada
15	Sweden	6,946	1
16	Taiwan	6,500	1
17	Korea	6,262	1
18	Australia	6,129	2
19	Brazil	5,446	Tiada
20	Norway	4,496	Tiada

Sumber : 1997 - *World's Top 40 Tourism Spenders*

13.4.5.2. Berdasarkan kepada Jadual tersebut di atas, didapati PPPM tidak ditempatkan di 9 negara yang lain walaupun jumlah perbelanjaan pelancongan di negara berkenaan adalah juga tinggi. Negara-negara yang dimaksudkan adalah *Netherlands; China; Austria; Russia; Belgium; Switzerland; Poland; Brazil dan Norway*. Sehubungan ini, pada pendapat Audit, kriteria-kriteria berikut perlu diambil kira dalam penempatan PPPM di luar negara:-

- o Negara-negara utama yang mempunyai perbelanjaan pelancongan yang tinggi.

- o Negara-negara dengan bilangan pelancong keluar (*out-bound tourists*) yang tinggi.

13.4.6. Kemahiran Pegawai-pegawai Pemasaran LPPM Di Luar Negara

13.4.6.1. Antara faktor yang menentukan kejayaan program pemasaran yang dilaksanakan oleh PPPM ialah kemahiran pegawai-pegawainya dalam bidang pemasaran dan penguasaan bahasa utama yang digunakan oleh negara berkenaan. Semakan yang dibuat di Ibu Pejabat, LPPM mendapati daripada 35 orang pegawai kanan, 19 orang tidak pernah diberi kursus pemasaran. Bagi penguasaan bahasa asing pula, daripada jumlah 443 pegawai LPPM pada keseluruhannya, hanya 7 orang pegawai menguasai bahasa asing secara lisan dengan fasih, manakala 35 orang pegawai yang lain hanya menguasai bahasa asing secara lisan pada tahap sederhana. Berikut adalah diberikan tahap penguasaan bahasa asing secara lisan di kalangan pegawai-pegawai LPPM :-

JADUAL 29
PENGUASAAN BAHASA ASING OLEH PEGAWAI LPPM

BAHASA	BILANGAN PEGAWAI FASIH	BILANGAN PEGAWAI SEDERHANA FASIH	BILANGAN PEGAWAI DITEMPATKAN DI NEGARA BERKENAAN
Jepun	1	10	1
Itali	Tiada	3	1
Mandarin	2	2	Tiada
Kantonis	1	2	1
Jerman	Tiada	5	Tiada
Thailand	1	4	1
Perancis	2	2	Tiada
Tamil	Tiada	1	Tiada
Arab	Tiada	2	Tiada
Spanyol	Tiada	4	Tiada
JUMLAH	7	35	4

Sumber : Rekod-rekod Ibu Pejabat LPPM

13.4.6.2. Oleh kerana kekurangan kepakaran dari segi pemasaran dan juga masalah penguasaan bahasa asing, pihak

LPPM sukar menarik minat pelancong luar ke Malaysia. Kebanyakan pelancong yang tiba di Malaysia adalah dari Negara Singapura dan Thailand dan ini mungkin kerana lokasinya yang berdekatan. Butir-butirnya adalah seperti berikut :-

JADUAL 30
TABURAN PELANCONG KE ASIA TENGGARA PADA TAHUN 1998

NEGARA DI MANA PEJABAT PPM DITEMPATKAN	BILANGAN PELANCONG KE ASIA TENGGARA	PERATUS PELANCONG KE MALAYSIA (%)	PERATUS PELANCONG KE SINGAPURA (%)	PERATUS PELANCONG KE THAILAND (%)	PERATUS PELANCONG KE NEGARA-NEGARA LAIN (%)
Germany	848,857	6.8	21.4	40.3	31.5
South Afrika	76,906	18.1	46.4	33.4	2.1
United Kingdom	1,221,184	13.3	35.6	29.8	21.3
USA	1,512,677	6.3	27	24	42.7
Italy	269,454	5.5	16.7	43	34.8
France	500,150	5.1	17.8	43.9	33.2
Sweden	244,609	8.3	49	37.9	4.8
Canada	253,763	12.7	32.7	30.3	24.3
Hong Kong	899,675	11.5	18.5	38	32
Japan	3,504,682	8.8	32.6	27.7	30.9
Australia	1,260,853	10.3	29	18.6	42.1
South Korea	1,138,804	6	27.2	36.7	30.1
Taiwan	1,416,821	14.7	35.7	29.5	20.1
Singapore	5,544,872	63	-	7.3	29.7
Thailand	1,031,666	47	18	-	35

Sumber : Laporan World Tourism Organization

13.4.7. Penyelidikan Pasaran

13.4.7.1. Dalam perancangan produk-produk pelancongan dan penetapan strategi-strategi pemasaran, maklum balas daripada pelancong, statistik pelancongan dan pasaran adalah penting. Menyedari hakikat ini, LPPM telah menubuhkan Bahagian Penyelidikan yang antara lainnya bertanggungjawab untuk mengumpul data berkaitan dengan pelancongan melalui kajian-kajian yang dijalankan dan menyebarkan laporannya kepada pengguna-pengguna dalaman serta pihak-pihak berkenaan dalam industri pelancongan. Pengauditan mendapati laporan tahunan mengenai statistik pelancongan bagi tahun 1997 dan 1998 telah lewat dikeluarkan iaitu antara 5 hingga 10 bulan selepas berakhirnya tahun berkenaan.

13.4.7.2. Selain dari itu, LPPM juga boleh menganjurkan lawatan sambil belajar ke agensi-agensi lain yang terlibat dengan aktiviti promosi pemasaran di peringkat antarabangsa supaya kaedah-kaedah promosi pemasaran mereka boleh dijadikan sebagai panduan semasa LPPM mempromosikan industri pelancongan. Misalnya, LPPM boleh mencontohi kaedah promosi pemasaran untuk mempertingkatkan penjualan minyak kelapa sawit di luar negara oleh *Malaysia Palm Oil Promotion Council*.

13.4.8. Kualiti Produk-produk Pelancongan

13.4.8.1. Produk-produk pelancongan yang dibangunkan jika mempunyai ciri-ciri seperti kemudahsampaian yang baik, aktiviti yang menarik, kemudahan-kemudahan asas yang mencukupi dan selesa dan juga kawasan persekitaran yang bersih dan indah, boleh menarik pelancong. Bagaimanapun, daripada lawatan Audit yang dibuat ke 47 produk pelancongan didapati ada antaranya tidak mempunyai ciri-ciri tersebut seperti ketiadaan kemudahan pengangkutan, kawasan tarikan pelancongan yang kotor dan terbiar dan kerosakan alat perhubungan yang berlarutan.

13.4.8.2. Perkampungan Budaya Terachi di Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang dibina dengan kos sebanyak RM1.00 juta bagi tujuan mengadakan aktiviti kebudayaan masih belum beroperasi. Ini disebabkan usaha Majlis Daerah Kuala Pilah bagi mendapatkan pengusaha-pengusaha untuk mengendalikannya tidak berhasil. Pusat Aktiviti Orang Asli di Cameron Highlands yang dibina dengan kos sebanyak RM1.3 juta yang sepatutnya digunakan bagi mempamerkan kebudayaan Orang Asli kini telah bertukar menjadi sebuah rumah tumpangan.

13.4.8.3. Untuk memastikan produk-produk pelancongan sentiasa berkualiti dan dapat menarik lebih ramai lagi pelancong, antara langkah pembaikan yang perlu diambil adalah seperti berikut :-

- o Bagi mengelakkan produk-produk pelancongan termasuk kemudahan-kemudahannya terbiar atau disalahgunakan, kajian kemungkinan terhadap daya maju dan potensi produk berkenaan perlu dijalankan terlebih dahulu sebelum ianya

dilaksanakan.

- o Apabila membangunkan sesuatu produk pelancongan, agensi-agensi Kerajaan dan pihak swasta yang terlibat perlu memberi perhatian kepada aspek kemudahsampaian ke tempat berkenaan.
- o Pihak Penguasa Tempatan perlu mempertingkatkan tahap penguatkuasaan bagi memastikan produk-produk pelancongan termasuk kemudahan-kemudahannya sentiasa berada dalam keadaan yang baik.
- o Pihak KKKP perlu menyalurkan peruntukan yang mencukupi kepada penguasa-penguasa tempatan bagi tujuan penyelenggaraan kawasan-kawasan dan kemudahan-kemudahan berkenaan yang sering menjadi tumpuan para pelancong.

13.4.9. Kemudahsampaian Udara

13.4.9.1. Kemasukan pelancong ke negara ini juga bergantung kepada tahap kemudahsampaian udara ke Malaysia yang wujud sekarang. Bagaimanapun, daripada semakan Audit didapati jumlah kekerapan penerbangan dan kapasiti tempat duduk (mingguan) bagi tahun 1997 dan 1998 untuk Malaysia adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Singapura dan Thailand. Butir-butirnya adalah seperti di Jadual 31. Aduan tentang kesukaran untuk datang ke Malaysia kerana ketiadaan penerbangan terus dan tempat duduk yang mencukupi juga telah dibangkitkan oleh pengusaha-pengusaha pelancongan luar negara semasa *International Tourism Exhibition Berlin 1999, Malaysia Update and Travel Mart 1999 For Scandinavian Countries* dan ketika lawatan Menteri Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan ke India pada bulan Februari 2000.

JADUAL 31
JUMLAH KEKERAPAN PENERBANGAN DAN
KAPASITI TEMPAT DUDUK (MINGGUAN)
BAGI TAHUN 1997 DAN 1998

PERKARA	MALAYSIA		SINGAPURA		THAILAND	
	1997	1998	1997	1998	1997	1998
Jumlah Kekerapan Penerbangan	1,058	884	1,528	1,405	1,104	1,149
Jumlah Kapasiti Tempat Duduk	228,409	207,256	368,056	359,314	297,458	311,703

13.4.9.2. Semakan selanjutnya menunjukkan kemudahsampaian udara yang terhad antara lain adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut :-

- o 17 syarikat penerbangan luar negara yang mengendalikan penerbangan ke Singapura dan Thailand tidak mengadakan sebarang penerbangan ke Malaysia.
- o Bagi 27 syarikat penerbangan luar negara yang mengadakan penerbangan ke Malaysia, Singapura dan Thailand, didapati jumlah bilangan penerbangan mingguannya ke Kuala Lumpur adalah yang terendah iaitu sebanyak 155 penerbangan jika dibandingkan dengan Singapura sebanyak 448 dan Thailand sebanyak 436 penerbangan.

13.4.9.3. Untuk meningkatkan tahap kemudahsampaian udara demi menambahkan lagi ketibaan pelancong asing ke negara ini, adalah disyorkan usaha-usaha patut dibuat bagi menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan luar negara untuk mengadakan penerbangan serta menambahkan kekerapan penerbangan mereka ke Malaysia. Adalah difahamkan bahawa Kementerian Pengangkutan telah menubuhkan satu jawatankuasa *Hubbing* yang bertanggungjawab mengkaji cara-cara bagaimana jumlah trafik di *Kuala Lumpur International Airport (KLIA)* dapat dipertingkatkan. Sekiranya KLIA berjaya menjadi satu *International Hub* melalui pelaksanaan langkah-langkah yang dicadangkan oleh Jawatankuasa itu, pihak Audit berpendapat ini akan mempunyai kesan yang positif ke atas aliran masuk pelancong-pelancong.

13.4.10. Peraturan-peraturan Perjalanan Ke Malaysia

13.4.10.1. Kelonggaran syarat-syarat permohonan visa dan kecekapan pemerosesan visa ke Malaysia adalah antara faktor yang boleh mempengaruhi kemasukan pelancong-pelancong asing ke negara ini. Kajian Audit mendapati permohonan dan pemerosesan visa bagi warganegara daripada beberapa pasaran tradisi dan berpotensi untuk menarik pelancong ke negara ini pada keseluruhannya adalah memuaskan melainkan bagi pelancong-pelancong dari Negara China. Sungguhpun Kerajaan semenjak tahun 1994 telah melonggarkan syarat-syarat yang ditetapkan bagi permohonan visa dengan membenarkan pengeluaran visa di pintu masuk dan visa tanpa rujukan oleh pejabat-pejabat perwakilan Malaysia di Negara China bagi pelancong-pelancong secara berkumpulan, namun masih terdapat syarat-syarat seperti berikut memberi kesan terhadap kemasukan pelancong-pelancong dari Negara China :-

- o Hanya agensi-agensi pelancongan yang berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dibenarkan mengendalikan permohonan visa bagi pelancong-pelancong dari Negara China. Agensi-agensi pelancongan berkenaan dikenakan deposit keselamatan dalam bentuk jaminan bank bernilai RM100,000.
- o Warganegara China yang ingin melawat Malaysia untuk tujuan pelancongan dikehendaki datang secara berkumpulan dan dikehendaki ditaja oleh agensi-agensi pelancongan tempatan yang berdaftar dengan KDN.
- o Penaja bagi warga Negara China yang ingin melawat saudara-mara di Malaysia secara perseorangan hendaklah memberi bon keselamatan sebanyak RM1,500 bagi setiap pelawat dalam bentuk wang tunai.
- o Pelancong-pelancong berkumpulan dari Negara China

perlu dijemput di pintu masuk hanya oleh agensi-agensi pelancongan berdaftar dengan KDN yang menajanya.

13.4.10.2. Syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti yang tersebut di atas menyebabkan bilangan pelancong dari Negara China yang datang ke Malaysia bagi tempoh 1997 hingga 1999 hanya dalam lingkungan 160,000 orang setahun. Jumlah ini amatlah rendah jika dibandingkan dengan ketibaan mereka ke negara-negara jiran seperti Singapura dan Thailand. Butir-butirnya adalah seperti di Jadual berikut :-

JADUAL 32
BILANGAN PELANCONG DARI NEGARA CHINA
KE NEGARA MALAYSIA, SINGAPURA DAN THAILAND

NEGARA	BILANGAN PELANCONG		
	1997	1998	1999 (Januari - Ogos)
Malaysia	158,679	159,852	137,980
Singapura	235,270	293,166	256,570
Thailand	452,510	571,061	478,880

13.4.10.3. Semakan Audit di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia terhadap kes permohonan visa dengan rujukan yang telah dikemukakan pada tahun 1999 oleh penaja-penaja bagi pihak warganegara China yang ingin melawat saudara-mara di Malaysia, didapati tempoh masa yang diambil untuk meluluskan permohonan adalah antara 19 hari hingga 5½ bulan. Ini adalah melebihi tempoh masa 14 hari yang ditetapkan dalam piagam pelanggan Jabatan Imigresen Malaysia.

13.4.10.4. Daripada temu bual dengan beberapa agensi pelancongan yang terlibat dengan pengendalian pelancong-pelancong dari Negara China ke Malaysia, mereka telah mengadu bahawa urusan pelepasan pelancong-pelancong dari negara berkenaan yang tiba secara berkumpulan di pintu-pintu masuk KLIA dan Tambak Johor kadangkala mengambil masa yang panjang iaitu antara 2 hingga 5 jam. Di samping itu, mereka juga membangkitkan soal ketiadaan pejabat Konsulat Malaysia yang

mencukupi bagi menguruskan permohonan visa di Negara China yang begitu luas. Pejabat-pejabat itu hanya terdapat di 2 buah bandar sahaja iaitu Beijing dan Guangzhou dan tidak ada pejabat di Bandar Raya Shanghai sungguhpun ianya dianggap sebagai pasaran berpotensi bagi menarik pelancong ke negara ini.

13.4.10.5. Bagi menarik lebih ramai pelancong dari Negara China yang dianggap sebagai pasaran pelancongan yang penting bagi Malaysia, KDN dan Jabatan Imigresen boleh mempertimbangkan mengambil langkah-langkah berikut :-

- o Membenarkan agensi-agensi pelancongan yang berdaftar dengan KKKP mengendalikan pelancong dari Negara China.
- o Mempercepatkan urusan pelepasan pelancong-pelancong di pintu masuk yang tiba secara berkumpulan.
- o Mempercepatkan pemerosesan permohonan-permohonan visa dengan rujukan.
- o Membuka lebih banyak pejabat Konsulat Malaysia di Negara China.

Bagaimanapun, semuanya ini hendaklah selaras dengan dasar hubungan luar negara kita terhadap Negara China.

13. RUMUSAN

13.5.1. Adalah jelas bahawa prestasi program ini dari segi bilangan ketibaan pelancong dan pendapatan pelancongan telah bertambah baik pada tahun 1999 jika dibandingkan dengan tahun lepas. Sungguhpun demikian, pihak KKKP dan LPPM boleh meningkatkan prestasi industri ini khususnya di peringkat antarabangsa. Antara langkah pembaikan yang boleh diambil ialah mengadakan strategi promosi atau pemasaran yang bersepadu, mempermudah peraturan-peraturan untuk memperolehi visa, meningkatkan kualiti produk-produk pelancongan, menswastakan penyelidikan pasaran antarabangsa. Di samping itu, pihak berkenaan perlu meningkatkan pemantauan prestasi aktiviti-aktiviti promosi pelancongan serta memberi latihan yang mencukupi kepada anggota-anggota LPPM dalam bidang pemasaran dan mempertingkatkan penguasaan bahasa-bahasa asing.

13.5.2. Pihak LPPM telah memberikan maklum balas terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dan pada umumnya bersetuju dengan syor-syor yang dikemukakan oleh pihak Audit. LPPM akan mengambil tindakan-tindakan yang berikut untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan :-

- o Mengkaji semula aktiviti-aktiviti LPPM di mana aktiviti yang tidak berkaitan dengan pemasaran akan dikurangkan.
- o Mengkaji kedudukan kakitangan yang ditempatkan di pejabat-pejabatnya di luar negara dari segi bilangan, kemahiran dan penguasaan bahasa asing dengan memberikan latihan yang sesuai.
- o Memperbaiki sistem pemantauan terhadap pelaksanaan aktiviti-aktiviti promosi pemasaran.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

14. PEMBEKALAN PAKAIAN SERAGAM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

14.1. LATAR BELAKANG

Anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mendapat kemudahan pakaian seragam percuma untuk tugas-tugas rasmi. Kemudahan ini dilaksanakan melalui kontrak pembekalan kain, kontrak perkhidmatan jahitan dan kontrak perkhidmatan kerja-kerja perubahan yang diuruskan oleh Bahagian Perolehan Kementerian Pertahanan. Untuk melaksanakan kemudahan ini, Kementerian Pertahanan telah membelanjakan sebanyak RM50.35 juta antara tahun 1997 hingga Jun 1999.

14.2. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Satu kajian Audit telah dijalankan untuk menentukan sama ada pakaian seragam yang dibekalkan kepada anggota ATM diuruskan dengan teratur dan tiada pembaziran. Kajian ini meliputi pembekalan kain, perkhidmatan jahitan dan perkhidmatan kerja-kerja perubahan kepada pakaian seragam ATM oleh kontraktor berkenaan bagi tempoh 1997 hingga Jun 1999. Pemeriksaan terhadap dokumen kontrak, fail dan dokumen-dokumen lain telah dijalankan. Perbincangan dan temu bual dengan pihak berkenaan telah diadakan dan lawatan ke 16 pasukan ATM telah juga dilakukan.

14.3. PENEMUAN AUDIT

Kajian Audit yang dijalankan antara bulan Mac hingga November 1999 mendapati perkara-perkara berikut :-

14.3.1. Pembekalan Kain Untuk Membuat Pakaian Seragam ATM

14.3.1.1. Kementerian Pertahanan telah menandatangani 4 kontrak pembekalan kain bernilai RM18.58 juta antara tahun 1997 hingga 2000 bagi membuat pakaian celoreng untuk tujuan operasi. Bagi pembekalan kain untuk membuat pakaian kerja dan

perbarisan pula, Perbendaharaan Malaysia telah melantik 2 syarikat untuk urusan pembekalan tersebut.

14.3.1.2. Bagi tempoh 1997 hingga Jun 1999, kain yang dibekalkan adalah bernilai RM34.46 juta. Pemeriksaan Audit telah dijalankan terhadap kesemua 3 Depoh perkhidmatan tentera yang menerima bekalan kain dan mendapati mutu kain yang dibekalkan adalah memuaskan dan menepati spesifikasi kontrak.

14.3.2. Perkhidmatan Jahitan Pakaian Seragam ATM

Kementerian telah menandatangani kontrak bernilai RM23.37 juta dengan Syarikat Puspamara Sdn. Berhad untuk menjahit pelbagai jenis pakaian seragam anggota ATM berdasarkan saiz yang dipesan oleh Depoh-depoh berkenaan. Semakan Audit mendapati pakaian yang dijahit menepati spesifikasi dan syarat-syarat kontrak.

14.3.3. Perkhidmatan Kerja-kerja Perubahan Kepada Pakaian Seragam ATM

14.3.3.1. Pakaian-pakaian yang siap dijahit akan dikeluarkan oleh ketiga-tiga Depoh tersebut kepada stor kumpulan/pasukan masing-masing berdasarkan permintaan mengikut saiz yang dipesan. Stor-stor itu kemudiannya akan mengagihkan pakaian seragam kepada anggota ATM mengikut keperluan. Anggota juga menikmati kemudahan perkhidmatan untuk membuat perubahan terhadap pakaian yang tidak sesuai dengan ukuran badan mereka. Kemudahan ini dilaksanakan melalui kontrak perkhidmatan dobi dan jahitan yang diuruskan oleh Bahagian Perolehan Kementerian Pertahanan. Antara jenis perubahan adalah seperti merubah saiz baju dan seluar, kolar, poket, lengan dan kaki seluar.

14.3.3.2. Semakan Audit yang dijalankan terhadap 21 daripada 68 kontrak kerja-kerja perubahan kepada pakaian di pasukan/Kem Tentera Darat, Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mendapati **perbezaan harga yang ketara bagi membuat jenis-jenis kerja perubahan yang sama dan ini menyebabkan kos**

merubah sepasang pakaian berbeza antara RM0.70 dan RM68.00. Butir-butirnya adalah seperti berikut :-

JADUAL 33

PERBEZAAN HARGA KONTRAK KERJA-KERJA PERUBAHAN PAKAIAN

PASUKAN/ KEM/ PANGKALAN	MSS SUNGAI BESI (RM)	KEM TERENDAK (RM)	KEM BATU 10 KUANTAN (RM)	11 RAMD KEM SEMENGGGO (RM)	15 RAMD KEM SRI MIRI (RM)	TUDM SUNGAI BESI (RM)	TUDM LABUAN (RM)
Nilai Kontrak	948,750	596,178	540,520	458,595	1,659,975	457,822	443,482
Baju							
Merubah Saiz (Badan)	3.00	0.20	3.50	5.00	14.00	0.10	6.00
Merubah Kolar	2.00	0.30	0.50	5.00	2.00	0.10	5.00
Merubah Lengan	3.00	0.15	3.00	4.00	12.00	0.10	5.00
Merubah Poket	2.00	0.20	1.00	4.00	6.00	0.10	4.00
Seluar							
Merubah Saiz (Pinggang)	3.00	4.00	2.00	5.00	14.50	0.10	5.00
Merubah Kaki Seluar	3.00	0.20	2.00	5.00	14.50	0.10	3.00
Memendek Kaki Seluar	3.00	0.20	3.00	3.00	5.00	0.10	3.00
JUMLAH	19.00	5.25	15.00	31.00	68.00	0.70	31.00

Sumber : Kontrak-kontrak Dobi Dan Jahitan Pasukan

14.3.3.3. Semakan selanjutnya mendapati kos merubah sepasang pakaian adalah lebih tinggi daripada kos menjahit. Sebagai contoh, kos membuat perubahan bagi sepasang pakaian di 11 Regimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Kem Semenggo dan 15 RAMD Kem Sri Miri masing-masingnya ialah RM31.00 dan RM68.00 manakala kos menjahit sepasang pakaian yang dikenakan oleh Syarikat Puspamara Sdn. Berhad ialah RM26.10.

14.3.3.4. Mengikut maklum balas yang diterima daripada Kementerian Pertahanan, kos merubah sepasang pakaian di 15 RAMD Kem Sri Miri adalah paling mahal iaitu berjumlah RM68.00 kerana hanya satu petender sahaja yang telah mengemukakan tawaran.

14.3.3.5. Semakan terhadap syarat-syarat kontrak mendapati asas perkiraan bayaran kepada kontraktor berbeza untuk kerja-kerja perubahan pakaian iaitu sama ada mengikut bilangan helai pakaian atau mengikut bilangan kerja yang dibuat pada sehelai

pakaian. Akibat daripada itu, kontraktor telah membuat berbagai tafsiran dan perkiraan apabila membuat tuntutan bayaran. Sebagai contoh, di Kem Kementah, Pusat Latihan Darat dan Markas Stesen Staf (MSS) Sungai Besi, kerja merubah lengan dan memendek kaki seluar telah ditafsir sebagai dua kerja yang berasingan. **Ini menyebabkan bayaran lebih sebanyak RM68,122.60 bagi tahun 1997 hingga Mei 1999 telah dibuat kepada kontraktor.** Butir-butirnya adalah seperti di Jadual berikut :-

JADUAL 34
BAYARAN LEBIH BAGI KERJA-KERJA PERUBAHAN BAGI TAHUN 1997 SEHINGGA MEI 1999

JENIS PERUBAHAN	JUMLAH KERJA DITUNTUT	JUMLAH KERJA SEBENAR	PERBEZAAN	BAYARAN LEBIH (RM)
Baju : Merubah saiz (Badan)	6,883	6,765	118	354.00
Merubah kolar	6,872	6,762	110	220.00
Merubah lengan	19,543	13,738	5,805	14,433.60
Seluar : Merubah saiz (Pinggang)	8,386	8,197	189	567.00
Merubah kaki seluar	23,596	16,949	6,647	16,755.60
Memendek kaki seluar	33,606	20,618	12,988	35,792.40
JUMLAH				68,122.60

Sumber : Penyata Bulanan Perkhidmatan Jahitan Dan Invois

14.3.3.6. Mengikut syarat-syarat kontrak, kerja merubah poket kiri dan kanan hendaklah dikira sebagai satu kerja. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati di Kem Kementah; MSS Port Dickson dan MSS Kuching, kerja-kerja tersebut dikira sebagai 2 kerja. Akibatnya terdapat bayaran lebih sebanyak RM72,437.10 seperti Jadual berikut :-

JADUAL 35
TUNTUTAN BERLEBIHAN BAGI KERJA-KERJA PERUBAHAN POKET BAJU

PASUKAN	TEMPOH	JUMLAH BAJU DIBUAT PERUBAHAN (Helai)	JUMLAH KERJA UNTUK POKET (Kerja)	BILANGAN TUNTUTAN MERUBAH POKET (Kerja)	TUNTUTAN BERLEBIHAN UNTUK POKET (Kerja)	HARGA SEUNIT KERJA (RM)	BAYARAN LEBIH UNTUK POKET (RM)	
Kem Kementah	1997	3,333	4,166	10,730	6,564	2.40	15,753.60	
	1998	1,849	2,568	5,344	2,776	2.40	6,662.40	
	Januari - Mac 1999	569	713	1,494	781	2.40	1,874.40	
MSS Port Dickson	1997	12,526	33,686	40,040	6,354	0.95	6,036.30	
	Januari 1998	758	2,164	2,996	832	0.95	790.40	
	Februari - Disember 1998	11,081	15,254	19,440	4,186	4.00	16,744.00	
MSS Kuching	Januari - Mei 1999	4,945	6,944	9,547	2,603	4.00	10,412.00	
	1997	1,420	2,018	2,805	787	4.00	3,148.00	
	1998	2,248	2,884	4,164	1,280	4.00	5,120.00	
	Januari - Jun 1999	1,498	2,194	3,668	1,474	4.00	5,896.00	
JUMLAH								72,437.10

Sumber : Penyata Bulanan Perkhidmatan Jahitan Pasuka

14.3.4. Tiada Pemantauan Terhadap Kerja-kerja Perubahan

14.3.4.1. Bagi membolehkan pengesanan yang berkesan dijalankan terhadap kerja-kerja perubahan kepada pakaian seragam ATM, setiap pasukan perlu menyelenggara rekod-rekod tentang borang permohonan perubahan kepada pakaian, daftar perkhidmatan perubahan; daftar kekurangan dan kerosakan pakaian dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

- o Jenis perubahan, bilangan pakaian dan nombor rujukan baju/seluar yang dibuat perubahan tidak dicatatkan.
- o Borang-borang permohonan yang belum digunakan tidak dikawal oleh pasukan dan disimpan oleh kontraktor di Pulada Johor, 1 Armor Kuantan; Kem Sungai Besi dan TLDM Labuan.
- o Di TUDM Ipoh, jumlah kerja perubahan yang dituntut dalam penyata perkhidmatan perubahan bulanan berbeza dengan jumlah yang ditunjukkan dalam daftar perkhidmatan perubahan. Perbezaannya adalah sebanyak 3,848 helai baju, 3,860 helai seluar bagi tahun 1997 dan 1,243 helai baju serta 1,291 helai seluar bagi tahun 1998. Perbezaan tersebut tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan tidak dikemukakan untuk semakan Audit.
- o Di TLDM Labuan, bayaran sebanyak RM11,212 untuk 1,818 pasang pakaian tidak dapat disahkan kerana borang permohonan perkhidmatan perubahan dan daftar perkhidmatan perubahan tidak dapat dikemukakan kepada Audit untuk semakan.

14.3.4.2. Mengikut Arahan Ketua Staf Lojistik, sebelum pembayaran dibuat, kontraktor dikehendaki mengemukakan bil berserta salinan borang permohonan perkhidmatan ke pasukan yang berkenaan untuk pengesahan. Bertentangan dengan arahan tersebut, semakan Audit mendapati **8 pasukan telah menyerahkan penyata bulanan perkhidmatan perubahan kepada kontraktor untuk penyediaan bil. Ini bermakna bil-bil yang disediakan oleh kontraktor adalah berdasarkan rekod-rekod pasukan dan kemudiannya disahkan oleh pasukan-pasukan berkenaan.** Pasukan

yang terlibat adalah seperti berikut :-

- o Pusat Latihan Darat, Kem Ulu Tiram, Johor.
- o TLDM, Lumut, Perak.
- o Kem Kementah, Kuala Lumpur.
- o MSS Sungai Besi, Kuala Lumpur.
- o TUDM, Ipoh.
- o Markas Garison, Kem Terendak, Melaka
- o TUDM, Subang.
- o TLDM, Labuan.

14.3.4.3. Tujuh pasukan tentera darat telah membuat perubahan poket yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM211,379 manakala 3 pasukan tentera udara bagi kerja sedemikian, melibatkan perbelanjaan sebanyak RM15,335.

14.3.5. Perbandingan Kos Pakaian Seragam ATM Dengan Kos Pakaian Anggota Polis Diraja Malaysia

Pihak Audit telah membuat perbandingan terhadap kos perkhidmatan jahitan pembekalan pakaian antara ATM dengan pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kos bagi menjahit sepasang pakaian seragam ATM adalah antara RM21.80 hingga RM26.10. Sekiranya kos purata sebanyak RM24.28 bagi membuat kerja-kerja perubahan diambilkira, maka kos sebenar untuk menghasilkan sehelai pakaian seragam ATM adalah antara RM46.08 hingga RM50.38. Kos ini adalah lebih tinggi berbanding dengan kos sepasang pakaian seragam pasukan PDRM yang hanya bernilai antara RM25.85 hingga RM29.20. Butir-butirnya adalah seperti berikut:-

JADUAL 36
PERBANDINGAN KOS PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA TENTERA
DENGAN KOS PAKAIAN SERAGAM POLIS DIRAJA MALAYSIA

PASUKAN : POLIS DIRAJA MALAYSIA NAMA SYARIKAT : PUSPAMARA SDN. BHD.			PASUKAN : KEMENTERIAN PERTAHANAN NAMA SYARIKAT : PUSPAMARA SDN. BHD.			KOS PURATA PERUBAHAN SEPASANG PAKAIAN (RM)	JUMLAH (RM)		
JENIS PAKAIAN	HARGA JAHIT SEHELAI			JENIS PAKAIAN	HARGA JAHIT SEHELAI				
	BAJU (RM)	SELUAR (RM)	JUMLAH (RM)		BAJU (RM)	SELUAR (RM)	JUMLAH (RM)		
Pakaian Seragam Biru Tua Anggota Pangkat Rendah PDRM	12.35	13.50	25.85	No. 3 (Pakaian Kerja)	10.00	11.80	21.80	24.28	46.08
Menjahit Baju Tangan Panjang Dan Seluar Panjang Gerakan Lelaki (PGA) PDRM	14.00	15.20	29.20	No. 4 (Pakaian Perbarisan)	10.95	12.90	23.85	24.28	48.13
				No. 5 (Pakaian Celoreng Untuk Operasi)	12.90	13.20	26.10		50.38

Sumber : Kontrak-kontrak Bahagian Perolehan Kementerian Dalam Negeri Dan Kementerian Pertahanan

14.4. RUMUSAN

14.4.1. Kajian ini mendapati pada keseluruhannya tidak ada masalah berhubung dengan pembekalan kain dan perkhidmatan jahitan pakaian seragam anggota ATM. Bagaimanapun, berdasarkan sampel yang dipilih untuk auditan, didapati sebanyak RM3.02 juta telah dibelanjakan bagi tempoh 1997 hingga Jun 1999 untuk membuat kerja-kerja perubahan kepada pakaian. Jumlah perbelanjaan ini mungkin lebih tinggi sekiranya kerja-kerja perubahan bagi semua pasukan diambil kira. Sehubungan ini, kontrak kerja-kerja perubahan perlu dikaji semula memandangkan ia tidak diamalkan oleh perkhidmatan pasukan lain.

14.4.2. Kawalan terhadap bayaran-bayaran yang dibuat kepada kontraktor yang membuat kerja-kerja perubahan adalah lemah dan pasukan-pasukan berkenaan tidak membuat pemantauan terhadapnya.

14.4.3. Sehingga Laporan ini disediakan, pihak Kementerian Pertahanan belum memberi jawapan terhadap pemerhatian Audit yang dibangkitkan.

KEMENTERIAN KEWANGAN

15. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI - TAKSIRAN CUKAI PENDAPATAN BAGI SYARIKAT-SYARIKAT PEMAJU PERUMAHAN

15.1. LATAR BELAKANG

15.1.1. Akta Cukai Pendapatan, 1967 menetapkan bahawa setiap syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan perlu mengisytiharkan pendapatannya kepada LHDN. Syarikat pemaju perumahan dikehendaki mengisytiharkan pendapatan kepada LHDN mengikut bayaran kemajuan yang diterimanya bagi setiap projek atau setiap fasa. Cukai akan dikenakan terhadap pendapatan ini setelah ditolak perbelanjaan pembangunan dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan. Bagi menguatkuasakan kehendak ini, LHDN telah mengeluarkan Pekeliling Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Bil. 2 Tahun 1989 pada 15 Mei 1989.

15.1.2. Syarikat pemaju perumahan yang berdaftar dengan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sehingga 31 Disember 1999 adalah berjumlah 7,400 buah. Syarikat-syarikat ini dianggap sebagai aktif jika mereka memperbaharui lesen dan memperolehi permit bagi menjalankan projek-projek perumahannya.

15.2. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

15.2.1. Satu kajian telah dijalankan terhadap taksiran cukai pendapatan syarikat-syarikat pemaju perumahan yang berdaftar di KPKT. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan sama ada semua pendapatan yang diperolehi daripada projek-projek yang dimajukan telah diisytiharkan kepada LHDN dan pendapatan ini ditaksir selaras dengan Pekeliling Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Bil. 2 Tahun 1989.

15.2.2. Kajian ini meliputi pemeriksaan terhadap fail-fail cukai pendapatan bagi syarikat-syarikat pemaju perumahan di Cawangan-cawangan LHDN Negeri Johor, Melaka, Pulau Pinang, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebanyak 250 fail atau 4% daripada 6,344 fail syarikat-syarikat pemaju perumahan yang terdapat di Cawangan-cawangan tersebut telah dipilih untuk diaudit dan ia

merupakan 80% daripada keseluruhan fail syarikat pemaju perumahan yang berdaftar di Semenanjung Malaysia.

15.3. PENEMUAN AUDIT

Setiap tahun, LHDN mengeluarkan surat arahan yang meminta Kementerian/ Jabatan/Agensi Kerajaan mengemukakan maklumat terhadap pembayar cukai yang berurusan dengan mereka. Bagaimanapun, KPKT tidak disenaraikan dalam surat arahan itu. Dengan itu, maklumat mengenai lesen-lesen pemaju perumahan dan permit bagi memajukan sesuatu projek yang dikeluarkan oleh KPKT tidak dikemukakan kepada LHDN. Tanpa maklumat ini, LHDN tidak dapat mengenal pasti syarikat-syarikat pemaju perumahan yang memperolehi pendapatan dan masih aktif menjalankan projek perumahan. Kelemahan ini telah menyebabkan berlakunya perkara-perkara berikut :-

15.3.1. Pendapatan Projek Perumahan Yang Tidak Diisytiharkan Oleh Pemaju

Sebanyak 4 syarikat yang memperolehi pendapatan berjumlah **RM105.24 juta** dan masih aktif membangunkan projek-projek perumahan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang **tidak pernah mengisytiharkan pendapatan kepada LHDN. Cukai pendapatan yang terlibat dianggarkan berjumlah RM4.21 juta.** Semakan Audit di peringkat KPKT menunjukkan bahawa syarikat-syarikat ini telah pun memajukan projek perumahan dan menjual rumah-rumah yang siap dibina. Butir-butirnya adalah seperti berikut :-

JADUAL 37
PENDAPATAN PROJEK PERUMAHAN
YANG TIDAK DIISYTIHARKAN OLEH PEMAJU

NEGERI	BILANGAN SYARIKAT	TAHUN DIMAJUKAN	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta)	ANGGARAN CUKAI TERLIBAT (RM Juta)
Pulau Pinang	2	1987 & 1994	85.05	3.40
Wilayah Persekutuan KL	2	1990 & 1996	20.19	0.81
JUMLAH	4		105.24	4.21

Sumber : Fail-Fail Taksiran Syarikat Pemaju Perumahan

15.3.2. Pendapatan Projek Perumahan Yang Tidak Diisytiharkan Sepenuhnya

Sebanyak 18 syarikat pemaju perumahan tidak mengisytiharkan pendapatan

sepenuhnya terhadap 24 projek perumahan yang telah dimajukan. Pendapatan daripada projek-projek ini dianggarkan berjumlah RM789.69 juta. Akibatnya, **anggaran cukai pendapatan sebanyak RM31.58 juta tidak dapat dikutip oleh LHDN.** Maklumat mengenai bilangan syarikat, projek, jumlah pendapatan dan anggaran cukai adalah seperti berikut :-

JADUAL 38
PENDAPATAN PROJEK PERUMAHAN YANG TIDAK DIISYTIHARKAN SEPENUHNYA

NEGERI	BILANGAN SYARIKAT	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta)	ANGGARAN CUKAI TERLIBAT (RM Juta)
Johor	3	3	19.60	0.78
Melaka	6	6	37.87	1.51
Pulau Pinang	1	4	126.87	5.07
Perak	4	6	68.47	2.74
Wilayah Persekutuan KL	4	5	536.88	21.48
JUMLAH	18	24	789.69	31.58

Sumber : Fail-fail Taksiran Syarikat Pemaju Perumahan

15.3.3. Syarikat-Syarikat Pemaju Perumahan Yang Tidak Mempunyai Fail Cukai Pendapatan

Sebanyak 15 syarikat tidak mempunyai fail cukai pendapatan di LHDN. Syarikat-syarikat ini telahpun memperolehi pendapatan berjumlah RM862.88 juta semenjak mula menjalankan perniagaan tetapi belum mengisytiharkan pendapatan yang diterima kepada LHDN. Tanpa pengisytiharan ini, **LHDN tidak dapat memungut cukai pendapatan yang dianggarkan sebanyak RM34.51 juta.** Semakan selanjutnya di Pejabat Pendaftar Syarikat mendapati satu daripada syarikat-syarikat tersebut tidak mengemukakan penyata kewangannya ke pejabat berkenaan. Pemeriksaan di KPKT pula mendapati kesemua syarikat berkenaan telah pun memajukan projek perumahan dan menjual rumah-rumah yang dibina. Butir-butirnya adalah seperti berikut:-

JADUAL 39
SYARIKAT-SYARIKAT PEMAJU PERUMAHAN YANG TIDAK MEMPUNYAI FAIL CUKAI PENDAPATAN

NEGERI	BILANGAN SYARIKAT	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta)	ANGGARAN CUKAI TERLIBAT (RM Juta)
Johor	5	85.41	3.41
Melaka	2	7.26	0.29
Pulau Pinang	4	170.33	6.81
Wilayah Persekutuan KL	4	599.88	24.00
JUMLAH	15	862.88	34.51

Sumber : Fail-fail Taksiran Syarikat Pemaju Perumahan

15.4. RUMUSAN

15.4.1. LHDN perlu mewujudkan satu rangkaian sistem maklumat pengurusan yang lebih sempurna dengan mengadakan rangkaian *on-line* dengan agensi-agensi terlibat seperti KPKT, Pejabat Pendaftar Syarikat, Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Sistem ini dapat memastikan agar maklumat-maklumat mengenai pemaju perumahan dan kontraktor-kontraktor dapat disalurkan kepada LHDN dengan cekap dan berkesan. Maklumat ini akan memantap dan mengemaskini lagi proses taksiran cukai pendapatan terhadap pemaju perumahan dan kontraktor. Bagi kes-kes di mana pemaju perumahan tidak mempunyai fail cukai pendapatan dan tidak mengisytiharkan pendapatannya, LHDN perlu mengenakan denda dan tindakan undang-undang selaras dengan kehendak Akta Cukai Pendapatan, 1967.

15.4.2. Mengikut jawapan daripada LHDN, pihaknya bersetuju dengan perkara-perkara yang dibangkitkan. LHDN telah menghubungi syarikat-syarikat pemaju perumahan yang tidak mengisytiharkan pendapatan mereka dan masih menunggu maklumat lanjut daripada syarikat-syarikat yang berkenaan.

KEMENTERIAN KESIHATAN

16. PROJEK MEMBANGUN SEMULA HOSPITAL

16.1. LATAR BELAKANG

16.1.1. Pada tahun 1994 Kementerian Kesihatan Malaysia mula melaksanakan Projek Membangun Semula Hospital. Melalui projek ini, perkhidmatan dan kemudahan hospital yang sedia ada dinaikkan taraf secara :-

- o Pembesaran bangunan dan penambahan bangunan hospital.
- o Penggunaan peralatan yang moden dan canggih supaya dapat memberi perkhidmatan dan kemudahan perubatan yang terbaik.
- o Penambahan bilangan perjawatan dalam perkhidmatan perubatan.

16.1.2. Hospital yang dinaik taraf perlu mewujudkan perkhidmatan dan menyediakan kemudahan seperti berikut :-

- o Perkhidmatan perubatan dan wad pesakit secara khusus terdiri daripada Perubatan Am; Pembedahan Am; Perbidanan dan Sakit Puan; Pediatrik; Anaesthesiologi; Oftalmologi; Telinga, Hidung dan Tekak; Otopedik; Pengimejan; Patologi; Dermatologi; Psikiatri; Kemalangan dan Kecemasan serta Pergigian.
- o Penggunaan peralatan moden dan canggih seperti *Computer Tomography Scanner; Digital Fluoroscopy; Sistem Video di Dewan Bedah; Pneumatic Tube; Mammography* dan Sistem Pengagihan Makanan Berpusat (*Centralise Plating System*).

16.1.3. Sebanyak 10 hospital dikenalpasti di beberapa negeri untuk dinaik taraf iaitu Hospital-hospital Kangar; Taiping; Kajang; Seremban; Melaka; Muar; Sultanah Aminah Johor Bahru; Kota Bharu; Queen Elizabeth Kota Kinabalu dan Hospital Umum Sarawak. Memandangkan kerja-kerja pembinaan dilakukan di tapak hospital yang sedia ada, Kementerian telah melaksanakan projek ini mengikut pakej-pakej

tertentu supaya ianya tidak menjejaskan perkhidmatan sedia ada yang diberikan kepada orang ramai.

16.1.4. Peruntukan Dan Perbelanjaan

Sebanyak RM557.78 juta diperuntukkan untuk melaksanakan Projek Membangun Semula Hospital bagi tahun 1994 hingga 1999. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM456.39 juta telah dibelanjakan seperti berikut:-

JADUAL 40
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 1994 HINGGA 1999

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
1994	22.16	9.81	44.27
1995	61.62	45.09	73.17
1996	147.10	107.60	73.15
1997	102.70	95.80	93.28
1998	124.24	121.89	98.11
1999	99.96	76.20	76.23
JUMLAH	557.78	456.39	81.82

16.2. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan untuk menentukan sejauh mana projek ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Pengauditan ini meliputi 49 pakej projek pembinaan bangunan dan 10 pakej perolehan peralatan di 10 hospital terlibat bagi tahun 1994 sehingga 1999. Semakan telah dijalankan terhadap fail-fail berkaitan urusan projek dan kewangan serta lawatan ke semua tapak projek di hospital-hospital tersebut. Selain itu, temu bual mengenai prestasi dan masalah projek diadakan dengan pegawai-pegawai di Kementerian, hospital-hospital terlibat, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah dan juga Juruperunding yang berkenaan.

16.3. PENEMUAN AUDIT

Hasil pengauditan ini, beberapa kelemahan ditemui dari segi perancangan dan pelaksanaan projek seperti berikut :-

16.3.1 Perancangan Projek

Pada umumnya, projek ini tidak dirancang dengan teliti di mana beberapa kerja penting tidak dimasukkan dalam kontrak asal. Antara kerja yang tidak diambil kira ialah membekal, memasang, menguji dan mentauliah serta menyelenggara *Dental Chairs and Equipment*; dan *Mortuary Equipment*. Bagi beberapa kerja yang lain sungguhpun telah diambil kira tetapi kos yang ditunjukkan dalam kontrak adalah terlalu rendah. Keadaan ini menyebabkan **kos projek bagi 9 hospital telah meningkat sebanyak RM52.62 juta iaitu daripada RM205.05 juta kepada RM257.68 juta**. Berikut ini diberikan butir-butirnya :-

	RM Juta
o Kerja yang tidak diambil kira dalam kontrak	3.89
o Perbezaan antara kos kerja dalam kontrak dengan kos sebenar	48.73

JUMLAH	52.62
	=====

16.3.2. Pembesaran Dan Penambahan Bangunan Hospital

Projek Membangun Semula Hospital melibatkan pembesaran dan penambahan bangunan hospital yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1994. Pemeriksaan Audit mendapati kemajuan kerja bagi projek pembinaan di semua 10 hospital tersebut mengalami kelewatan seperti yang dihuraikan di perenggan-perenggan berikut :-

Kelewatan Pelaksanaan Projek

16.3.2.1. Didapati 17 daripada 49 pakej projek pembinaan di 10 hospital mengalami kelewatan antara 1 hingga 23 bulan. Butir-butirnya adalah seperti berikut :-

JADUAL 41
KELEWATAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBINAAN

HOSPITAL	KOS KONTRAK (RM Juta)	TEMPOH PELAKSANAAN	TARIKH SIAP SEBENAR	LANJUTAN MASA DIBERI (Kali)	TEMPOH KELEWATAN (Bulan)
Kota Bharu Pakej I	44.9	1.10.94-27.9.96	27.3.97	2	6
Melaka Pakej IV	57.5	11.12.95-2.4.98	1.3.99	4	10
Taiping Pakej II	5.4	2.4.97-26.5.98	26.11.98	2	6
Seremban Pakej II	5.2	25.4.95-24.1.96	28.8.97	3	19
Seremban Pakej III	5.15	9.9.96-8.12.97	15.7.98	2	7
Seremban Pakej IV	12.57	30.6.97-7.9.98	12.11.99	3	14
Muar Pakej II	47.9	15.8.96 –29.7.98	27.5.99	2	10
Sultanah Aminah Pakej I	3.78	20.11.95-20.11.96	15.1.98	4	13
Sultanah Aminah Pakej IV	4.86	7.10.96-6.10.97	20.11.97	-	1
Sultanah Aminah Pakej V	0.79	22.4.97-9.9.97	23.10.97	1	1
Kajang Pakej I	11.1	6.1.97-20.7.98	16.7.99	3	11
Queen Elizabeth Pakej II	10.49	12.2.96-8.2.98	31.12.99	4	23
Queen Elizabeth Pakej IV	8.13	10.6.96-3.8.97	2.3.99	5	19
Queen Elizabeth Pakej V	1.48	13.7.98-16.11.98	1.4.99	2	4
Kangar Pakej II	37.96	16.9.97-15.8.99	30.4.2000	1	9
Kangar Pakej V	9.96	1.7.98-12.1.2000	-	1	6 (sehingga 30.6.2000)
Umum Sarawak Kuching, Pakej VI	68	2.1.98-2.1.2000	17.3.2000	2	3

16.3.2.2. Kelewatan dalam pelaksanaan ini adalah disebabkan perkara-perkara berikut :-

- o **Tambahan skop kerja dan perubahan pelan reka bentuk bangunan bagi 13 pakej projek** di 8 hospital yang melibatkan kos RM12.63 juta.
- o **Kelewatan melantik kontraktor kecil bagi 9 pakej projek** di Hospital-hospital Kangar; Seremban; Melaka; Muar dan Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.
- o **Masalah kewangan kontraktor** - Keadaan ini berlaku di Hospital Kajang di mana kontraktor berkenaan tidak mendapat kemudahan pinjaman daripada institusi kewangan yang menyebabkan kelewatan kemajuan kerja selama 21 minggu.
- o **Kelewatan bekalan dan memindahkan utiliti yang sedia ada** seperti pemindahan pili bomba, kerja menebang pokok, pengalihan tapak *covered way* kerana terdapat kabel bawah tanah dan saluran paip gas, kelewatan

memenuhi peraturan bomba dan tambahan *sub-station* melibatkan 20 pakej projek. Kelewatan menyiapkan projek yang berpunca dari masalah ini berlaku di Hospital-hospital Kangar; Taiping; Seremban; Melaka; Muar; Sultanah Aminah, Johor Bahru dan Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.

Kualiti Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak

16.3.2.3. Pemeriksaan Audit menunjukkan **sebanyak 23 kes kerja pembinaan di 7 hospital tidak mengikut spesifikasi kontrak**. Contoh-contohnya adalah seperti berikut :-

- o Hospital Melaka - Pembinaan jalan menuju pintu utama Unit Kemalangan dan Kecemasan terlalu sempit dan pendek daripada ukuran. Ini menimbulkan kesulitan kepada ambulans yang membawa pesakit.
- o Hospital Melaka - Pembinaan jalan ke pintu utama Klinik Pakar Otopedik terlalu curam dan tidak sesuai untuk menggunakan kereta sorong seperti di gambar berikut :-



Jalan Pintu Masuk Klinik Pakar Otopedik Terlalu Curam

- o Hospital Seremban - Kaunter pendaftaran terlalu rendah dan tidak selesa kepada pengguna.

- o Klinik Kesihatan Luyang, Hospital Queen Elizabeth - Ukuran siling tidak sama dengan ukuran bingkai siling menyebabkan ada siling yang jatuh.
- Hospital Kajang - Kayu yang digunakan untuk membina *covered way* adalah kayu yang tidak berkualiti di mana sebahagiannya didapati merekah.
-

Kelemahan Reka Bentuk Beberapa Bahagian Bangunan

16.3.2.4. Sebanyak 75 kes di 8 hospital menghadapi kerosakan/kecacatan bangunan berpunca daripada kelemahan reka bentuk yang ditetapkan dalam kontrak asal seperti contoh-contoh berikut :-

- o Hospital Melaka - Reka bentuk rak stor tidak kukuh menyebabkan ia roboh.
- o Hospital Melaka - Pembinaan kolam renang tidak mengambil kira ciri-ciri keadaan pesakit seperti terlalu dalam dan lantainya licin. Keadaan ini menyebabkan ia tidak sesuai untuk rawatan pesakit.
- o Hospital Kangar - Batu sesekat dinding tidak menggunakan jejala keluli untuk menyokong dinding sepertimana spesifikasi piawaian Jabatan Kerja Raya.

16.3.3. Perolehan Peralatan

16.3.3.1. Di bawah Projek Membangun Semula Hospital, terdapat 10 pakej perolehan peralatan untuk melengkapkan hospital-hospital yang dinaik taraf. Jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk tujuan ini sejak tahun 1994 sehingga 1999 adalah bernilai RM75.99 juta. Sehingga kini perbelanjaan yang dilakukan adalah RM67.31 juta atau 88.58% seperti berikut:-

JADUAL 42
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEROLEHAN PERALATAN
BAGI TAHUN 1994 HINGGA 1999

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS (%)
1994	0.39	0.38	96.44
1995	9.39	7.31	77.85
1996	15.27	13.10	85.79
1997	19.58	18.80	96.02
1998	12.39	11.82	95.40
1999	18.97	15.90	83.82
JUMLAH	75.99	67.31	88.58

16.3.3.2. Pemeriksaan Audit terhadap 10 pakej peralatan di bawah Projek Membangun Semula Hospital mendapati kelemahan-kelemahan berikut :-

- o Beberapa peralatan dan kelengkapan bangunan baru belum dipesan di Hospital-hospital Kota Bharu, Melaka dan Kajang walaupun bangunan utama telah siap dibina. **Keadaan ini berlaku disebabkan peruntukan tidak mencukupi.** Bagi tahun 1999, anggaran kos peralatan dan kelengkapan yang belum dipesan di hospital-hospital ini adalah berjumlah RM29.28 juta manakala peruntukan yang diluluskan berjumlah RM9.90 juta seperti berikut :-

JADUAL 43
PERALATAN/KELENGKAPAN BELUM DIPESAN BAGI TAHUN 1999

HOSPITAL	BIL. ITEM	KUANTITI	ANGGARAN KOS (RM Juta)	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM Juta)
Melaka	176	2,119	11.94	5.20
Kajang	42	168	2.32	1.00
Kota Bharu	354	5,105	15.02	3.70
JUMLAH	572	7,392	29.28	9.90

- o Sebuah *Standby Generator Set* yang dibekalkan di bawah projek ini dan sebuah lagi yang dinaik taraf bernilai RM654,655 tidak boleh berfungsi sepenuhnya di Hospital Seremban. Ini disebabkan peralatan yang dinaik taraf mempunyai kuasa yang rendah dan tidak sesuai dengan kuasa elektrik bagi peralatan yang baru.

- o **9 jenis peralatan yang dibekalkan sejak tahun 1996 berjumlah RM780,168 tidak dapat dikesan** di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. Ini adalah kerana penyimpanan dan penyelenggaraan rekod-rekod peralatan tidak teratur.
- o **Peralatan *Digital Fluoroscopy* serta pemasangannya bernilai RM822,500 di Hospital Seremban yang dibekalkan pada tahun 1996 tidak digunakan selama setahun.** Ini adalah kerana tiada pegawai untuk mengendalikan peralatan tersebut. Oleh itu, pesakit yang memerlukan peralatan ini untuk rawatan terpaksa dihantar ke Hospital Kuala Pilah.
- o **Peralatan telefon (sistem PABX) bernilai RM 86,000 untuk bangunan baru Hospital Kajang telah hilang sebelum bangunan tersebut disiapkan pada 16 Julai 1999.**

16.3.4. Penambahan Bilangan Perjawatan

16.3.4.1. Selaras dengan keperluan di bawah Projek Membangun Semula Hospital, Kementerian telah menyusun semula struktur organisasi di Hospital-hospital Kota Bharu, Kajang, Melaka dan Muar. Dengan pertambahan skop kerja di hospital-hospital ini, gred jawatan Pengarah Hospital juga dinaikkan taraf kepada Gred 1 atau 2. Sehubungan ini, terdapat perubahan serta peningkatan bilangan jawatan bagi Kumpulan Profesional dan Kumpulan Sokongan Paramedik dan Auksiliari di 4 hospital tersebut. Butir-butir penambahan perjawatan itu adalah seperti berikut :-

JADUAL 44
JUMLAH PERJAWATAN BAGI HOSPITAL
YANG TELAH DINAIK TARAF

HOSPITAL	JAWATAN 1994 (Lulus)	JAWATAN 1999			
		Lulus	Isi	Kosong	Kekosongan (%)
Kota Bharu	1,506	1,991	1,806	185	9.29
Kajang	456	563	481	82	14.56
Melaka	1,625	1,922	1,597	325	16.91
Muar	871	1,090	927	163	14.95
JUMLAH	4,458	5,566	4,811	755	13.56

Nota : 1994 - Sebelum naik taraf

1999 - Selepas naik taraf

16.3.4.2. Antara jawatan yang ditambah di bawah Program Naik Taraf Hospital ialah Pakar Perubatan, Pegawai Perubatan dan Jururawat seperti Jadual berikut :-

JADUAL 45
PENAMBAHAN JUMLAH JAWATAN SELEPAS HOSPITAL DINAIK TARAF

HOSPITAL	PAKAR PERUBATAN				PEGAWAI PERUBATAN				JURURAWAT			
	1994		1999		1994		1999		1994		1999	
	L	L	I	K	L	L	I	K	L	L	I	K
Kota Bharu	21	33	22	11	81	182	173	9	547	886	826	60
Kajang	2	10	7	3	30	46	40	6	91	282	255	27
Melaka	14	25	19	6	152	181	138	43	566	790	619	171
Muar	7	16	9	7	53	95	62	33	311	501	446	55
JUMLAH	44	84	57	27	316	504	413	91	1,515	2,459	2,146	313

Nota : L - Lulus I - Isi K - Kosong

16.3.4.3. Walaupun terdapat penambahan jawatan di 4 hospital berkenaan pada tahun 1999, namun ia tidak diisi sepenuhnya. Didapati masih ada kekosongan seramai 27 orang Pakar Perubatan (32.14%), 91 orang Pegawai Perubatan (18.05 %) dan 313 orang Jururawat (12.73%). Mengikut maklum balas Kementerian, kekosongan jawatan adalah disebabkan kesukaran mendapat calon mengisi jawatan-jawatan berkenaan.

16.4. RUMUSAN

16.4.1. Kesemua 10 hospital yang terlibat dengan Projek Membangun Semula Hospital mengalami kelewatan kerana terdapat tambahan skop kerja, perubahan pelan reka bentuk bangunan, kelewatan melantik kontraktor kecil, masalah kewangan kontraktor dan kelewatan bekalan serta pemindahan utiliti yang sedia ada. Kualiti kerja-kerja pembinaan di beberapa hospital didapati tidak memuaskan dan keadaan ini boleh menjejaskan perkhidmatan perubatan.

16.4.2. Pihak Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa pihaknya sedang mengambil langkah-langkah untuk memastikan kelemahan yang

dibangkitkan tidak berulang. Antara langkah yang diambil ialah :-

- o Membuat perancangan yang lebih teliti sebelum melaksanakan sesuatu projek untuk mengelakkan tambahan skop kerja supaya projek dapat disiapkan mengikut jadual.
- o Menyelaraskan perolehan peralatan dengan kemajuan pembinaan bangunan hospital.
- o Memastikan perunding yang dilantik untuk pembinaan projek hospital mempunyai kemahiran dan pengalaman yang diperlukan.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

17. PEMBELIAN ALAT KAWALAN HAD LAJU

17.1. LATAR BELAKANG

17.1.1. Pada bulan Julai 1992, Kerajaan telah memutuskan agar semua kenderaan perdagangan memasang alat kawalan had laju bagi menggantikan penggunaan alat kawalan had laju sebelumnya yang didapati tidak berfungsi dengan memuaskan dan tidak membantu mengurangkan kemalangan jalan raya. Mengikut maklumat Bahagian Trafik, Polis Diraja Malaysia (PDRM), kemalangan jalan raya terus meningkat setiap tahun iaitu daripada 215,632 kes pada tahun 1996 kepada 223,099 kes pada tahun 1998.

17.1.2. Atas cadangan Syarikat Delcom Services Sdn. Berhad (DSSB), Kerajaan pada November 1994 telah memutuskan agar 10,000 buah kenderaan berat Kerajaan dipasang alat kawalan had laju sebagai ujian selama setahun sebelum dikuatkuasakan penggunaannya pada kenderaan perdagangan. Pada bulan Mei 1995, kontrak bernilai RM10.29 juta bagi membeli 10,000 unit alat ini dan alat-alat sokongannya telah ditawarkan kepada Syarikat DSSB. Syarikat berkenaan perlu mereka bentuk, mengilang, membekal, memasang, mentauliah, menguji dan menilai sistem kawalan had laju. Projek ini sepatutnya siap pada atau sebelum 31 Disember 1996.

17.2. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

17.2.1. Kajian ini dijalankan untuk menentukan sama ada pembelian 10,000 unit alat kawalan had laju telah dirancang dengan teliti dan pengujiannya dibuat dengan berkesan.

17.2.2. Pemeriksaan Audit telah dijalankan di Kementerian Pengangkutan pada bulan Mei dan Jun 1999. Lawatan ke stor Syarikat DSSB di Selayang, Selangor telah dilakukan pada 9 September 1999. Lawatan juga telah dibuat ke Kementerian Pertahanan yang menggunakan alat kawalan had laju untuk mengesahkan keberkesanan penggunaan alat berkenaan.

17.3. PENEMUAN AUDIT

17.3.1. Perancangan Pembelian Dan Pemasangan Alat Kawalan Had Laju

Kementerian Pengangkutan tidak merancang dengan teliti bilangan dan jenis kenderaan yang akan dipasang dengan alat kawalan had laju.

Pembelian 10,000 unit alat ini adalah semata-mata berdasarkan cadangan Syarikat DSSB. Kementerian tidak mempunyai maklumat lengkap mengenai bilangan kenderaan yang sesuai dipasang dengan alat tersebut semasa membuat pesanan. Oleh itu, hanya 4,309 (43%) kenderaan yang dapat dipasang dengan alat ini.

17.3.2. Penilaian Terhadap Keberkesanan Alat Kawalan Had Laju

17.3.2.1. Semakan Audit mendapati **pengujian dan penilaian keberkesanan terhadap alat yang dipasang tidak dibuat secara menyeluruh.** Berdasarkan kepada Laporan Penilaian Akhir yang dibuat oleh syarikat ini, sehingga April 1998, **hanya 106 (2.46%) daripada 4,309 kenderaan telah diuji yang mana 90 kenderaan melibatkan Kementerian Pertahanan** sungguhpun Kementerian itu telah memasang alat tersebut di 2,413 kenderaannya.

17.3.2.2. Kementerian Pengangkutan tidak mengeluarkan arahan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat mengenai langkah-langkah yang perlu diambil untuk kerja-kerja pengujian alat

kawalan had laju. Antara lain, Kementerian sepatutnya memaklumkan kepada agensi pengguna mengenai masa dan tempat kenderaan perlu dihantar untuk diuji oleh Syarikat DSSB. Agensi pengguna juga perlu mendapatkan laporan ujian daripada syarikat tersebut dan mengemukakannya kepada Kementerian Pengangkutan.

17.3.3. Syarat-syarat Kontrak

Syarat-syarat dalam perjanjian kontrak tidak melindungi kepentingan Kerajaan mengenai dua aspek penting seperti berikut :-

- o Syarikat DSSB yang sepatutnya menyiapkan projek pada atau sebelum 31 Disember 1996 hanya dapat menyiapkannya pada 31 Mac 1998 iaitu kelewatan selama 15 bulan. Walaupun kelewatan ini disebabkan oleh kegagalan Syarikat DSSB menyediakan tenaga kerja mahir untuk kerja-kerja pemasangan alat dan pengubahsuaian spesifikasi alat, namun Kerajaan tiada kuasa untuk mengenakan denda kelewatan kerana perkara ini tidak disebut di dalam kontrak.
- o Mengikut Jadual Pembayaran pula, Kerajaan dikehendaki membayar 90% daripada harga kontrak walaupun peralatan belum diterima oleh Kerajaan.

17.3.4. Kesan Daripada Perancangan Yang Tidak Teliti

Perancangan yang kurang sempurna oleh Kementerian Pengangkutan bagi pembelian 10,000 unit alat kawalan had laju telah menyebabkan sejumlah 5,691 unit alat kawalan had laju tidak digunakan, oleh itu Kerajaan telah membuat perbelanjaan sia-sia berjumlah RM4.94 juta berdasarkan kepada harga belian RM869 seunit. Alat ini telah disimpan di stor Syarikat DSSB semenjak Julai 1996. Selaras dengan syarat-syarat kontrak, Syarikat DSSB telah mengemukakan tuntutan kos penyimpanan berjumlah RM161,000 bagi tempoh Januari 1997 hingga November 1998 pada kadar RM7,000 sebulan. Kos penyimpanan setakat Disember 1999 dianggarkan berjumlah

RM245,000. Gambar-gambar berikut menunjukkan baki alat-alat yang tidak digunakan yang disimpan di stor Syarikat DSSB.

**ALAT KAWALAN HAD LAJU
DI STOR SYARIKAT DSSB
DI SELAYANG, SELANGOR**



Baki Peralatan Disimpan Dalam Kotak



Komponen Alat Kawalan Had Laju

17.4. RUMUSAN

17.4.1. Pihak Audit telah mengesyorkan supaya Kementerian Pengangkutan memantau penggunaan alat ini bagi memastikan objektif pembeliannya dapat dicapai.

17.4.2. Sehingga Laporan ini disediakan, jawapan dan ulasan daripada pihak Kementerian Pengangkutan belum diterima.

PELBAGAI KEMENTERIAN/JABATAN

18. PENGURUSAN TANAH-TANAH KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG TIDAK DIBANGUNKAN

18.1. LATAR BELAKANG

18.1.1. Tanah Kerajaan Persekutuan bermaksud kesemua tanah yang diperuntukkan bagi kegunaan Kementerian/Jabatan Persekutuan. Tanah tersebut terdiri daripada tanah milik dan tanah rizab. Tanah milik Persekutuan didaftarkan hakmiliknya atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) manakala tanah rizab Persekutuan terdiri daripada tanah-tanah yang diwartakan perizapannya mengikut peruntukan Kanun Tanah Negara.

18.1.2. Perolehan tanah-tanah tersebut dilaksanakan melalui beberapa kaedah seperti permohonan tanah daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, pembelian tanah daripada pemilik-pemilik tanah dan permohonan perizapan tanah daripada Kerajaan-kerajaan Negeri. Perolehan tanah akan diuruskan oleh PTP. PTP juga bertanggungjawab membayar cukai tanah dan menguruskan pelupusan tanah mengikut peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa.

18.1.3. Berdasarkan Rekod Tanah Berkomputer Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) sehingga Jun 2000, tanah milik yang diletakkan di bawah tanggungjawab 24 Kementerian/Jabatan adalah seluas 898,085 hektar (18,904 lot) manakala tanah rizab adalah seluas 63,735 hektar (5,287 lot). Bayaran cukai tahunan tanah Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1998 dan 1999 ialah RM75.50 juta.

18.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Kajian ini dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat pengurusan yang teratur terhadap tanah-tanah yang tidak dibangunkan. Pengurusan merangkumi perancangan tanah, penjagaan dan pengawalan tanah serta penyelenggaraan rekod tanah yang berkaitan.

18.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

18.3.1. Kajian Audit ini meliputi pengurusan terhadap tanah milik dan tanah rizab Kerajaan Persekutuan yang tidak dibangunkan bagi 8 Kementerian iaitu Kementerian Dalam Negeri; Pendidikan; Pertanian; Penerangan; Perumahan Dan Kerajaan Tempatan; Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat; Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar; serta Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia.

18.3.2. Kajian ini dijalankan dengan menyemak rekod serta menemubual pegawai-pegawai di peringkat Kementerian/Jabatan yang terlibat dan melakukan lawatan fizikal ke 193 (24%) daripada 804 lot tanah milik dan tanah rizab Kementerian/Jabatan yang tidak dibangunkan di Negeri Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

18.4 PENEMUAN AUDIT

18.4.1. Perancangan Pembangunan Tanah

18.4.1.1. Pengambilan balik tanah dibuat bertujuan untuk membolehkan Kementerian/Jabatan melaksanakan projek-projek pembangunan. Mengikut Pekeliling KPTG Bil. 23 Tahun 1980, **sebagai pengguna, pihak Kementerian bertanggungjawab memastikan pengurusan tanah yang sempurna dan penggunaan tanah yang maksimum.** Sekiranya tanah-tanah tersebut tidak diperlukan lagi, maka Kementerian perlu memaklumkan kepada PTP supaya tanah-tanah berkenaan diserahkan untuk kegunaan Kementerian/Jabatan yang lain.

18.4.1.2. Pengesahan yang diperolehi daripada 8 Kementerian/Jabatan mendapati 804 lot tanah seluas 7,224.12 hektar masih belum dibangunkan seperti di Jadual berikut:-

JADUAL 46
TANAH-TANAH YANG TIDAK DIBANGUNKAN

KEMENTERIAN	BILANGAN LOT	LUAS (Hektar)
Kementerian Dalam Negeri	535	2,726.67
Kementerian Pendidikan	109	569.58
Kementerian Pertanian	87	3,594.10
Kementerian Penerangan	27	130.79
Kementerian Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar	5	85.44
Kementerian Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat	12	59.20
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	26	47.40
Kementerian Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia	3	10.94
JUMLAH	804	7,224.12

Sumber : Rekod Kementerian/Jabatan

18.4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati **sebahagian tanah tersebut tidak dibangunkan untuk tempoh yang lama iaitu antara 5 hingga 90 tahun**. Butir-butir mengenai tanah-tanah yang tidak dibangunkan adalah seperti di Jadual berikut :-

JADUAL 47
TANAH-TANAH YANG TIDAK DIBANGUNKAN UNTUK TEMPOH YANG LAMA

KEMENTERIAN	BILANGAN LOT	TEMPOH TANAH TIDAK DIBANGUNKAN (Tahun)
Kementerian Dalam Negeri	74	5 hingga 90
Kementerian Pendidikan	27	7 hingga 53
Kementerian Pertanian	26	5 hingga 63
Kementerian Penerangan	18	9 hingga 33
Kementerian Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat	6	5 hingga 33
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	15	5 hingga 12
Kementerian Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia	2	13 hingga 28
JUMLAH	168	

Sumber : Rekod JKPTG Dan Kementerian-kementerian

18.4.1.4. Antara faktor yang menyebabkan tanah-tanah tersebut tidak dibangunkan adalah seperti berikut :-

- o Keadaan tanah tidak sesuai seperti berpaya, dipenuhi oleh hutan bakau atau sentiasa dinaiki air.
- o Tapak tanah terletak jauh di pedalaman, jauh dari jalan utama atau tidak strategik.
- o Projek terpaksa ditangguhkan kerana peruntukan yang dipohon di bawah Rancangan Malaysia berkenaan tidak mencukupi atau tidak diluluskan.
- o Tapak tanah terlalu kecil dan tidak mencukupi untuk membina bangunan yang dirancang.

18.4.2. Penjagaan Dan Pengawalan Tanah

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1987 menetapkan garis panduan mengenai pengurusan dan penjagaan tanah-tanah yang belum dibangunkan terutamanya bagi mengelakkan daripada dicerobohi. Mengikut Pekeliling tersebut, sekiranya projek pembangunan tidak dapat dilaksanakan dengan segera, maka tanah itu hendaklah dijaga dan diuruskan dengan sebaik-baiknya oleh Pegawai Pengawal. Semakan Audit yang dijalankan terhadap 193 lot telah mendapati perkara-perkara berikut :-

18.4.2.1. Sebanyak **97 lot tanah seluas 1,116.99 hektar telah terbiar di mana ia dipenuhi dengan semak samun, tiada papan tanda pemilikan oleh Kerajaan dan tidak berpagar atau tidak ditandakan sempadan.** Bagi tanah-tanah yang dahulunya pernah dibangunkan tetapi kini tidak lagi digunakan, keadaan tanah didapati dipenuhi dengan bangunan usang dan tumbuhan liar. Kedudukan mengenai tanah-tanah yang terbiar adalah ditunjukkan dalam Jadual dan gambar-gambar berikut :-

JADUAL 48
TANAH-TANAH TERBIAR

KEMENTERIAN	BIL. LOT DILAWATI	BIL. LOT TERBIAR	LUAS (Hektar)
Kementerian Dalam Negeri	77	36	231.83
Kementerian Pendidikan	37	19	287.11
Kementerian Pertanian	35	16	390.97
Kementerian Penerangan	21	18	99.71
Kementerian Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar	3	3	83.98
Kementerian Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat	4	1	10.13
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	11	2	2.42
Kementerian Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia	5	2	10.84
JUMLAH	193	97	1,116.99

Sumber : Rekod-rekod Kementerian
TANAH-TANAH YANG TERBIAR



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Tapak : *Lot 6338*
Lokasi : *Dangi, Kuala Pilah*
Keadaan Tapak : *Kawasan terbiar dan semak-samun*
Luas : *4.0445 hektar*



KEMENTERIAN D ALAM NEGERI

Tapak : *Lot 199/202*
Lokasi : *Keneboi, Jelebu*
Keadaan Tapak : *Kawasan dipenuhi semak-samun, tidak berpagar dan tiada papan tanda*
Luas : *17.0213 hektar*



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Tapak : *PT 852*
Lokasi : *Kg. Cheras Baru, Kuala Lumpur*
Keadaan Tapak : *Terbiar, tidak dipagar, tidak ada papan tanda dan telah dijadikan tempat buang sampah*
Luas : *0.20 hektar*

18.4.2.2. **Kurangnya penjagaan dan pengawalan mengakibatkan sebanyak 73 lot tanah seluas 2,996.19 hektar telah dicerobohi.** Pihak-pihak yang menceroboh tanah itu termasuk individu, syarikat/persatuan dan agensi Kerajaan. Penceroboh individu telah mendirikan rumah kekal atau separuh kekal, menanam tanaman kontan, mendirikan gerai/warung, menjadikan tempat letak kereta dan mengutip hasil pertanian. Pencerobohan oleh syarikat pula seperti mendirikan kilang, stor penyimpanan, bengkel kereta, membuka restoran dan mengambil hasil balak. Sementara pencerobohan oleh agensi Kerajaan pula adalah seperti Pihak Berkuasa Tempatan mendirikan gerai, bangunan perniagaan dan menjadikan tapak sebagai tempat pembuangan sampah. Tanah-tanah yang dicerobohi adalah seperti di Jadual dan gambar-gambar berikut :-

JADUAL 49
TANAH-TANAH DICEROBOHI

KEMENTERIAN	BILANGAN LOT DILAWATI	INDIVIDU		SYARIKAT/ PERSATUAN		AGENSI KERAJAAN	
		Bil. Lot	Luas (Hektar)	Bil. Lot	Luas (Hektar)	Bil. Lot	Luas (Hektar)
Dalam Negeri	77	16	94.71	1	0.11	20	99.31
Pendidikan	37	11	35.60	2	4.77	2	0.97
Pertanian	35	1	0.10	8	2,733.30	0	0
Penerangan	21	3	15.64	0	0	1	0.49
Sains , Teknologi Dan Alam Sekitar	3	0	0	0	0	0	0
Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat	4	1	1.00	0	0	1	0.08
Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	11	4	9.35	1	0.41	1	0.35
Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia	5	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	193	36	156.40	12	2,738.59	25	101.20

Sumber : Rekod-rekod Kementerian

TANAH-TANAH DICEROBOHI



KEMENTERIAN PENERANGAN

Tapak : *Lot 1063*
Lokasi : *Kulim Kedah*
Keadaan Tapak : *8 unit kedai makan dibina oleh Majlis Daerah Kulim*
Luas : *0.48940 hektar*



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Tapak : *Lot 1465 & 6731*
Lokasi : *Sedenak/Johor*
Keadaan Tapak : *Tempat pembuangan sampah, Majlis Daerah Kulai*
Luas : *102.2 hektar*



KEMENTERIAN PERTANIAN

Tapak : Lot 11, Seksyen 4, Pelabuhan Kelang
Keadaan Tapak : Digunakan sebagai stor untuk menyimpan tayar,
barang-barang terpakai oleh penceroboh
Luas : 0.2978 hektar



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Tapak : Bekas tapak Sekolah Bagan Lalang, Sepang Selangor
Keadaan Tapak : Jawatankuasa Kampung dan Belia Kampung telah menggunakan
kawasan untuk menanam ubi kayu

18.4.2.3. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1987, adalah menjadi dasar Kerajaan supaya tanah-tanah yang boleh mendatangkan hasil perlu di sewa/dipajakkan. Semakan Audit mendapati tidak ada satu mekanisme yang diwujudkan bagi mengenalpasti aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan hasil daripada tanah-tanah yang masih belum dibangunkan seperti menyewakan atau memajakkannya kepada pihak-pihak berkenaan secara rasmi. Pihak Audit telah mendapatkan bantuan daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dalam mengenal pasti nilai sewaan mengikut harga pasaran semasa atas tanah-tanah Kementerian yang belum dibangunkan. Berdasarkan kepada maklum balas yang diperolehi daripada JPPH, Kementerian boleh mengutip hasil sewa berjumlah RM3.27 juta setahun daripada 50 lot tanah yang masih belum dibangunkan. Butir-butirnya seperti di Jadual berikut :-

JADUAL 50
SEWAAN TANAH MENGIKUT PENILAIAN
JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

KEMENTERIAN	BILANGAN LOT DINILAI	SEWA TAHUNAN YANG BOLEH DIKUTIP (RM)
Kementerian Pertanian	12	1,801,768
Kementerian Penerangan	23	972,150
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	12	257,000
Kementerian Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat	3	238,400
JUMLAH	50	3,269,318

Sumber : Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta

18.4.2.4. Semakan Audit terhadap 158 lot tanah yang tidak dibangunkan mendapati cukai tahunan sebanyak RM198,322 dan premium/kos belian sebanyak RM89.57 juta telah pun dibayar.

18.4.2.5. Hasil semakan Audit mendapati antara faktor yang menyebabkan tanah-tanah tidak dijaga dan dikawal dengan sempurna ialah :-

- o Kementerian/Jabatan tidak melantik pegawai khusus untuk menjaga dan mengawal tanah. Tugas menjaga tanah hanyalah dianggap sebagai tugas sampingan.
- o Peruntukan kewangan untuk menjaga tanah seperti memagar

dan membersihkannya dari semak samun tidak dipohon ataupun tidak mencukupi.

18.4.3. Penyelenggaraan Rekod Tanah

Penyelenggaraan rekod tanah yang lengkap dan kemas kini adalah penting dalam menguruskan tanah-tanah dengan baik. Tugas-tugas menjaga, mengawal dan memantau dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna sekiranya rekod-rekod mengenainya mudah diperolehi dan sentiasa dikemaskinikan. Semakan Audit mendapati **maklumat tanah di Kementerian/Jabatan tidak lengkap dan kemas kini terutamanya mengenai status penggunaan tanah.** Didapati juga wujud perbezaan bilangan lot antara rekod di peringkat JKPTG dengan rekod yang terdapat di Kementerian/Jabatan. Butir-butir perbezaan adalah seperti di Jadual berikut :-

JADUAL 51

PERBEZAAN REKOD KEMENTERIAN/JABATAN DENGAN REKOD JKPTG

KEMENTERIAN	REKOD JKPTG		REKOD KEMENTERIAN/JABATAN		PERBEZAAN	
	MILIK (Lot)	RIZAB (Lot)	MILIK (Lot)	RIZAB (Lot)	MILIK (Lot)	RIZAB (Lot)
Kementerian Dalam Negeri	2,587	1,094	1,125	985	1,462	109
Kementerian Pendidikan	3,966	2,624	8,611	360	4,645	2,264
Kementerian Pertanian	501	53	494	190	7	137
Kementerian Penerangan	125	9	200	9	75	0
Kementerian Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar	63	5	56	5	7	0
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	328	50	133	0	195	50
Kementerian Perpaduan Negara Dan Pembangunan Masyarakat	82	73	60	154	22	81
Kementerian Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia	897	460	0	6	897	454

Sumber : Rekod Berkomputer JKPTG Dan Rekod Kementerian/Jabatan

18.5. RUMUSAN

Kementerian/Jabatan tidak mempunyai sistem pemantauan yang berkesan terhadap tanah-tanah yang belum dibangunkan mengakibatkan berlaku pencerobohan dan keadaan tanah yang terbiar. Bagi mengatasi masalah ini, Jabatan Audit mengesyorkan perkara-perkara berikut diberikan pertimbangan :-

- o Pihak yang bertanggungjawab khususnya JKPTG sepatutnya diberi kuasa untuk menentukan dan membuat keputusan mengenai tanah-tanah

yang tidak dibangunkan oleh Kementerian/Jabatan dalam jangkamasa yang ditetapkan. Langkah ini perlu supaya pengurusan hartanah Kerajaan dapat diselaraskan dengan lebih berkesan. JKPTG juga perlu mengeluarkan garis panduan dengan jelas untuk diedarkan kepada semua pihak yang berkenaan.

- o Kementerian/Jabatan yang berkenaan perlu mengambil tindakan segera mengenal pasti keperluan penggunaan tanah-tanah yang belum dibangunkan dan merangka strategi jangka panjang untuk penggunaannya. Tanah-tanah yang dijangka tidak diperlukan kerana tidak sesuai atau tidak strategik hendaklah dimaklumkan kepada JKPTG supaya ia boleh diberi kepada Kementerian/Jabatan lain yang memerlukannya.
- o Satu mekanisme perlu diwujudkan bagi mengenalpasti potensi tanah-tanah tersebut yang mendatangkan hasil. Jika dijangkakan pembangunannya masih belum dapat dilaksanakan untuk tempoh yang lama, ia seharusnya dipajakan atau disewakan. Penyewaan atau pemajakan tanah adalah merupakan salah satu strategi yang paling berkesan untuk mengawal dan menjaga tanah di samping mendapat hasil.
- o Sistem pemantauan terhadap tanah-tanah perlu diperkemaskan. Tanggungjawab pegawai-pegawai yang dilantik untuk menjaga tanah bukan setakat menyelenggarakan rekod yang sempurna tetapi perlu juga membuat pemeriksaan fizikal dari semasa ke semasa. Tanggungjawab untuk mengawal tanah-tanah ini perlu dinyatakan dengan jelas dalam senarai tugas mereka. Sehubungan ini, pegawai-pegawai Kementerian yang ditugaskan di peringkat negeri juga perlu memantau tanah-tanah Kerajaan di daerah masing-masing.

KAJIAN-KAJIAN YANG DILAPORKAN MELALUI SURAT PENGURUSAN

19. PELBAGAI KEMENTERIAN/JABATAN

JABATAN PERDANA MENTERI

19.1. Pengurusan Hakmilik Strata Di Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Seksyen 8(1), Akta Hakmilik Strata - Akta 318 Tahun 1985 (Pindaan tahun 1990 dan 1996) menghendaki hakmilik berasingan dikeluarkan ke atas setiap petak atau unit bangunan yang mempunyai dua tingkat atau lebih sekiranya dijual dan terletak di bawah hakmilik kekal. Didapati penguatkuasaan Akta ini kurang memuaskan. Jabatan Tanah Dan Galian tidak mempunyai sistem untuk mengesan tanah-tanah yang telah dibangunkan dan pemilik-pemilik yang tidak memohon hakmilik strata.

KEMENTERIAN PERTANIAN

19.2 Penswastaan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS)

Mengikut perjanjian, 123 bidang tanah seluas 328.55 hektar dipajakkan kepada BERNAS untuk tempoh 60 tahun. Bagaimanapun, surat perjanjian pajakan bagi 30 bidang tanah seluas 94.78 hektar masih belum ditandatangani. BERNAS juga belum menjelaskan hutang kepada Kerajaan berjumlah RM24.44 juta.

19.3. Rancangan Tebatan Banjir Oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran

Jabatan Pengairan Dan Saliran memperuntukkan sebanyak RM1.27 billion untuk melaksanakan projek tebatan banjir bagi tempoh 1990 hingga 2000. Projek tebatan banjir di Lembah Kelang lewat disiapkan kerana masalah pengambilan balik tanah, halangan kemudahan utiliti, masalah setinggan,

kegagalan kontraktor menyiapkan projek dan perubahan reka bentuk. Jabatan Pengairan Dan Saliran belum mewujudkan program penyelenggaraan tahunan ke atas projek-projek tebatan banjir yang telah disiapkan.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

19.4. Aktiviti Penguatkuasaan

Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwah Pengguna tidak dapat melaksanakan dengan berkesan program penguatkuasaan undang-undang untuk melindungi pengguna kerana kelemahan perancangan operasi, kekurangan kakitangan dan kemudahan pengangkutan serta peralatan.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

19.5. Projek Pusat Latihan Rekrut Tentera Laut Diraja Malaysia, Tanjung Pengelih, Johor

Kompleks Pusat Latihan Rekrut Tentera Laut Diraja Malaysia, Tanjung Pengelih, Johor telah mula dibangunkan pada Disember 1994 melalui 5 pakej dengan kos sebanyak RM195 juta. Pembinaan auditorium dan blok kesihatan tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi kontrak menyebabkan ia mengalami kerosakan yang serius. Kegagalan kontraktor mematuhi spesifikasi kontrak adalah kerana kekurangan pengawasan dan penyeliaan oleh pihak Jabatan Kerja Raya terhadap kerja yang dijalankan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

19.6. Program Pendidikan Khas

Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM23.11 juta pada tahun 1999 untuk melaksanakan Program Pendidikan Khas. Didapati matlamat program ini untuk menyediakan pendidikan berkualiti kepada murid-murid cacat tidak dapat dicapai sepenuhnya kerana kekurangan guru terlatih dalam pendidikan khas serta kekurangan peralatan dan kemudahan.

19.7. Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh

Kajian Audit terhadap 3 sekolah berasrama penuh di Sekolah Alam Shah, Sekolah Seri Puteri dan Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang mendapati beberapa kelemahan mengenai pengurusan kewangan seperti perakaunan kutipan tidak teratur dan pengurusan akaun asrama kurang memuaskan. Mutu bekalan makanan ke Sekolah Alam Shah juga kurang memuaskan.

KEMENTERIAN KEWANGAN

19.8. JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA

Kawalan Kastam Terhadap Pengecualian Cukai Jualan Yang Diberi Kepada Pengilang Tempatan

Pengilang-pengilang tempatan yang mengeksport barangan dikecualikan daripada membayar cukai jualan. Pemberian kemudahan ini tidak dikawal dan dimantau dengan sempurna menyebabkan pengecualian cukai diberi tanpa bukti barangan ini telah dieksport.

19.9. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN)

Cukai Pegangan Mengikut Peruntukan Seksyen 107(A) Akta Cukai Pendapatan

Seksyen 107(A), Akta Cukai Pendapatan 1967 menghendaki syarikat swasta menahan sebahagian daripada bayaran kontrak kepada kontraktor yang bukan bermastautin dan menyerahkannya sebagai cukai kepada LHDN dalam tempoh satu bulan. Sekiranya kehendak ini tidak dipatuhi denda akan dikenakan ke atas syarikat yang terlibat. LHDN tidak mempunyai sistem untuk mengesan sama ada syarikat yang berkenaan mematuhi kehendak Akta ini.

JABATAN KERJA RAYA (JKR)

19.10. Aktiviti Pengurusan Dan Penyelenggaraan Bangunan Persekutuan

Bagi tahun 1999, JKR telah membelanjakan RM18.4 juta untuk menyelenggara 40 Bangunan Persekutuan. Sebanyak RM14.6 juta pula dibayar kepada syarikat konsesi untuk menyelenggara 26 bangunan. Penyelenggaraan yang dibuat oleh JKR didapati kurang memuaskan jika dibandingkan dengan

penyelenggaraan oleh syarikat konsesi. JKR tidak menjalankan pemeriksaan terhadap struktur dan pendawaian elektrik secara berkesan.

KEMENTERIAN KESIHATAN

19.11. Sistem Maklumat Kesihatan Pergigian (SMKP)

Sejumlah RM8.77 juta telah dibelanjakan untuk perolehan perisian SMKP dan peralatan komputer serta menaiktaraf komputer yang sedia ada. Didapati SMKP tidak berfungsi sepenuhnya kerana masalah perisian yang mengakibatkan peralatan komputer yang dibekalkan dan dinaik taraf tidak dapat digunakan bagi tujuan asalnya.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

19.12. JABATAN POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

Sistem Kompaun Trafik Berkomputer

PDRM telah membelanjakan RM48.49 juta untuk membangun dan meningkatkan sistem kompaun trafik berkomputer bagi membolehkan saman dibayar di mana-mana cawangan trafik di seluruh negara dan bagi mengesan saman-saman yang belum dijelaskan. Didapati sistem ini tidak digunakan sepenuhnya kerana rayuan untuk mengurangkan saman hanya boleh dibuat di daerah di mana ia dikeluarkan. Pencapaian objektif untuk mengesan saman-saman yang belum dijelaskan juga terjejas kerana pangkalan data yang berkaitan tidak lengkap dan kemas kini.

19.13. JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

Pengurusan Pendaftaran, Pemprosesan Dan Pengeluaran Kad Pengenalan Bermutu Tinggi

Pada umumnya, Jabatan Pendaftaran Negara berupaya mengeluarkan kad pengenalan baru dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 6 bulan bagi Ibu Pejabat dan 9 hingga 18 bulan di peringkat negeri. Bagaimanapun, kad pengenalan gantian lewat dikeluarkan antara 1 hingga 11 bulan. Kawalan terhadap kad-kad pengenalan yang tidak dituntut adalah tidak memuaskan. Mengikut rekod pada 31 Disember 1997, sejumlah 107,011 daripada 15,026,986 kad pengenalan yang dikeluarkan bagi tempoh 1990 hingga 1997 masih belum dituntut dan belum dilupuskan.

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR

19.14. Pengurusan Hidupan Liar Di Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara

Pelaksanaan Aktiviti Pembiakan Dan Pemuliharaan Hidupan Liar adalah kurang memuaskan. Objektifnya tidak dapat dicapai kerana kekurangan kepakaran dan kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

19.15. Majlis Amanah Rakyat - Program Pembiayaan Perniagaan

Pada tahun 1999, seramai 3,121 pemohon telah diberi pinjaman sebanyak RM94.16 juta di bawah Program Pembiayaan Perniagaan. Semakan Audit mendapati Majlis Amanah Rakyat tidak memantau pelaksanaan program ini untuk menilai keberkesannya. Tindakan-tindakan untuk mendapatkan bayaran balik pinjaman juga tidak memuaskan di mana daripada baki pinjaman pada akhir tahun 1999 berjumlah RM268.85 juta, sebanyak RM145.10 juta adalah merupakan tunggakan bayaran balik pinjaman sejak beberapa tahun.

20. RUMUSAN

Berdasarkan kepada pengauditan terhadap beberapa program/aktiviti Kementerian/Jabatan, pihak Audit dapat mengenalpasti beberapa kelemahan di peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Kelemahan-kelemahan itu sekiranya tidak diperbetulkan akan menjejaskan pencapaian objektif program/aktiviti berkenaan.

BAHAGIAN IV

BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

21. LATAR BELAKANG

21.1. Pada tahun 1999, sejumlah 94 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 1998 telah diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan) 1980 (Akta 240). Bagi mempercepatkan pengauditan Penyata-penyata Kewangan, sebanyak 77 daripada Penyata Kewangan tersebut telah diaudit oleh 27 firma audit swasta bagi pihak Ketua Audit Negara. Perlantikan firma audit swasta itu adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3), Akta Audit, 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mana-mana pihak yang berkebolehan untuk menjalankan auditan bagi pihak beliau.

21.2. Bahagian ini hanya melaporkan pengurusan kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 1998 secara menyeluruh manakala Laporan secara khusus dibentangkan di Parlimen secara berasingan seperti yang dikehendaki di bawah Akta 240.

22. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN TAHUNAN

Akta 240 menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan Penyata Kewangan tahunannya kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat dari 30 Jun tahun berikutnya. Namun demikian, sebagai langkah untuk mempercepatkan penyediaan dan pembentangan Penyata Kewangan, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 15 Tahun 1994 yang menghendaki Penyata tersebut dikemukakan tidak lewat dari 30 April tahun berikutnya. **Bagaimanapun, 16 Badan Berkanun telah menyerahkan Penyata Kewangan bagi tahun 1998 selepas 30 April 1999.** Butir-butirnya adalah seperti di **Lampiran A**.

23. PENGURUSAN KEWANGAN BADAN-BADAN BERKANUN

23.1. Pada umumnya, pengurusan kewangan Badan Berkanun tahun 1998 masih tidak memuaskan. Berdasarkan pengauditan terhadap 94 Penyata Kewangan bagi tahun itu, 54 Penyata Kewangan telah diberi sijil tanpa teguran, 39 Penyata Kewangan dengan sijil berteguran dan 1 Penyata Kewangan dengan sijil *adverse*. Sebagai perbandingan, kedudukan pensijilan Audit bagi tahun kewangan 1996 hingga 1998 adalah seperti berikut :-

JADUAL 52
KEDUDUKAN PENSIJILAN AUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN 1996 - 1998

JENIS PENSIJILAN	1996	1997	1998
Tanpa Teguran	67	57	54
Berteguran	30	39	39
<i>Adverse</i>	2	2	1
<i>Disclaimer</i>	1	-	-
JUMLAH	100	98	94

Nota :-

1. *Sijil Tanpa Teguran dikeluarkan terhadap sesuatu penyata kewangan apabila juruaudit berpuashati semua prinsip asas perakaunan yang berkaitan dipatuhi.*
2. *Sijil Berteguran dikeluarkan apabila juruaudit mendapati beberapa isu yang material tetapi pada keseluruhannya, ia tidak menjejaskan penyata kewangan berkenaan.*
3. *Sijil adverse dikeluarkan apabila juruaudit mendapati beberapa isu yang material dan menyeluruh yang menyebabkan penyata kewangan tidak memberi gambaran yang benar dan saksama.*
4. *Sijil Disclaimer dikeluarkan apabila juruaudit tidak dapat menjalankan pengauditan kerana ketiadaan rekod-rekod kewangan atau skop pengauditan terbatas.*

23.2. Kelemahan pengurusan kewangan Badan Berkanun boleh dikategorikan kepada 3 isu utama seperti berikut :-

- o Ketidakpatuhan kepada Standard Perakaunan;
- o Ketidaksempurnaan penyimpanan dan penyelenggaraan rekod;
- Ketidakpatuhan kepada Undang-undang, peraturan dan Pekeliling Kerajaan yang berkaitan.

23.2.1. Ketidakpatuhan Kepada Standard Perakaunan

Standard Perakaunan menjadi asas utama dalam penyediaan Penyata Kewangan Badan Berkanun. Pematuhan kepada standard ini adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Badan Berkanun disediakan dengan sempurna bertujuan memberi gambaran sebenar tentang kedudukan kewangan Badan-badan berkenaan. Didapati beberapa Badan Berkanun tidak mematuhi Standard Perakaunan dalam penyediaan Penyata Kewangannya seperti berikut :-

23.2.1.1. Penyatuan Akaun

Mengikut Standard Perakaunan, Badan Berkanun yang mempunyai anak syarikat perlu menyediakan Akaun Disatukan untuk memberi gambaran keseluruhan tentang kedudukan kewangan Badan Berkanun serta anak-anak syarikatnya. Bagaimanapun, **Universiti Teknologi Malaysia tidak menyediakan Penyata Kewangan Disatukan manakala Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka menyatukan Penyata Kewangannya dengan akaun anak-anak syarikat yang belum diaudit.**

23.2.1.2. Ketinggalan Dan Kesilapan

Standard Perakaunan menetapkan kaedah-kaedah mengakaunkan pendapatan dan perbelanjaan dalam Penyata Kewangan Badan Berkanun. Didapati beberapa Badan Berkanun tidak mengambil kira pendapatan dan perbelanjaan dalam Penyata Kewangan masing-masing mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan. Berikut diberikan contoh-contohnya :-

- o Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) tidak mengambil kira kos barangan dan perkhidmatan masing-masing berjumlah RM1.35 juta dan RM2.99 juta.
- o Pada tahun 1998, MARDI telah memindahkan RM16.84 juta dari Kumpulan Wang Terkumpul bagi menampung lebihan perbelanjaan keuntungan sebanyak RM12.98 juta sungguhpun pada hakikatnya ia mengalami kerugian sebanyak RM3.86 juta. Didapati LKIM juga telah memindah RM13.41 juta dari Kumpulan Wang Rezab untuk menampung lebihan perbelanjaan mengurusnya. Dengan ini, LKIM sungguhpun mengalami defisit sebanyak RM8.67 juta telah menunjukkan ia memperolehi keuntungan RM4.74 juta pada akhir tahun.
- o Lembaga Tabung Haji telah mengiktirafkan keuntungan

saham yang belum terhasil (*unrealised profits*) sebanyak RM226.82 juta untuk membolehkannya membayar dividen pada kadar tertentu.

- o Universiti Putra Malaysia tidak mengambil kira yuran pengajian 1998 berjumlah RM9.14 juta sebagai pendapatan.
- o Bank Simpanan Nasional tidak memperuntukkan pengurangan nilai pelaburan sebanyak RM637 juta bagi saham tersiar harga (*quoted shares*) serta Amanah Saham Nasional kerana pelaburan itu dianggap sebagai pelaburan jangka panjang. LADA pula tidak menyediakan peruntukan bagi penurunan nilai pelaburannya dalam sebuah anak syarikat berjumlah RM12.74 juta kerana penurunan ini dianggap sementara.
- o Universiti Kebangsaan Malaysia tidak menunjukkan aset tetap bernilai RM2.63 juta yang diperolehi pada tahun 1998 dalam Penyata Kewangannya. Ini mengakibatkan MARDI memperoleh

23.2.2. Ketidaktepatan Penyimpanan Dan Penyelenggaraan Rekod Perakaunan

Penyimpanan dan penyelenggaraan rekod perakaunan yang sempurna penting bagi memastikan penyediaan Penyata Kewangan yang benar dan munasabah. Didapati beberapa Badan Berkanun gagal menyimpan rekod dengan sempurna. Berikut ini diberikan contoh-contohnya :-

- o Daftar Aset Tetap bagi Badan-badan Berkanun berikut tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Oleh itu, ketepatan nilai aset tetap tidak dapat disahkan.

Perbadanan Aset Keretapi	-	RM2,545.00 juta
Universiti Teknologi Malaysia	-	RM698.03 juta
Dewan Bahasa Dan Pustaka	-	RM59.57 juta
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan	-	RM6.01 juta

- o Yayasan Pelajaran MARA (YPM) tidak menyelenggarakan rekod sewa bangunan dengan lengkap dan kemas kini. Ini

menyebabkan tunggakan sewa berjumlah RM733,414 tidak diambil kira dalam Penyata Kewangannya.

23.2.3. Ketidakpatuhan Kepada Undang-undang, Peraturan dan Pekeliling-pekeling Kerajaan

23.2.3.1. Badan Berkanun dikehendaki mematuhi Akta tubuh masing-masing serta Akta-akta lain yang berkaitan dalam pengurusan dan pentadbirannya. Bertentangan dengan Akta tubuh mereka, 2 Badan Berkanun iaitu MARDI dan YPM telah menubuhkan anak syarikat.

23.2.3.2. Badan-badan Berkanun dikehendaki menerima pakai Pekeliling-pekeling Kerajaan tertentu yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, beberapa Badan Berkanun tidak mematuhi Pekeliling yang berkenaan seperti contoh-contoh berikut:-

- o YPM tidak menerima pakai Sistem Saraan Baru tetapi sebaliknya mempunyai skimnya sendiri tanpa kelulusan pihak Majlis Amanah Rakyat dan Kerajaan.
- o Pada tahun 1998, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera telah menggunakan Geran Pembangunan berjumlah RM16.78 juta untuk membiayai perbelanjaan mengurus.

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

24. LATAR BELAKANG

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) ditubuhkan di bawah Seksyen 4 (1) Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (Akta 101) pada 1 Ogos 1972 bagi tujuan:-

- o Mengadakan faedah persaraan dan faedah lain untuk askar-askar sebagai pencarum wajib serta satu skim simpanan untuk pegawai-pegawai Angkatan Tentera Malaysia.
- o Menggalakkan pembangunan sosioekonomi dan kebajikan.
- o Menyediakan faedah lain bagi personel yang telah atau akan bersara.

24.1. SISTEM SARAAN, ELAUN DAN KEMUDAHAN

24.1.1. Pada tahun 1993, Kerajaan telah meluluskan permohonan LTAT untuk melaksanakan sistem saraan yang berlainan dari Sistem Saraan Baru yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk Anggota Perkhidmatan Awam.

24.1.2. Satu pengauditan telah dijalankan terhadap sistem saraan, elaun dan kemudahan yang diberi kepada pegawai LTAT. Hasil dari pengauditan itu didapati **LTAT telah memberi beberapa elaun serta kemudahan-kemudahan lain selain daripada apa yang ditetapkan oleh Kerajaan.** Berikut ini diberikan butirannya :-

Bayaran *Ex-Gratia*

24.1.2.1. Sepanjang tahun 1995 hingga Jun 1999, seramai 55 orang pegawai LTAT telah menerima bayaran *ex-gratia* berjumlah RM1.14 juta. Pembayaran ini merupakan suatu peratusan tambahan tetap antara 7% hingga 47% atas gaji maksimum seseorang pegawai. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan dan Gaji Pekerja-pekerja Sektor Awam (JKK-

MPGSA) dalam mesyuaratnya pada bulan Mei 1999 telah mengarahkan supaya bayaran ini diberhentikan mulai Jun 1999 dan bayaran yang telah dibuat tidak perlu didapatkan balik.

Anugerah Akademik Anak-anak Pegawai Dan Pegawai LTAT

24.1.2.2. Pada tahun 1994 hingga 1998, LTAT telah membuat bayaran Anugerah Kecemerlangan Akademik dan Anugerah Berpotensi Cemerlang berjumlah RM69,350 kepada 58 orang pegawai/anak-anak pegawai. **Kadar yang dibayar kepada anak-anak pegawai dan pegawai LTAT adalah lebih tinggi jika dibanding dengan kadar untuk anak-anak anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).** Jadual di bawah menunjukkan perbandingan antara kriteria dan amaun bagi pembayaran anugerah tersebut :-

**JADUAL 53
KRITERIA DAN AMAUN BAGI PEMBAYARAN ANUGERAH AKADEMIK**

PEPERIKSAAN	ANAK-ANAK PEGAWAI DAN PEGAWAI LTAT		ATM			
	KRITERIA	AMAUN	ANAK PEGAWAI		ANAK ANGGOTA LAIN	
			KRITERIA	AMAUN (RM)	KRITERIA	AMAUN (RM)
SRP	3A	Dibayar sehingga RM2,250 seorang	8A	500	7A	500
SPM	2A & 2 kepujian	Dibayar sehingga RM1,850 seorang	6A	1,000	5A	1,000

Kemudahan Pinjaman Komputer

24.1.2.3. LTAT telah memberi pinjaman pembelian komputer sebanyak RM5,000 kepada pegawainya dengan syarat-syarat yang berbeza dari peruntukan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992.

Pinjaman Kebajikan Dan Kemudahan Kakitangan

24.1.2.4. LTAT telah **memberi Pinjaman Kebajikan Dan**

Kemudahan yang bersamaan dengan sebulan gaji pegawai untuk membiayai perbelanjaan perayaan atau keperluan perubatan pakar dan bayaran-bayaran berkaitan. Pinjaman ini diberi tanpa faedah dan dikehendaki dibayar balik dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan. Didapati lebih daripada 90% pegawai LTAT mengambil pinjaman ini setiap tahun.

Polisi Insurans Perlindungan Berkelompok

24.1.2.5. Antara Mei 1994 hingga Oktober 1999, LTAT telah membayar premium insurans di bawah Pelan Takaful Keluarga Berkelompok berjumlah RM138,777 bagi melindungi 158 orang pegawai untuk tempoh April 1994 hingga April 2000. LTAT juga membayar premium insurans berjumlah RM80,831 untuk tempoh yang sama bagi melindungi 453 orang ahli keluarga pegawai LTAT.

Insurans Perubatan Keluarga Berkelompok

24.1.2.6. Pada tahun 1995 hingga 1998, **LTAT telah membayar premium insurans berjumlah RM337,979 kepada Syarikat Takaful Malaysia Bhd. bagi semua pegawai dalam jawatan Gred 29 dan ke bawah serta ahli keluarga mereka untuk membiayai rawatan perubatan.** Bagaimanapun, kemudahan ini telah diberhentikan pada Mei 1999 setelah ditegur oleh Audit.

24.2. PENJUALAN SAHAM KEPADA INDIVIDU

24.2.1. Pada bulan Februari 1998, Menteri Kewangan telah bersetuju dengan cadangan LTAT untuk menjual 10% saham biasa dan waran Affin Holdings Berhad (AHB) yang dimilikinya kepada Ketua Eksekutif Perwira Affin Bank. Pembelian tersebut akan membolehkan beliau memainkan peranan penting bagi operasi AHB. Berdasarkan kepada surat persetujuan Menteri Kewangan, pada bulan Mac 1998, atas permohonan Ketua Eksekutif Perwira Affin Bank, Lembaga Pengarah LTAT telah meluluskan penjualan 10 juta saham AHB pada harga RM3.00 sesaham dalam tempoh 5 tahun. Lembaga Pengarah juga telah meluluskan penjualan 10 juta saham Boustead Holdings Berhad (BHB) yang dimiliki oleh LTAT pada harga RM4.00 sesaham dalam tempoh 5 tahun kepada Pengarah Urusan BHB merangkap Ketua Eksekutif LTAT dan Pengarah Bahagian Hartanah BHB.

24.2.2. Pada bulan Ogos 1998, Lembaga Pengarah LTAT telah meluluskan penurunan harga jualan saham AHB dan BHB masing-masing kepada RM2.50 dan RM3.50 sesaham. Seterusnya pada bulan November 1998, LTAT telah menandatangani 3 perjanjian opsi penjualan saham tersebut seperti berikut :-

- o Penjualan 10 juta saham AHB pada harga RM2.50 sesaham kepada Ketua Eksekutif Perwira Affin Bank.
- o Penjualan 9.5 juta saham BHB pada harga RM3.50 sesaham kepada Pengarah Urusan BHB merangkap Ketua Eksekutif LTAT.
- o Penjualan 0.5 juta saham BHB pada harga RM3.50 sesaham kepada Pengarah Bahagian Hartanah BHB.

24.2.3. Semakan yang dijalankan terhadap ketiga-tiga surat perjanjian jualan itu mendapati ia tidak menetapkan tempoh saham-saham berkenaan harus dipegang sebelum ianya boleh dijual.

24.2.4. Penjualan saham oleh LTAT kepada individu-individu berkenaan dibuat pada harga tetap. Sebagai contoh, pada 1 Oktober 1999, Ketua Eksekutif Perwira Affin Bank telah membeli 0.50 juta saham AHB daripada 10.0 juta saham di bawah perjanjian berkenaan dengan harga RM2.50 sesaham. Harga pasaran pada tarikh itu adalah RM3.42 sesaham dan ini mengakibatkan LTAT telah memperoleh kekurangan hasil sebanyak RM0.46 juta dari urusan niaga ini.

24.3. SYOR

24.3.1. Pihak LTAT perlu mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk memperbetulkan perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Bayaran-bayaran elaun dan lain-lain kemudahan yang tidak teratur (*improper payment*) hendaklah dikutip balik dan tindakan surcaj dikenakan terhadap mereka yang bertanggungjawab.

24.3.2. Mengenai penjualan saham kepada individu, pihak LTAT perlu mengkaji semula perjanjian yang berkaitan bagi memastikan kepentingan LTAT terjamin.

25. RUMUSAN

Pada umumnya, pengurusan kewangan dan penyediaan Penyata Kewangan Badan-badan Berkanun tidak menunjukkan kemajuan yang ketara jika dibandingkan dengan tahun-tahun lalu. Isu-isu yang diperhatikan oleh Jabatan Audit Negara masih lagi berkisar kepada penyelenggaraan rekod perakaunan yang tidak sempurna dan ketidakpatuhan kepada Akta Tubuh Badan Berkanun, Standard Perakaunan serta Pekeliling-pekeliling Kerajaan. Bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang telah disebutkan, adalah syorkan supaya perkara-perkara berikut diberikan pertimbangan :-

25.1. Penglibatan Ketua Eksekutif

Penglibatan Ketua Eksekutif secara langsung amat penting bagi memastikan pengurusan kewangan Badan Berkanun berjalan dengan licin dan teratur. Sehubungan ini, Ketua-Ketua Eksekutif disaran mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun setiap suku tahun untuk memantau dan menimbangkan antara lain perkara-perkara berikut :-

- o Teguran Ketua Audit Negara dan Ketua Unit Audit Dalam serta langkah-langkah pembetulan yang diambil.
- o Laporan prestasi perbelanjaan dan hasil.

25.2. Peranan Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua Setiausaha Kementerian harus mewujudkan mekanisme bagi memantau pengurusan kewangan dan penyediaan Penyata Kewangan Badan-badan Berkanun di bawah kawalan mereka. Pemantauan ini boleh dilakukan melalui :-

- o Laporan berkala mengenai isu dan masalah kewangan dan Penyata Kewangan yang perlu disediakan oleh Badan-badan Berkanun.
- o Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun Kementerian di mana perkara mengenai tindakan pembetulan terhadap teguran Ketua Audit Negara dibincang dan disusuli.

BAHAGIAN V

KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN-TAHUN YANG LALU

26. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Laporan-laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan berkenaan. Hasil dari pemeriksaan itu dilaporkan dalam Bahagian ini di bawah tajuk-tajuk berikut :-

- o Kedudukan Masa Kini Perkara-perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Tahun 1998.
- o Perkara-perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Sebelum Tahun 1998 Yang Masih Belum Selesai.

27. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN TAHUN 1998

27.1. Jabatan Perdana Menteri

27.1.1. Pengurusan Kewangan

Kawalan dalaman terhadap kutipan hasil di Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) adalah kurang memuaskan di mana wang kutipan hasil lewat dibankkan, resit-resit lewat direkodkan ke dalam Buku Tunai dan Akaun Tunai Bulanan lewat dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Kedudukan Masa Kini

UPP telah memperbaiki kawalan dalamannya bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi. Antara tindakan yang diambil ialah menukarkan tugas kakitangan terbabit dalam urusan kewangan kepada urusan personel dan memastikan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mematuhi Arahan Perbendaharaan yang berkenaan.

27.1.2. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Institut Diplomasi Dan Hubungan Luar Negeri (IDHL)

Perbelanjaan dan terimaan bagi Akaun Amanah Kursus-kursus Sampingan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Akaun Amanah Institut Diplomasi Dan Hubungan Luar Negeri tidak diurus mengikut Arahan Amanah yang berkaitan.

Kedudukan Masa Kini

Akaun Amanah JAKIM telah diluluskan untuk ditutup oleh Kementerian Kewangan berkuatkuasa 1 Jun 1999. IDHL telah mengambil tindakan supaya kelemahan yang dibangkitkan oleh pihak Audit tidak berulang dengan menempatkan seorang pegawai yang lebih berpengalaman dan berkemahiran di Bahagian Kewangan.

27.2. KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Pembinaan bangunan MATRADE bernilai RM167 juta di Jalan Duta, Kuala Lumpur tidak dilaksanakan mengikut jadual kerana prestasi kontraktor yang lembab. Kemajuan kerja fizikal pada tarikh projek sepatutnya disiapkan ialah 70%. Ekoran dari kelewatan ini, denda ganti rugi berjumlah RM15.95 juta telah dikenakan ke atas kontraktor berkenaan. Bagaimanapun, pihak Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan penangguhan bayaran denda tersebut sehingga projek disiapkan.

Kedudukan Masa Kini

Setakat 15 Jun 2000, kemajuan kerja ialah 98%. Pihak kontraktor kini dalam proses menguji dan mentauliah peralatan elektrik dan mekanikal. JKR menjangkakan projek ini akan disiapkan pada akhir tahun 2000. Denda hanya boleh dikutip selepas projek disiapkan seperti diluluskan oleh pihak Perbendaharaan Malaysia.

27.3. KEMENTERIAN PERTAHANAN

27.3.1. Pengurusan Kewangan

Perolehan peralatan dan perkhidmatan bernilai RM689,257 dibuat tanpa mengikut peraturan kewangan seperti pembelian melebihi nilai kontrak dan pembelian tanpa kelulusan pihak berkuasa berkenaan. Daripada jumlah ini, hanya pembelian bernilai RM72,700 telah diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia.

Kedudukan Masa Kini

Perbendaharaan Malaysia telah memberi kelulusan terhadap perolehan di luar peraturan kewangan bernilai RM21,180 pada 18 November dan 12 Disember 1999. Bagi baki pembelian bernilai RM595,377, permohonan penutupan kes dan laporan siasatan mengenainya telah dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia pada Disember 1998 dan Oktober 1999 tetapi keputusan daripada Perbendaharaan Malaysia belum diperolehi.

27.3.2. Kajian Terhadap Pengurusan Kontrak Bekalan dan Perkhidmatan

Tindakan susulan untuk mengutip denda yang dikenakan ke atas pembekal yang tidak mematuhi syarat kontrak tidak dibuat dengan berkesan menyebabkan tunggakan denda telah meningkat daripada RM1.18 juta pada akhir tahun 1996 kepada RM13.83 juta pada akhir tahun 1998.

Kedudukan Masa Kini

Kementerian Pertahanan telah menyelenggarakan daftar kutipan denda untuk membolehkannya memantau denda-denda yang dikenakan dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan.

27.3.3. Perolehan Peralatan Dan Perkhidmatan Ketenteraan Melalui Program *U.S Foreign Military Sales*

Semua peralatan dan perkhidmatan ketenteraan yang diperolehi daripada Amerika Syarikat dibuat melalui program *U.S. Foreign Military Sales (FMS)* yang dikendalikan oleh *U.S. Defense Department*. Kementerian Pertahanan tidak memantau dengan berkesan bayaran-bayaran yang telah dibuat kepada *U.S. Defense Department* menyebabkan ketepatan bayaran-bayaran itu tidak dapat disahkan.

Kedudukan Masa Kini

Pihak Kementerian Pertahanan memperkemaskan pemantauan dengan mengambil tindakan-tindakan berikut :-

- o Menyediakan garis panduan bagi perolehan melalui FMS.
- o Cawangan Akaun dipertanggungjawabkan dalam pengendalian rekod dan

akaun FMS.

- o Membuat pemantauan terhadap pembayaran.

27.3.4. Kajian Terhadap Program Perumahan Angkatan Tentera Malaysia

Beberapa syarat perjanjian berhubung dengan program perumahan Angkatan Tentera Malaysia yang dikendalikan oleh pihak swasta tidak dipatuhi. Rumah-rumah lewat dibekalkan antara 3 hingga 18 bulan dan rumah yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi kontrak. Akibat daripada kelewatan memperolehi rumah, Kerajaan terpaksa menanggung bayaran elaun perumahan berjumlah RM4.55 juta.

Kedudukan Masa Kini

- o Kementerian telah memantau semua projek yang dilaksanakan oleh LTAT dan Blue Wagon Sdn. Bhd. melalui mesyuarat dan lawatan ke tapak projek. Tindakan sedang diambil untuk menamatkan kontrak bagi projek perumahan Teluk Air Tawar, Pulau Pinang.
- o Perjanjian kontrak yang ditandatangani bagi pembelian rumah dengan pihak swasta tidak mengandungi peruntukan denda lewat. Oleh itu, tuntutan ke atas kerugian Kerajaan tidak dapat dikemukakan.

27.4. KEMENTERIAN PENDIDIKAN

27.4.1. Pengurusan Kewangan

Kementerian lewat mengemukakan 5 penyata tahunan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah bagi tahun 1997 untuk diaudit. Kelewatannya antara 41 hingga 220 hari. Pihak Kementerian masih belum mengemukakan penyata tahunan bagi akaun-akaun amanah Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan; Latihan Khas Politeknik Dan Sekolah Menengah Vokasional dan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Kemudahan Penuntut Di Luar Negeri untuk pengauditan.

Kedudukan Masa Kini

Pihak Kementerian Pendidikan telah mengemukakan ketiga-tiga penyata tahunan berkenaan untuk diaudit pada akhir tahun 1999.

27.4.2. Skim Pinjaman Buku Teks

Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) untuk membantu pelajar-pelajar yang miskin. Beberapa kelemahan dalam pelaksanaan skim ini

telah diperhatikan seperti pelajar-pelajar yang tidak layak diberi bantuan, buku-buku tambahan dibeli sungguhpun stoknya masih ada dan bayaran dibuat untuk buku yang tidak dibekalkan. ***Kedudukan Masa Kini***

- o Buku Panduan Pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks telah disediakan dan diedarkan ke semua sekolah.
- o Kementerian Pendidikan telah menetapkan syarat bahawa ibu bapa/penjaga perlu menyerahkan penyata gaji dan Borang Taksiran Cukai (Borang J) untuk mengesahkan jumlah pendapatan mereka.
- o Untuk mengawal perolehan buku-buku tambahan, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dikehendaki menubuhkan stor berpusat di setiap daerah bagi mengumpul buku-buku berlebihan daripada setiap sekolah. Setakat 1 Jun 2000, JPN-JPN Terengganu, Perak, Pulau Pinang, Perlis dan Kedah telah menubuhkan stor berpusat masing-masing.
- o Kementerian telah menganjur kursus Pengurusan SPBT bagi semua penyelia yang terlibat dengan skim ini.

27.5.JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA MALAYSIA

Sebanyak 30 daripada 78 stesen pemungut hasil yang telah diaudit tidak menyediakan Penyata Penyesuaian Hasil bagi tahun 1998. Pungutan hasil bagi bulan Oktober hingga 20 November 1998 berjumlah RM122.65 juta hanya direkodkan ke dalam Buku Tunai di Kompleks Pencegah Perai, Pulau Pinang pada 28 November 1998 sungguhpun Arahan Perbendaharaan menetapkan semua kutipan perlu direkodkan ke dalam Buku Tunai setiap bulan.

Kedudukan Masa Kini

- o Penyata penyesuaian untuk menjelaskan perbezaan antara penyata pemungut Sistem Maklumat Kastam dengan penyata harian Bank Negara Malaysia masih belum disediakan. Perbezaan pada 31 Disember 1999 adalah sebanyak RM8.22 juta.
- o Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab telah diarah untuk menyemak semua catatan dan rekod kutipan hasil dari semasa ke semasa.

27.6. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak membuat taksiran cukai pendapatan *remisier* mengikut kaedah yang ditetapkan. Pendapatan berjumlah RM4.64 juta tidak dikenakan cukai dan perbelanjaan berjumlah RM10.13 juta telah dibenarkan sebagai potongan sungguhpun maklumat-maklumat lengkap mengenainya tidak diterima.

Kedudukan Masa Kini

LHDN telah menjalankan siasatan terhadap kes-kes yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Hasil daripada siasatan itu, tindakan telah diambil untuk mengenakan cukai ke atas sebahagian pendapatan *remisier* berjumlah RM2.07 juta dan perbelanjaan berjumlah RM6.82 juta yang telah dibenarkan sebelum ini sebagai potongan.

27.7. KEMENTERIAN KESIHATAN

27.7.1. Pengurusan Kewangan

Kawalan dalaman terhadap pengurusan hasil dan perbelanjaan di beberapa hospital, klinik pergigian dan pejabat kesihatan tidak memuaskan. Antara kelemahan yang telah diperhatikan ialah tiada bukti pemeriksaan mengejut dijalankan; tiada pengasingan tugas antara pegawai yang menerima dan mengutip hasil serta Daftar Mel dan Penyata Penyesuaian Hasil tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.

Kedudukan Masa Kini

Kementerian Kesihatan telah mengambil tindakan susulan terhadap kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan oleh Audit. Antara langkah yang telah diambil ialah mengeluarkan senarai semakan berhubung dengan pengurusan kewangan untuk rujukan pegawai-pegawai yang berkaitan; memberi latihan berhubung dengan penyelenggaraan rekod-rekod perakaunan dan mewujudkan pasukan naziran untuk membuat pemeriksaan di PTJ-PTJ dari semasa ke semasa.

27.7.2. Kajian Terhadap Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital

Kerajaan telah menswastakan 5 perkhidmatan sokongan hospital kepada 3 syarikat konsesi mulai 1 Januari 1997 bagi tempoh 15 tahun. Didapati

syarikat-syarikat konsesi tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian konsesi dan ini boleh menjejaskan pencapaian objektif penswastaan perkhidmatan sokongan hospital berkenaan.

Kedudukan Masa Kini

Kementerian telah melantik sebuah syarikat juruperunding untuk mengawal selia syarikat-syarikat konsesi bagi memastikan mereka mematuhi syarat-syarat kontrak. Syarikat itu telah membuat pengawasan lebih rapi dan mengemukakan laporan bulanan kepada pihak pengurusan berhubung dengan prestasi perkhidmatan yang diberi oleh syarikat-syarikat konsesi.

27.8. KEMENTERIAN DALAM NEGERI Polis Diraja Malaysia

27.8.1. Pengurusan Kewangan

Bil-bil berhubung dengan perolehan dan perkhidmatan bernilai RM70.41 juta yang diterima antara tahun 1992 hingga 1997 tidak dibayar kerana kekurangan peruntukan dalam tahun-tahun berkenaan. Pihak Perbendaharaan Malaysia telah mengarahkan supaya sebahagian daripada bil itu bernilai RM50.50 juta dipertanggungkan kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) atas nama pegawai yang melakukannya sementara menunggu laporan penyiasatan mengenainya.

Kedudukan Masa Kini

Laporan Jawatankuasa Penyiasat seperti yang dikehendaki di bawah Arahan Perbendaharaan 59 telah disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 15 Julai 1999. Bagaimanapun, setakat ini, tidak ada sebarang keputusan dibuat mengenainya.

27.8.2. Bot Tidak Dapat Digunakan

Sebuah bot, *Submersible Recovery Craft* bernilai RM2.30 juta tidak digunakan sejak ia dibeli pada tahun 1997 kerana mengalami kerosakan yang teruk di beberapa bahagian badan bot. Sehingga akhir tahun 1998, tuntutan insurans untuk mendapatkan bot yang baru masih belum diselesaikan.

Kedudukan Masa Kini

Syarikat Insurans telah membuat pembayaran sebanyak RM2.46 juta pada 24 Ogos 1999.

28. PERKARA-PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN SEBELUM TAHUN 1998 YANG MASIH BELUM SELESAI

Semakan telah dibuat terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Laporan-laporan Audit bagi tahun 1994 hingga 1997 untuk menentukan sama ada tindakan susulan telah diambil ke atas perkara-perkara berkenaan. Hasil dari semakan itu didapati tindakan-tindakan susulan yang sewajarnya telah diambil terhadap kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan kecuali perkara-perkara berikut :-

28.1. Kementerian Belia Dan Sukan - Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia

Pinjaman yang diberi oleh Kementerian kepada belia tidak dibayar balik mengikut jadual. Jumlah tunggakan setakat Ogos 1995 ialah RM7.39 juta. Semakan yang dijalankan mendapati setakat 31 Disember 1999, jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman telah meningkat kepada RM17.73 juta.

28.2. Kementerian Pertanian - Taman Pertanian Malaysia, Bukit Cahaya Seri Alam, Shah Alam, Selangor

Hak milik tanah tapak Taman Pertanian Malaysia masih belum ditukar hak milik kepada Kerajaan Persekutuan sungguhpun Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM97.02 juta. Diperhatikan status tanah berkenaan masih dikekalkan sebagai "Hutan Simpan Kerajaan Negeri".

29. RUMUSAN

Sungguhpun pada umumnya Kementerian/Jabatan telah mengambil tindakan-tindakan susulan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Laporan-laporan Ketua Audit Negara yang lalu, kemungkinan besar kelemahan-kelemahan yang sama akan berulang sekiranya langkah-langkah pembetulan tidak dibuat secara berterusan dan menyeluruh.

BAHAGIAN VI

PERKARA-PERKARA AM

30. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM SERTA AKTIVITI-AKTIVITI KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN 1998

Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan-laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang akan mengarahkan laporan-laporan itu dibentangkan di Parlimen. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Serta Aktiviti-aktiviti Kementerian, Jabatan Dan Agensi Kerajaan Persekutuan Tahun 1998 telah dibentangkan di Parlimen pada 29 Oktober 1999 iaitu pada hari yang sama dengan pembentangan Anggaran Belanjawan bagi Tahun 2000.

31. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN TAHUNAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI PARLIMEN

Mengikut Seksyen 7 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan) 1980 (Akta 240), setiap Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan Penyata Kewangan bersama-sama dengan Laporan Aktiviti kepada Menteri berkenaan dalam tempoh satu bulan selepas menerima penyata yang telah diaudit. Menteri berkenaan kemudiannya dikehendaki membentangkan penyata itu di Parlimen dengan segera. Sehingga 30 Jun 2000, sebanyak 80 Penyata Kewangan bagi tempoh 1984 hingga 1998 yang melibatkan 47 Badan Berkanun Persekutuan masih belum dibentangkan. Butir-butirnya adalah seperti di **Lampiran B**.

32. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Pada tahun 1999, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah bermesyuarat sebanyak 4 kali iaitu pada 25 dan 26 Mac serta 7 dan 8 Julai untuk membincangkan sebahagian daripada isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Serta Aktiviti-aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan Tahun 1997. Jawatankuasa mula membincangkan isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Serta Aktiviti-aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan Tahun 1998 pada 13 dan 14 Jun 2000. Jawatankuasa telah membincangkan perkara-perkara seperti di Jadual berikut :-

JADUAL 55
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA MENGENAI PENYATA
AKAUN AWAM SERTA AKTIVITI-AKTIVITI KEMENTERIAN, JABATAN DAN

AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 1997 DAN 1998

TARIKH	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN
25 Mac 1999	Bahagian II - Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Bayaran Lebih Gaji dan Elaun Guru-guru	Kementerian Pendidikan
	Pembayaran Melebihi Peruntukan	Kementerian Pertahanan
	Imbuan Balik Perbelanjaan	Kementerian Pertahanan
	Ketidakpatuhan Kepada Arahan dan Prosedur Kewangan	Kementerian Pertahanan
26 Mac 1999	Bahagian II - Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Kehilangan Cek Bernilai RM228,238	Kementerian Kerja Raya
	Ketidakpatuhan Kepada Arahan dan Prosedur Kewangan	Kementerian Kesihatan
7 Julai 1999	Bahagian II - Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Kelemahan Kawalan Kutipan Hasil	Kementerian Dalam Negeri
	Pengurusan Pinjaman Luar Negeri	Kementerian Kewangan
	Pinjaman-pinjaman Yang Dikeluarkan Oleh Kerajaan Persekutuan	Kementerian Kewangan
8 Julai 1999	Bahagian III - Aktiviti-aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Pengurusan Peralatan Perubatan Di Hospital-hospital Dan Klinik-klinik Pergigian	Kementerian Kesihatan
	Penswastaaan Perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer	Kementerian Pengangkutan
13 Jun 2000	Bahagian I - Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1998 Sumber dan Penggunaan Dana	Kementerian Kewangan
	Pengurusan Hutang Awam	Kementerian Kewangan Jabatan Akauntan Negara
14 Jun 2000	Bahagian II - Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Kajian Terhadap Pembinaan Bangunan Pejabat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

PENUTUP

Adalah menjadi hasrat Jabatan ini untuk mengeluarkan Laporan Audit yang seimbang (*balanced report*) iaitu selain dari melaporkan kelemahan-kelemahan berhubung dengan pengurusan kewangan dan pelaksanaan program/aktiviti Kerajaan, juga melaporkan tentang langkah-langkah pembetulan serta pembaharuan-pembaharuan yang diambil oleh Kementerian/Jabatan mengenainya. Bagaimanapun, tidak semua isu yang dibangkitkan mendapat maklum balas daripada pihak Kementerian/Jabatan yang terlibat sebelum Laporan ini disiapkan. Sehubungan ini, adalah diharap Pegawai-pegawai Pengawal memberikan maklum balas dengan awal terhadap teguran-teguran Audit supaya Laporan Audit yang seimbang dapat disediakan di masa hadapan.

**Jabatan Audit Negara Malaysia
Kuala Lumpur**

6 Julai 2000

LAMPIRAN A
(Perenggan 22 - Bahagian IV)

**PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
YANG DIKEMUKAKAN UNTUK PENGAUDITAN
SELEPAS 30 APRIL 1999**

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	TARIKH PENYATA KEWANGAN DITERIMA
1	Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia	3 Mei 1999
2	Perbadanan Stadium Merdeka	3 Mei 1999
3	Lembaga Pertubuhan Peladang	4 Mei 1999
4	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah	4 Mei 1999
5	Lembaga Pembangunan Labuan	5 Mei 1999
6	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	6 Mei 1999
7	Bank Pertanian Malaysia	7 Mei 1999
8	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara	12 Mei 1999
9	Yayasan Tun Razak	14 Mei 1999
10	Maktab Kerjasama Malaysia	24 Mei 1999
11	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan	31 Mei 1999
12	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia	16 Jun 1999
13	Perbadanan Putrajaya	28 Jun 1999
14	Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru	31 Julai 1999
15	Bank Simpanan Nasional	23 September 1999
16	Lembaga Letrik Sabah	19 November 1999

LAMPIRAN B
(Perenggan 31 - Bah. VI)

**PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI PARLIMEN
- KEDUDUKAN SETAKAT 30 JUN 2000**

BADAN BERKANUN	BILANGAN PENYATA KEWANGAN	TAHUN PENYATA KEWANGAN BELUM DIBENTANGKAN
A. JABATAN PERDANA MENTERI		
1. LEMBAGA TABUNG HAJI	1	1998
2. MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN	2	1997 - 1998
3. KUMPULAN WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA DAN YANG DI PERTUA- YANG DI PERTUA NEGERI	4	1995 - 1998
4. PERBADANAN PUTRAJAYA	2	1997 - 1998
B. KEMENTERIAN PERTAHANAN		
5. LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA	1	1998
6. PERWIRA NIAGA MALAYSIA	1	1998
7. PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA	1	1998
8. PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA	1	1998
C. KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT		
9. LEMBAGA WAKAF ORANG-ORANG HINDU PULAU PINANG	11	1984 - 1994
D. KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI		
10. PERBADANAN PRODUKTIVITI NEGARA	1	1998
E. KEMENTERIAN KEWANGAN		
11. LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA	1	1998
12. LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI	1	1998
13. LEMBAGA PEMBANGUNAN LABUAN	1	1998
14. INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA	1	1998
F. KEMENTERIAN TANAH DAN PEMBANGUNAN KOPERASI		
15. LEMBAGA JURUKUR TANAH SEMENANJUNG MALAYSIA	13	1985 - 1996, 1998

BADAN BERKANUN	BILANGAN PENYATA KEWANGAN	TAHUN PENYATA KEWANGAN BELUM DIBENTANGKAN
G. KEMENTERIAN PERUSAHAAN UTAMA 16. LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA 17. LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA 18. LEMBAGA GETAH MALAYSIA 19. LEMBAGA (PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN) PERUSAHAAN TIMAH 20. LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA 21. LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA 22. LEMBAGA KOKO MALAYSIA	2 1 1 1 1 1 1	1997 - 1998 1998 1998 1998 1998 1998 1998
H. KEMENTERIAN PERTANIAN 23. BANK PERTANIAN MALAYSIA 24. LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA 25. LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG 26. LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN 27. LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA 28. YAYASAN PELAJARAN PERSATUAN PELADANG DAN PERTUBUHAN PELADANG MADA 29. LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU 30. JEMAAH PEMASARAN LADA HITAM 31. INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	1998 1998 1998 1998 1998 1998 1998 1998 1998 1998
I. KEMENTERIAN KERJA RAYA 32. LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA 33. LEMBAGA PEMBANGUNAN PEMBINAAN INDUSTRI MALAYSIA	1 2	1998 1997 - 1998
J. KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN 34. PERBADANAN STADIUM MERDEKA	1	1998
K. KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN 35. LEMBAGA AMANAH BALAI SENI LUKIS NEGARA	2	1997 - 1998
L. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN 36. YAYASAN PELAJARAN MARA	2	1997 - 1998

BADAN BERKANUN	BILANGAN PENYATA KEWANGAN	TAHUN PENYATA KEWANGAN BELUM DIBENTANGKAN
M. KEMENTERIAN PENDIDIKAN		
37. INSTITUT TEKNOLOGI MARA	1	1998
38. UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	1	1998
39. UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	2	1997 - 1998
40. UNIVERSITI MALAYA	1	1998
41. UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	1	1998
42. HOSPITAL UNIVERSITI	1	1998
43. KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU-GURU	1	1998
44. UNIVERSITI UTARA MALAYSIA	2	1997 - 1998
N. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR		
45. PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH	1	1998
46. LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH	1	1998
47. LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH	1	1998
JUMLAH	80	